

فتيقن قيتيه

PETIKAN TITAH

"AJARAN agama kita benar-benar menekankan supaya perpaduan itu diutamakan. Jangan ia diabaikan, tetapi sebaliknya, hindarilah perpecahan. Kerana perpecahan itu merupakan anasir pembina yang paling berpotensi." - Titah sempena menyambut Hari Raya Aidiladha pada 17 Mac 2000.

Pelita BRUNEI

Membudayakan Masyarakat Bormaklumat



مانيسن ايمان
MANISNYA IMAN

"DARI Abi Hurairah Radi-
allahu 'anhu ia berkata: Telah
berabda Nabi Sallallahu
Alaihi Wasallam: 'Sesapa
yang mengerjakan haji ke
Baitullah dan tidak melaku-
kan perkara-perkara yang
tidak dibuat tasuk, maka dia
suci daripada dosanya
sedih-olah dia kembali pada
hari dia dilahirkan oleh ibunya.'
Maksud hadis: Rasulullah
Sallallahu Alaihi Wasallam
mengayat Al-Iman As-Sukhuri.

TAHUN 49 BILANGAN 51

RABU 22 DISEMBER 2004/1425 رابو 10 ذوالقعدة

DITERBITKAN PADA SETIAP HARI RABU

PERCUMA

Hubungan mesra Brunei - Bahrain sentiasa terjalin

BANDAR SERI BEGA-
WAN, 16 Disember. -
Kebawah Duli Yang Maha
Mulia Paduka Seri Baginda
Sultan Haji Hassanal
Bolkiah Mu'izzaddin Wad-
daulah, Sultan dan Yang Di-
Pertuan Negara Brunei
Darussalam telah berkenan
menghantar perutusan tah-
niah kepada Kebawah Duli
Yang Maha Mulia Sheikh
Hamad bin Isa Al Khalifa,
Raja Bahrain dan Duli Yang
Maha Mulia Sheikh Khalifa
bin Salman Al Khalifa,
Perdana Menteri Bahrain
bersempena ulang tahun
Hari Kebangsaan Bahrain.

dalam perlindungan Allah,
sihat sejahtera dan semoga
rakyat Bahrain akan senti-
asa menikmati kemakmuran
dan kesejahteraan yang
berterusan.

Sementara itu di dalam
perutusan kepada Duli
Yang Maha Mulia Sheikh
Khalifa bin Salman Al
Khalifa, Perdana Menteri
Bahrain, baginda mengucap-
kan setinggi-tinggi tah-
niah kepada Tuan Yang
Terutama dan Kerajaan
serta rakyat Bahrain sempe-
na Hari Kebangsaan Bah-
rain.

Dalam perutusan itu,
baginda merakamkan pera-
saan gembira di atas hubu-
ngan mesra dan persefa-
haman yang erat yang
sentiasa terjalin sejak
sekarang lamanya di antara
Negara Brunei Darussalam
dengan Bahrain. Baginda
seterusnya berdoa semoga
keadaan sedemikian akan
berkekalan dan diper-
tingkatkan lagi di masa-
masa yang akan datang
demi kepentingan kedua-
dua buah negara serta
rakyat masing-masing.

Seterusnya dalam per-
utusan itu baginda men-
doakan ke hajat Allah
Subhanahu Wataala, semo-
ga Kebawah Duli Yang
Maha Mulia Sheikh Hamad
bin Isa Al Khalifa sentiasa

Baginda merakamkan
perasaan gembira di atas
hubungan mesra dan perse-
fahaman yang erat yang
sentiasa terjalin sejak
sekarang lamanya di antara
Negara Brunei Darussalam
dengan Bahrain. Baginda
seterusnya berdoa semoga
keadaan sedemikian akan
berkekalan dan diper-
tingkatkan lagi di masa-
masa yang akan datang
demi kepentingan kedua-
dua buah negara serta
rakyat masing-masing. Sete-
rusnya baginda mendoakan
semoga Duli Yang Maha
Mulia Sheikh Khalifa bin
Salman Al Khalifa, Perdana
Menteri Bahrain akan senti-
asa menikmati kemakmuran
dan kesejahteraan.



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam ketika berkenan menerima sembah taklimat mengenai perkhidmatan kaunter dari Pesuruhjaya Buruh ketika baginda berangkat melawat jabatan tersebut. Lagi berita dan gambar-gambar di muka 4 dan 5.

Kebawah DYMM berangkat melawat dua buah jabatan kerajaan

BERAKAS, 20 Disember. -
Kebawah Duli Yang Maha
Mulia Paduka Seri Baginda
Sultan Haji Hassanal
Bolkiah Mu'izzaddin Wad-
daulah, Sultan dan Yang Di-
Pertuan Negara Brunei
berkenan berangkat meneru-
sakan siri lawatan mengo-
jut ke Jabatan Buruh serta
Jabatan Imigresen dan Pen-
daftar Kebangsaan di sini.

Siri keberangkatan meng-
ejut ke Kementerian
Kementerian dan jabatan-
jabatan kerajaan, institusi-
institusi pendidikan, sektor

Oleh
Sahari Akim

swasta, mukim-mukim dan
kampungan-kampung, menan-
dakan keprihatinan baginda
untuk melihat secara lebih
dekat mengenai kemajuan
dan permasalahan yang
dihadapi dalam agensi-
agensi dan institusi-institusi
berkenaan.

Dalam setiap keberang-
katan ke jabatan-jabatan
kerajaan, baginda mem-
berikan tumpuan kepada
pemberian perkhidmatan

yang mantap dan memu-
askan kepada orang ramai,
prasana dan peralatan
pejabat yang memuaskan
serta kebajikan pegawai-
pegawai dan kakitangan-
nya.

Jabatan Buruh dan
Jabatan Imigresen dan
Pendaftaran Kebangsaan
merupakan dua buah
jabatan penting yang ber-
peranan bukan sahaja mem-
berikan pelbagai per-
khidmatan kepada rakyat
dan penduduk negara ini,
malah kepada warga asing
yang berkhidmat, berurus

niaga dan melawat ke
negara ini.

Keberangkatan tiba
baginda dijunjung oleh
Pemangku Menteri Hal
Ehwal Dalam Negeri, Yang
Dimuliakan Pehin Orang
Kaya Johar Pahlawan Dato
Paduka Haji Awang Adan;
Pesuruhjaya Buruh,
Awang Haji Omar bin Haji
Abdul Rahman; Pemangku
Pengarah Imigresen dan
Pendaftaran Kebangsaan,
Awang Haji Kassim bin
Haji Metali serta pegawai-
pegawai kanan yang lain.

Lihat muka 16

ANTARA YANG MENARIK

Haluan :
Sistem berkeluarga
dan berkampung
semakin longgar
- Muka 2

Melirik Masa Silam :
Khidmat pada yang
susah
- Muka 6

Kejadian air
kemerah-merahan
- Muka 10

Sektor swasta
berperanan majukan
pembangunan sukan
- Muka 15

Membangunkan
projek pelabuhan
Muara Besar
- Muka 16

Awal Tahun Baru
'Sambut dengan
azam baru, bukan
pesta-pestaan'
- Muka 2 ANEKA

Perhiasan yang
dilarang dalam Islam
- Muka 4 ANEKA

Surat tidak akan
dibantar
- Muka 9 ANEKA

Taman berteknologi
tinggi dibina di Jalan
Tungku
- Muka 16 ANEKA

TAHUKAH AWDA

KOMPUTER pertama
(selain Sempoa) dicipta
oleh seorang profesor
matematik Inggeris,
Charles Babbage (1791-
1871) yang memba-
ngunkan mesin Difference
Engine pada 1823. Beliau
kemudian mencipta Ana-
lytical Engine yang men-
jadi komputer pelbagai
kegunaan yang pertama.
Ciptaan itu menjadi asas
kepada penciptaan mesin-
mesin pengiraan atau
analisis yang lebih kom-
pleks dan menjadi plat-
form kepada penciptaan
komputer masa kini.
Komputer digital elek-
tronik pertama pula dicipta
oleh John P. Eckert dan
John W. Mauchly pada
1946 melalui penciptaan
mesin Electronic Nume-
rical Integrator and Com-
puter (ENIAC). - Sumber:
Mohd. Ridwan Md. Iman,
Sempoa - 'komputer' perta-
ma di dunia? esidiotmy.
Utusan Malaysia, Rabu, 30
Jun 2004. Edisi 29, Tahun
Ke-3. Kuala Lumpur:
Utusan Melayu (M)
Berhad. (2004 : 30).

AWASI KEJADIAN AIR KEMERAH-MERAHAN

BERAKAS, 18 Disem-
ber. - Pemantauan terkini
yang dilakukan oleh Jaba-
tan Perikanan telah me-
nunjujkan bahawa pera-
iran Negara Brunei
Darussalam kini telah
dilandai oleh air kemerah-
merahan.

Menurut siaran akhbar
yang dikeluarkan oleh
Jabatan Perikanan setakat
ini, kawasan-kawasan yang
telah didapati terjejas ialah
kawasan perairan Pelom-
pong, Panchang Merah,
Panchang Hijau, Laut

Pilong-Pilong, Pantai
Berakas, Jer Bong, Bintu-
ran, Penanjong dan Tutong.

Kejadian air kemerah-
merahan kini dilaporkan
telah merebak ke kawasan
Seria termasuk kawasan
perairan Lumut, Anduki dan
Seria. Kawasan yang terli-
bat adalah kira-kira tujuh
kilometer dari kawasan pan-
tai.

Jabatan Perikanan dalam
siaran akhbarnya menje-
laskan, orang ramai teruta-
ma sekali nelayan-nelayan
adalah ditegah untuk

Oleh
Haji Dayang HK

menangkap ikan-ikan kecil
seperti aur-aur, jamban,
rumahan bini, rumahan laki,
temanong, selidai, sanglar,
geronggong, basong-
basong, pusu, kuasi,
temanong basurat, camau,
kirang-kirang, dayang-
dayang, parangiyang, mi-
nyak-minyak dan kerang-
kerangan serta ikan-ikan
yang didapati mati di
kawasan perairan yang ter-
jejas.

Orang ramai juga dinasi-
hatkan untuk tidak mema-
kan sebarang ikan dan
kerang-kerangan yang tidak
diketahui tempat asalnya.

Siaran akhbar Jabatan
Perikanan mengingatkan,
sebagai langkah berjaga-
jaga orang ramai adalah
dinasihatkan untuk mem-
buang semua insang, perut
dan organ-organ dalaman
ikan sebelum memasaknya.

Jabatan Perikanan juga
memberikan amaran baha-
wa dalam keadaan ketika
ini, Jabatan Perikanan ingin

meyakinkan kepada orang
ramai untuk tidak merasa
cemas kerana langkah-
langkah yang perlu meng-
ikut garis pandu Pelan
Tindakan Kebangsaan Air
Kemerah-merahan telah pun
dilaksanakan dan kerja-
kerja pemantauan kejadian
air kemerah-merahan akan
terus dipertingkatkan.

Dalam pada itu, Jabatan
Perikanan akan sentiasa
memaklumkan kepada
orang ramai mengenai ke-
adaan terkini dari masa ke
semasa. Orang ramai teruta-

ma sekali para nelayan
boleh membantu Jabatan
Perikanan dengan mela-
porkan sebarang kejadian
perubahan warna air atau
jika menjumpai ikan-ikan
yang mati pada jumlah yang
banyak di kawasan perairan
dan pantai-pantai melalui
italian 8819218, 8786399
dan 8887480.

Lagi mengenai asal
kejadian dan langkah-lang-
kah berawas berikutan keja-
dian air kemerah-merahan
di muka surat 10.



22 DISEMBER 2004 BERSAMAAN 1425 ذوالقعدة 10

MENJADI TETAMU ALLAH

SERAMAI 1,100 orang bakal jemaah haji Negara Brunei Darussalam akan menunaikan Rukun Islam Kelima pada musim haji tahun 2004. Jumlah itu termasuk 26 pegawai perubatan, tujuh pegawai Bit'hah Haji dan 14 orang pegawai pengiring Pakej Darussalam. Kesemua bakal jemaah haji akan bertolak dalam enam penerbangan iaitu pada 27, 28, 29 dan 31 Disember serta 1 dan 5 Januari 2005.

Ibadah haji merupakan muktamar besar-besaran umat Islam dari seluruh dunia dan ini menggambarkan satu jalinan yang utuh antara manusia dengan Allah. Justeru itu, umat Islam berpeluang berkomunikasi dan berinteraksi sesama mereka di musim haji dan ia juga sekali gus menjadi medan bagi mereka mengeratkan lagi tali persaudaraan Islam sejagat.

Berbagai rintangan dan dugaan akan menguji para jemaah haji. Yang pasti kejutan itu pasti berlaku kerana berdepan dengan lautan manusia dari seluruh pelusuk dunia. Para jemaah perlu menyediakan kekentalan minda mereka seperti bersikap sabar, tolak ansur dan tidak penting diri. Tegasnya setiap jemaah perlu membentuk dirinya sebagai seorang yang penyayang, suka menolong dan mereka juga perlu menjauhkan daripada sikap riak dan sombong. Sebab pemergian mereka ke Tanah Suci adalah sebagai tetamu Allah, bukan sebagai pelancong biasa dan makan angin.

Perlu diingat keadaan di Tanah Suci tidak sama dengan keselesaan di rumah. 1,000 satu macam dugaan perlu dihadapi. Kekentalan mental dan ketahanan spiritual amat penting bagi menghadapi suasana itu, di samping mempunyai kekuatan fizikal kerana ibadah haji memerlukan banyak pergerakan seperti tawaf, sai dari Safa ke Marwa dan ketika berada di Arafah dengan jutaan orang dan yang amat mencabar ialah ketika melontar ketiga-tiga Jumrah di Mina.

Selain daripada itu, para jemaah juga perlu mengikut arahan dan peraturan Kerajaan Arab Saudi bagi menjamin kesejahteraan dan kemudahan mereka di Tanah Suci. Peraturan terbaru yang dikeluarkan ialah melarang sama sekali daripada membawa telefon berkamera. Jika didapati membawa barang yang dilarang itu, para jemaah diminta menyerahkannya di pintu masuk dan dipulangkan semula ketika mereka hendak kembali ke tanah air. Satu lagi larangan yang dikuatkuasakan ialah berkaitan bahan-bahan bacaan seperti buku-buku risalah yang tiada berkaitan langsung dengan ibadah haji. Maka untuk kemudahan berkenaan, bakal-bakal haji janganlah cuba berani membawa masuk barang-barang yang ditegah oleh Kerajaan Arab Saudi kerana susahlah diri sendiri juga. Tanamkan dalam jiwa kita bahawa pemergian ke sana adalah atas tiket untuk menjadi tetamu Allah.

Yang amat penting diingat, jangan hendaknya ibadah yang menghendaki pengorbanan bukan sahaja jiwa dan raga akan tetapi harta serta wang ringgit yang banyak itu dicampuradukkan dengan perkara-perkara yang mungkar dan bidaah serta kepercayaan yang bertentangan dengan akidah agama Islam. Perkara khurafat seperti ini masih lagi menebal di kalangan orang-orang Brunei. Jauhlah perbuatan-perbuatan sedemikian kerana ia tidak termaktub dalam rukun mengerjakan ibadah haji.

Alhamdulillah pada tahun ini, para jemaah haji kita akan diterbangkan terus dari Bandar Seri Begawan ke Kota Madinah dengan menggunakan pesawat Syarikat Penerbangan Diraja Brunei (RBA) dan tidak seperti di tahun-tahun lalu, para jemaah diterbangkan ke Jeddah dan kemudian menaiki bas selama lebih lapan jam menuju Madinah. Setentunya, kemudahan seperti ini secara langsung akan memberikan keselesaan dan masa yang cukup kepada para jemaah untuk lebih menumpukan perhatian bagi menunaikan seruan Ilahi.

Para jemaah haji kita mustahak sentiasa mengutamakan kesihatan dan memberi tumpuan beribadat sepanjang masa dengan penuh khusyuk baik di Masjidil Haram, Masjid Nabawi mahupun ketika di Mina dan di Padang Arafah bagi semata-mata mengabdikan diri kepada Allah Subhanahu Wataala. Namun, ibadah haji menuntut pelbagai keperluan yang mesti disediakan kerana pengabdian yang terkandung di dalam ibadah itu mempunyai kombinasi unsur fizikal, material, mental dan spiritual.

HALUAN...

Assalamualaikum
Warahmatullahi
Wabarakatuh

Bismillahir Rahmanir
Rahim

ALHAMDULIL-LAH, bersyukur kita ke hadirat Allah Subhanahu Wataala kerana dengan limpah kurnia-Nya jua kita dapat berkumpul bagi sama-sama memeriahkan Pesta Hari PESAKA Ke-4 Tahun 2004.

Saya sukacita mengucapkan tahniah kepada Yang Dipertua Persatuan PESAKA dan seluruh ahli persatuan ini kerana berjaya mengukuhkan Pesta Hari PESAKA selama empat hari berturut-turut. Tidak syak lagi, kejayaan seumpama ini menampakkan kekuatan semangat perpaduan di pihak kepimpinan dengan ahli-ahli, di samping kerjasama yang padu daripada penduduk-penduduk Kampung Keriam di mana persatuan ini ditubuhkan kira-kira 45 tahun yang lalu. Sebagai sebuah persatuan sukarela yang diasaskan untuk mewujudkan semangat perpaduan di kalangan ahli-ahli dengan masyarakat kampung melalui kegiatan-kegiatan berkebaikan, adalah penting supaya hubungan baik-baik dan semangat toleransi dengan masyarakat kampung sentiasa dipupuk dan disemai sehingga ke suatu tahap di mana masyarakat kampung memandang persatuan sebagai 'role model' yang layak diteladani.

Pada pandangan saya, Persatuan PESAKA sudah sampai ke tahap sebuah persatuan sukarela yang layak diteladani. Lumih-lumih kegiatan yang diukaykannya sejak ditubuhkan pada tahun 1960 sudah dapat dijadikan bukti yang moto persatuan ini 'Bersatu Untuk Perpaduan' telah dapat dihayati oleh ahli-ahlinya. Perkara ini tercapai, walaupun tidak seratus peratus, adalah berkat kepimpinan yang mantap, semangat muafakat yang padu dan di atas segala-galanya penerimaan masyarakat kampung terhadap Persatuan PESAKA sebagai suatu wasilah untuk melahirkan

SISTEM BERKELUARGA DAN BERKAMPUNG SEMAKIN LONGGAR

suasana harmoni, semangat berbaik-baik, tolong-menolong dan berbaik sangka di kalangan masyarakat kampung.

Sebagai sebuah persatuan belia yang dapat diteladani, Kampung Keriam patut berbangga dengan wujudnya persatuan ini sebagai satu aset yang dinamik yang dapat dikembangkan dengan jaringan program-program sosial dan ekonomi untuk meningkatkan lagi taraf kehidupan masyarakat kampung. Malah persatuan ini, dalam apa jua kegiatan sosial dan ekonominya, secara de facto dapat supplement dan complement kepada institusi Penghulu dan Ketua Kampung yang diamanahkan berperanan sebagai mata dan telinga Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam itu. Saya percaya Persatuan PESAKA dengan kepimpinan yang dinamik dan berwibawa dapat membantu memperkukuhkan lagi

institusi Penghulu dan Ketua Kampung dalam upayanya memberi khidmat yang terbaik lagi berkesan kepada mukim dan kampung.

Di negara kitani, budaya atau amalan berkampung sudah lama wujud iaitu satu cara kehidupan yang telah membawa kesejahteraan, kemakmuran dan keberkatan dalam kehidupan kita semua. Sebab itulah institusi Penghulu dan Ketua Kampung dikekalkan hingga sekarang di mana kita menikmati kemewahan, kesenangan dan terhindar daripada kebimbangan dan ketatan.

Tetapi kebimbangan kita dewasa ini adalah terdapat kesan-kesan sampingan yang negatif hasil daripada kemewahan dan kesenangan yang kita nikmati itu, seperti semakin longgar pegangan terhadap sistem berkeluarga dan berkampung dan nilai-nilai murni yang terkandung di dalamnya. Sudah nampak bibit-bibit kurangnya rasa kekitaan sesama sendiri, kurangnya sifat pemerdalian kepada golongan tua yang memerlukan bantuan

dan gejala-gejala yang menjurus kepada keruntuhan akhlak.

Saya berharap, di peringkat mukim dan kampung, usaha pemantauan gejala-gejala negatif dalam masyarakat akan dapat ditingkatkan dan juga golongan belia akan lebih peka dan responsif terhadap kesusahan hidup penduduk-penduduk mukim dan kampung, terutamanya golongan warga tua. Jika terdapat kes-kes yang sedemikian, sekurang-kurangnya hendaklah dimaklumkan segera kepada pihak-pihak yang berwajib untuk tindakan siasatan. Saya percaya bagi Persatuan PESAKA yang sudah berpengalaman dalam mengendalikan pelbagai program kemasyarakatan, perkara seperti memeduli golongan yang memerlukan bantuan bukanlah suatu yang di luar kemampuan persatuan ini.

Potensi sumbangan serta khidmat bakti persatuan-persatuan belia, termasuk Persatuan PESAKA, dalam pembangunan negara adalah tidak



UCAPAN Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Digadong Seri Lela Dato Seri Paduka (Dr.) Haji Awang Hussain bin Pehin Orang Kaya Digadong Seri Diraja Dato Laila Utama Haji Awang Mohd. Yusof, Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan di Majlis Pelancaran Pesta Hari PESAKA Ke-4 2004 di Kawasan dan Dewan Wawasan Bangunan PESAKA, Kampung Keriam, Tutong pada 3 Disember 2004.

belia di peringkat daerah untuk sama-sama menangani pembangunan belia di daerah masing-masing. Upaya empowerment kepada belia adalah bertujuan supaya persatuan-persatuan belia lebih proaktif dalam mengukuhkan program-program ke arah mewujudkan belia yang cemerlang dan menjadi 'role model' untuk ikutan di daerah masing-masing.

Akhirnya, marilah kita sama-sama berdoa, mudah-mudahan matlamat Persatuan PESAKA untuk menyatupadukan serta meningkatkan taraf kehidupan penduduk-penduduk kampung akan terlaksana dengan jayanya. Saya juga berharap persatuan ini tidak kendur melibatkan diri dalam kegiatan-kegiatan sukarela yang bertaraf nasional.

Dengan bertawakal kepada Allah Subhanahu Wataala dan dengan kalimah 'Bismillahir Rahmanir Rahim', saya sukacita merasmikan Pesta Hari PESAKA Ke-4 2004.

Sekian Wabillahir Taufik Walhidayah Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

RALAT

BERITA di bawah tajuk 'Berangkat menziarahi jenazah Allahyarham Pengiran Maharaja Lela' di muka 1 dan 3 keluaran PELITA BRUNEI 15 Disember 2004, para empat perkataan 'Sembahyang Sunat Jenazah' digantikan 'Sembahyang Jenazah'. Para tujuh pula hendaklah dibaca seperti berikut: "Kadi Besar Negara Brunei Darussalam, Yang Dimulikan Pehin Orang Kaya Paduka Seri Utama Dato Paduka Seri Setia Haji Awang Salim membaca tahlil dan talin dibacakan oleh Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin."

Sementara keterangan gambar di muka 1 atas sekali perkataan 'Sembahyang Sunat Jenazah' dibaca 'Sembahyang Jenazah'. - *Penyunting*.



KEBAWAH DULI Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang Di-Pertuan Agong Malaysia Ke-XII mengurniakan Darjah Panglima Gagah Angkatan Tentera (P.G.A.T.) kepada Yang Dimuliakan Pehin Datu Lailaraja Mejar Jeneral Dato Paduka Seri Haji Awang Halbi bin Haji Md. Yusoff, Pemerintah Angkatan Bersenjata Diraja Brunei di Balai Rong Seri Istana Negara, Kuala Lumpur. - Gambar ihsan Kementerian Pertahanan.

Pemerintah ABDB dikurniakan Darjah P.G.A.T.

KUALA LUMPUR, 30 November. - Bersempena sambutan ulang tahun Angkatan Tentera Malaysia Ke-71 pada 16 September 2004, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang Di-Pertuan Agong Malaysia Ke-XII telah mengurniakan Darjah Panglima Gagah Angkatan Tentera (P.G.A.T.) [Kehor-

mat/ [Gallant Commander of The Malaysian Armed Forces (Honorary)] kepada Yang Dimuliakan Pehin Datu Lailaraja Mejar Jeneral Dato Paduka Seri Haji Awang Halbi bin Haji Md. Yusoff, Pemerintah Angkatan Bersenjata Diraja Brunei. Istiadat Pengurniaan Bintang Kebesaran berkenaan telah diadakan pada 30

November 2004 di Balai Rong Seri, Istana Negara, Kuala Lumpur. Pemerintah Angkatan Bersenjata Diraja Brunei telah menerima pengurniaan tersebut adalah kerana jasa cemerlangnya berusaha mengeratkan hubungan kerjasama antara Negara Brunei Darussalam dan Malaysia.



PRESIDEN Republik Singapura, Tuan Yang Terutama S R Nathan menganugerahkan Pingat Tertinggi Darjah Utama Bakti Cemerlang (Tentera) kepada Yang Dimuliakan Pehin Datu Lailaraja Mejar Jeneral Dato Paduka Seri Haji Awang Halbi bin Haji Md. Yusoff, Pemerintah Angkatan Bersenjata Diraja Brunei di Istana Negara, Republik Singapura. - Gambar ihsan Kementerian Pertahanan.

Dianugerahkan Darjah Utama Bakti Cemerlang (Tentera)

SINGAPURA, 23 November. - Yang Dimuliakan Pehin Datu Lailaraja Mejar Jeneral Dato Paduka Seri Haji Awang Halbi bin Haji Md. Yusoff, Pemerintah Angkatan Bersenjata Diraja Brunei (ABDB) telah dianugerahkan Pingat Tertinggi Darjah Utama Bakti Cemerlang (Tentera) oleh Presiden Republik Singapura, S R Nathan di Istana Negara, Republik Singapura hari ini.

Penganugerahan terse-

but atas jasa cemerlang Yang Dimuliakan berusaha mengeratkan hubungan dua hala di antara ABDB dan Angkatan Tentera Republik Singapura. Kepimpinan Yang Dimuliakan telah menguatkan lagi hubungan kedua-dua angkatan tentera dari segi pertukaran lawatan, persahabatan dan kerjasama yang lebih profesional.

Turut hadir semasa upacara penganugerahan ini ialah Menteri

Pertahanan Republik Singapura, Rear Admiral (RADM) Teo Chee Hean; Menteri Negara Pertahanan, Cedric Foo; Setiausaha Kanan Parlimen (Pertahanan), Associate Professor Koo Tsai Kee; Setiausaha Tetap Pertahanan Republik Singapura, Chiang Chee Foo; Ketua Turus Pertahanan, Leftenan Jeneral Ng Yat Chung dan pegawai-pegawai kerajaan dan tentera dari kedua-dua buah negara.

Perlantikan Ahli Lembaga Pengarah Perbadanan TAIIB

BANDAR SERI BEGAWAN, 14 Disember. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam telah memperkenankan perlantikan baru ahli-ahli Lembaga Pengarah Perbadanan Tabung Amanah Islam Brunei (TAIB) dan anak-anak syarikatnya, Darussalam Holdings Sdn. Bhd. dan Insurans Islam TAIIB Sdn. Bhd. pada penubuhan bulan November lalu.

Sehubungan dengan itu, satu Majlis Ta'aruf dan perbincangan bagi bertukar-tukar fikiran telah diadakan di kalangan ahli-ahli Lembaga Pengarah TAIIB, Darussalam Holdings Sdn. Bhd. dan Insurans Islam TAIIB Sdn. Bhd. Perjumpaan berlangsung di Bangunan Kementerian Hal Ehwal Ugama, Jalan Menteri Besar, Berakas.

Menurut siaran akhbar TAIIB, perjumpaan tersebut dihadiri oleh Yang Berhormat Pehin Jawatan Luar Pekerma Raja Dato Seri Utama Dr. Ustaz Haji Awang Mohd. Zain bin Haji Seruddin, Menteri Hal Ehwal Ugama selaku Penasihat Perbadanan TAIIB.

Pengerusi-pengerusi Lembaga Pengarah Perbadanan TAIIB dan anak-anak Syarikatnya, Darussalam Holdings Sdn. Bhd. dan Insurans Islam TAIIB Sdn. Bhd. ialah Yang Berhormat Pehin Siraja Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Yahya bin Haji Ibrahim, Timbalan Menteri Hal Ehwal Ugama selaku Pengerusi Perbadanan TAIIB; Dato Seri Setia Awang Haji Yusoff bin Haji Ismail, Setiausaha Tetap Kementerian Hal Ehwal Ugama selaku Pengerusi Darussalam Holdings Sdn. Bhd. dan Dato Paduka Awang Haji Junaidi bin Pehin Orang Kaya Pekerma Setia Dato Paduka Haji Hashim, Pengarah Urusan TAIIB selaku Pengerusi Insurans Islam TAIIB Sdn. Bhd.

Siaran itu menambah perjumpaan tersebut bertujuan untuk memberi gambaran kepada Ahli-ahli Lembaga Pengarah yang baru dilantik mengenai profil ketiga-tiga institusi kewangan Islam tersebut dari segi operasi yang mana sebagaimana juga lain-lain syarikat kewangan, motifnya adalah untuk mencari keuntungan manakala dari sudut perspektif Islam adalah untuk memberikan perkhidmatan kewangan yang berdasarkan syariat Islamiah dengan berpandukan Al-Quran dan As-Sunnah.

Majlis tersebut didahului dengan ucapan nasihat Yang Berhormat Pehin Jawatan Luar Pekerma Raja Dato Seri Utama Dr. Ustaz Haji Mohd. Zain diikuti dengan taklimat mengenai tiga institusi kewangan perbadanan tersebut. Majlis Ta'aruf diakhiri dengan perbincangan dan bertukar-tukar fikiran khasnya untuk mencari jalan atau strategi bagi menambah majukan perbadanan berkenaan dan anak-anak syarikatnya.

Sejak penubuhannya pada 29 September 1991, TAIIB telah mendukung sepenuhnya hasrat Kebawah Duli Yang Maha Mulia agar beroperasi menurut lunas-lunas dan hukum syarak sebagai satu langkah permodenan negara. Sebagai badan kewangan yang ditubuhkan dengan objektif menawarkan perniagaan alternatif yang dapat memenuhi kehendak masyarakat Islam, perbadanan berkenaan mengusahakan perniagaan melalui sistem simpanan kewangan tanpa riba.

Sebagai institusi kewangan Islam yang pertama menjalankan perkhidmatan kewangan mengikut ajaran Islam di negara ini, TAIIB beserta dua anak syarikatnya, Darussalam Holdings Sdn. Bhd. dan Insurans Islam TAIIB Sdn. Bhd. telah berkembang sejajar dengan misinya dalam memberikan perkhidmatan



YANG Berhormat Pehin Jawatan Luar Pekerma Raja Dato Seri Utama Dr. Ustaz Haji Awang Mohd. Zain bin Haji Seruddin, Menteri Hal Ehwal Ugama selaku Penasihat Perbadanan TAIIB.



YANG Berhormat Pehin Siraja Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Yahya bin Haji Ibrahim, Timbalan Menteri Hal Ehwal Ugama selaku Pengerusi Perbadanan TAIIB.



DATO Seri Setia Awang Haji Yusoff bin Haji Ismail, Setiausaha Tetap Kementerian Hal Ehwal Ugama selaku Pengerusi Darussalam Holdings Sdn. Bhd.



DATO Paduka Awang Haji Junaidi bin Pehin Orang Kaya Pekerma Setia Dato Paduka Haji Hashim, Pengarah Urusan TAIIB selaku Pengerusi Insurans Islam TAIIB Sdn. Bhd.

perbankan Islam yang cemerlang dan berkualiti kepada masyarakat.

Darussalam Holdings Sdn. Bhd. ditubuhkan pada tahun 1993 bagi menjunjung hasrat baginda untuk memberikan kemudahan dan kesejahteraan kepada rakyat baginda semasa menunaikan fardu haji. Pada masa ini Darussalam Holdings Sdn. Bhd. telah mengembangkan perniagaan dengan menawarkan perkhidmatan pelancongan ke beberapa destinasi lain seperti timana fungsi agensi-agensi

pelancongan lain di Negara Brunei Darussalam.

Sementara itu, Insurans Islam TAIIB Sdn. Bhd. (ITSB) yang ditubuhkan pada 3 Mac 1993 berfungsi sebagai sebuah syarikat yang menyediakan produk perlindungan insurans mengikut syariah di negara ini.

Pada masa ini terdapat 21 jenis produk ditawarkan kepada orang ramai antaranya Takaful Am dan Takaful Keluarga.

Ditetapkan sebagai Timbalan Pesuruhjaya Polis

BANDAR SERI BEGAWAN, 15 Disember. - Pada menjunjung titah perintah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar Ali Saifuddin Sy'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, dengan ini Jabatan Perdana Menteri sukacita memaklumkan bahawa baginda telah

memperkenankan bagi Yang Dimuliakan Pehin Dato Kerma Setia Awang Zainuddin bin Jalani, Pemangku Sementara Timbalan Pesuruhjaya Polis ditetapkan dalam jawatannya sebagai Timbalan Pesuruhjaya Polis.

Menurut siaran akhbar Jabatan Perdana Menteri hari ini, lantikan tersebut bermula hari Khamis, 16 Disember 2004.



YANG Dimuliakan Pehin Dato Kerma Setia Awang Zainuddin ditetapkan sebagai Timbalan Pesuruhjaya Polis.

Pertukaran tiga pegawai kerajaan

BANDAR SERI BEGAWAN. - Jabatan Perkhidmatan Awam, Jabatan Perdana Menteri memaklumkan mengenai pertukaran tiga orang pegawai kerajaan.

Awang Idris bin Haji

Md. Ali, Pegawai Pentadbir Kanan di Kementerian Kesihatan ditukar ke Jabatan Perdana Menteri mulai 16 Disember 2004 dalam jawatan yang sama.

Awang Amiruddin bin Haji Mohammad Hassan,

Pegawai Pentadbir Tingkat Khas di Jabatan Lembaga Bandaran Bandar Seri Begawan ditukar ke Jabatan Radio Televisyen Brunei sebagai Pegawai Pentadbir Tingkat Khas mulai 16 Disember 2004.

Pengiran Haji Rosli bin Pengiran Haji Halus, Pemangku Pegawai Pentadbir Tingkat Khas di Jabatan Perkhidmatan Awam ditukar ke Kementerian Perbadanan mulai 16 Disember 2004.

Berangkat ke Jabatan Buruh dan Jabatan Imigresen dan Pendaftaran Kebangsaan



BERAKAS, 20 Disember.
- Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam telah berkenan mengadakan lawatan meninjau ke Jabatan Buruh dan Jabatan Imigresen dan Pendaftaran Kebangsaan.

Kedua-dua buah jabatan tersebut berperanan penting dalam memberikan pelbagai perkhidmatan kepada rakyat dan penduduk negara ini termasuk warga asing yang bekerja, berurus niaga dan melawat negara ini.

Jabatan Buruh mempunyai 9 bahagian terdiri dari Bahagian Pentadbiran dan Kewangan, Pampasan, Perkhidmatan Pekerja Tempatan, Penguatkuasaan Undang-Undang, Sistem Maklumat dan Teknologi, Tenaga Pekerja Asing, Piawai

Liputan Sahari Akim
Gambar-gambar oleh Haji Haranadi HB
dan Haji Aiffin HMN

Perburuhan, Hubungan Antarabangsa, Perancangan dan Perundangan dan Kajian dan Perangkaan selain pejabat-pejabat cawangan di Daerah Belait, Tutong dan Temburong.

Antara visi jabatan ini ialah ke arah mewujudkan tenaga kerja yang berkebolehan dan berdisiplin di sektor swasta, di samping misinya untuk mengurus keperluan sumber tenaga manusia dalam suasana bekerja yang harmoni.

Antara tugas dan tanggungjawab jabatan ini termasuklah mentadbir dan menguatkuasakan Akta Buruh; mengeluarkan lesen dan sokongan pas kerja bagi pengambilan pekerja asing; mentadbir sistem maklumat buruh dan menyelesaikan pertikaian perusahaan serta pertikaian di antara majikan dan pekerja.

Selain dari itu ia juga bertanggungjawab mendaftar kesatuan sekerja; menentukan dan menyelesaikan tuntutan pampasan pekerja; membuat pemeriksaan di tempat kerja dan perumahan pekerja; memberikan keutamaan kepada pencari-pencari kerja bagi jawatan di sektor swasta,

di samping mengumpul dan mengeluarkan maklumat pekerjaan bagi sektor swasta.

Sementara itu Jabatan Imigresen dan Pendaftaran Kebangsaan (Bahagian Imigresen) terdiri dari Bahagian Penyelidikan dan Komputer; Pas Kerja, Dokumen Perjalanan; Kawalan dan Perangkaan; Visa Lawatan dan Diplomati; Penguatkuasaan Undang-Undang; Permit Masuk manakala Bahagian Pendaftaran Kebangsaan meliputi Bahagian Warganegara; Kad Pengenaliran; Kelahiran, Kematian dan Anak-anak. Angkatan termasuk cawangan-cawangan di Daerah Belait, Tutong dan Temburong.

Visi jabatan ini ialah ke arah perkhidmatan yang dinamik dan kredibel manakala misinya pula untuk menjadi sebuah jabatan kerajaan yang unggul di dalam Perkhidmatan Awam di Negara Brunei Darussalam dengan sentiasa berusaha bersungguh-sungguh sama ada secara bersendirian ataupun bekerjasama dengan agensi-agensi kerajaan yang lain dalam mem-

Lihat muka 5



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam menerima sembah taklimat mengenai himpunan dokumen semasa berangkat melawat Jabatan Imigresen dan Pendaftaran Kebangsaan (atas dan kiri).



PELANGGAN ... Baginda ketika disebarkan taklimat mengenai sebahagian pelanggan yang sedang berurusan dengan Jabatan Buruh (atas).

SEMBAH TAKLIMAT ... Baginda menerima sembah taklimat oleh Pemangku Pengarah Imigresen dan Pendaftaran Kebangsaan (kanan).

TELITI ... Baginda dengan penuh perhatian meneliti fail-fail ketika berangkat melawat Jabatan buruh (kiri).

BAGINDA ketika berkenan berangkat ke bahagian-bahagian Jabatan Imigresen dan Pendaftaran Kebangsaan (bawah).



BAGINDA berkenan beramah mesra bersama orang ramai yang berurusan di Jabatan Buruh.






TAKLIMAT ... Baginda ketika berangkat ke sesi sembah taklimat dan soal jawab bersama Pemangku Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri serta pegawai-pegawai kanan kerajaan.



KAUNTER ... Baginda menanyakan sesuatu mengenai Perkhidmatan Kaunter Jabatan Buruh.



KEMESRAAN jelas terbayang di wajah baginda ketika berbual mesra bersama orang ramai yang berurusan di Jabatan Imigresen.



PERALATAN Baginda berkenan meneliti sebuah 'cop' yang digunakan bagi tujuan rasmi Jabatan Imigresen.



BAGINDA ketika berkenan menyaksikan seorang petugas memberikan perkhidmatan kepada pelanggan.



BAGINDA menanyakan sesuatu mengenai sebahagian dokumen di Jabatan Imigresen dan Pendaftaran Kebangsaan.



IT ... Baginda ketika menyaksikan dua orang pegawai Imigresen melaksanakan tugas menggunakan peralatan teknologi maklumat.



INTERAKSI ... Baginda ketika berinteraksi bersama seorang kakitangan Jabatan Imigresen dan Pendaftaran Kerajaan.

Dari muka 4

berikan sumbangan positif kepada keselamatan, keamanan, ketenteraman dan kemakmuran negara ini.

Objektif Bahagian Imigresen ialah untuk mengawal (control) dan mengatur (regulate) orang-orang asing yang masuk ke / keluar dari / serta tinggal di Negara Brunei Darussalam supaya tidak menjejaskan kepentingan negara dari segi keselamatan, ekonomi, sosial, agama, budaya serta mendukung hasrat kerajaan untuk menjadikan negara ini sebagai pusat perkhidmatan bagi perdagangan dan pelancongan (ShuTT).

Bahagian Pendaftaran Kebangsaan pula mempunyai objektif dalam menentukan taraf kependudukan dan melaksanakan pendaftaran-pendaftaran yang berkaitan dengan kelahiran dan kematian, kerakyatan dan kad pengenalan dan anak-anak angkat sesuai dengan keperluan undang-undang dan peraturan-peraturan yang sedang berkuat kuasa serta memberikan perkhidmatan-perkhidmatan yang berkaitan dengannya.

Tugas-tugas operasi Jabatan Imigresen dan Pendaftaran Kebangsaan merangkumi:

- * Mengeluarkan kad pengenalan yang bermutu tinggi kepada rakyat serta penduduk negara ini termasuk penduduk

tetap dan sementara.

- * Menentukan status individu terutama sekali taraf kerakyatan dan taraf penduduk tetap Negara Brunei Darussalam menurut undang-undang dan peraturan yang berkuat kuasa.

- * Memastikan semua kelahiran, kematian dan anak-anak angkat didaftarkan berpandukan undang-undang dan peraturan-peraturan.

- * Mengumpul dan menyimpan maklumat-maklumat bagi pendaftaran dan pengenalan individu menurut keperluan undang-undang dan peraturan-peraturan dan mempunyai sistem dan data maklumat yang komprehensif.

- * Mengawal warganegara asing yang tinggal di Negara Brunei Darussalam dengan mengeluarkan pas-pas imigresen yang bersesuaian.

- * Mengeluarkan dokumen perjalanan dan memberikan kemudahan perjalanan kepada rakyat dan penduduk tetap Negara Brunei Darussalam.

- * Mengadakan dan mempertingkatkan tahap efisiensi pemeriksaan di Pos-pos Kawalan Imigresen.

- * Mencegah pendatang haram dan membendung masalah-masalah imigresen dengan mengadakan aktiviti-aktiviti penguatkuasaan undang-undang.



MENTERI Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Lela Dato Seri Setia Haji Awang Abdul Rahman dan Kuasa Usaha Sementara Kedutaan Besar Thailand di negara ini, Puan Mom Luang Suparat Devakul memotong kek sempena sambutan Ulang Tahun Hari Keputeraan Raja Bhumibol Adulyadej Ke-77. - Gambar oleh Mohd. Zul-Izzi HD.

Hubungan dua hala antara Brunei - Thailand semakin erat

Oleh
Abdullah Asgar

BERAKAS, 5 Disember. - Hubungan dua hala antara Negara Brunei Darussalam dan Thailand yang terjalin sejak 1983 kini semakin erat dan rapat dalam semua peringkat mahupun sesama kerajaan atau rakyat masing-masing.

Hubungan erat itu termasuklah dalam perdagangan dan pelaburan, perkhidmatan, pendidikan, pertahanan dan pertanian di mana ia terus ditingkatkan mengikut kepentingan bersama.

Menteri Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Lela Dato Seri Setia Haji Awang Abdul Rahman berkata demikian di Majlis Sambutan Ulang Tahun Hari Keputeraan Raja Bhumibol Adulyadej Ke-77 di Pusat Persidangan Antarabangsa di sini.

Yang Berhormat menambah, dalam hubungan

dua hala itu, Negara Brunei Darussalam dapat berkongsi lebih banyak perkara yang berfaedah dan objektif seperti merapatkan hubungan antara kedua-dua buah negara, mengekalkan persaingan dalam ekonomi, mengekalkan secara berterusan dalam kemakmuran di rantau ASEAN dan Asia Pasifik.

Sementara Kuasa Usaha Sementara Kedutaan Besar Thailand di negara ini, Puan Mom Luang Suparat Devakul dalam ucapan alu-aluannya antara lain menjelaskan bahawa dengan bertambahnya perdagangan pelbagai hala dan pelancongan serta kontak bersama di kalangan rakyat kedua-dua negara akan terus boleh mengukuhkan hubungan yang ada malah akan wujud satu kemestrian di dalamnya.

Yang Berhormat penuh percaya bahawa hubungan antara kedua-dua negara di masa depan akan lebih berkembang kerana sejak 21 tahun lalu telah menjalin hubungan yang rapat dalam semua peringkat, hubungan yang erat antara kedua-dua negara tidak hanya tertumpu pada hubungan antara kerajaan malah dalam sektor perniagaan, pelancongan, akademik dan lain-lain.

"Hubungan yang erat itu akan terus ditingkatkan dalam suasana kesefahaman yang tinggi, rangka kerja dan kesedaran di antara kedua-dua negara," tegas Yang Berhormat.

Dengan tertubuhnya suruhanjaya bersama antara kedua-dua negara pada 1999 yang tahun lalu membuat pertemuan pertamanya, jelas Yang Berhormat, akan lebih mengilustrasikan lebih jauh mengenai signifikan perkembangan dalam hubungan dua hala dan akan

Kehadiran tetamu kehormat majlis dialu-alukan oleh Kuasa Usaha Sementara Kedutaan Besar Thailand dan para pegawai dari Kedutaan Besar Thailand.

Majlis itu turut diserikan dengan persembahan tjuju Thai selepas acara memotong kek dijalankan.

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Raja Bhumibol Adulyadej kini berusia 77 tahun merupakan antara raja yang lama memerintah di dunia dan sangat-sangat dihormati oleh pemimpin dan rakyat Thailand.

26 pegawai menunaikan fardu haji

BERAKAS, 7 Disember. - Seramai 26 pegawai dan kakitangan Kementerian Hal Ehwal Ugama, termasuk tiga orang pegawai wanitanya akan menunaikan fardu haji pada penghujung tahun ini.

Sebelum pemergian mereka ke sana, Majlis Membaca Doa selamat telah diadakan di Dewan Utama Kementerian itu dengan dihadiri oleh Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Berhormat Pehin Jawatan Luar Pekerma Raja Dato Seri Utama Dr. Ustaz Haji Awang Mohd. Zain.

Juga hadir ialah Timbalan Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Berhormat Pehin Siraja Khatib Dato

Oleh
Abdullah Asgar

Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Yahya.

Pada majlis itu, tetamu kehormat menyampaikan sumbangan pada bakal-bakal haji kementerian berkenaan dengan harapan serba sedikit membantu mereka ketika menunaikan ibadah haji di Mekah, Madinah, Jeddah dan Mina nanti.

Penerbangan pertama jemaah haji negara ini ke Tanah Suci Mekah akan bertolak pada penghujung bulan ini dengan menggunakan khidmat Syarikat Penerbangan Diraja Brunei (RBA).



MENTERI Hal Ehwal Ugama, Yang Berhormat Pehin Jawatan Luar Pekerma Raja Dato Seri Utama Dr. Ustaz Haji Awang Mohd. Zain menyampaikan sumbangan kepada seorang bakal haji Kementerian Hal Ehwal Ugama. - Gambar oleh Abdullah HAO.

MELIRIK MASA SILAM

(Haji Ahmad Arshad menulis ...)

KHIDMAT PADA YANG SUSAH

usaha mencari mereka yang memerlukan bantuan itu yang tinggal di pelusuk-pelusuk kampung dan mukim itu dilakukan atau dilakukan oleh perkhidmatan-perkhidmatan beruniform termasuk pertubuhan-pertubuhan NGO seperti Pengakap, Pandu Puteri, Bulan Sabit Merah dan yang seumpamanya. Pertubuhan-pertubuhan kebajikan dan badan-badan belia dan beliawanis mungkin sahaja sedang berfikir untuk melakukan ikhtiar demi meningkatkan lagi mutu pengelirihan dan pemeliharaan keatas mereka yang mengalami nasib yang malang itu.

Pertubuhan-pertubuhan keagamaan juga, mungkin saja sedang merancang usaha yang sama. Penduduk kampung di mana sahaja di seluruh negeri ini, juga patut benar membuat usaha yang berpatutan kiranya mengetahui adanya mereka yang malang itu dengan memberikan kerjasama yang terdaya kepada penghulu-penghulu dan ketua-ketua kampung. Demikian juga di pihak sekolah-sekolah di merata-rata tempat di negara ini, mungkin berfaedah dalam memikirkan langkah-langkah yang berpatutan dalam apa jua yang difikirkan perlu untuk dihulurkan termasuk dalam mengesan ada tidaknya mereka yang demikian itu, terdapat di kawasan masing-masing dan memaklumkan kepada yang lebih berwajib untuk bertindak.

Pusat-pusat pengajian tinggi juga dapat membantu melalui aktiviti-aktiviti yang relevan dengannya. Dengan demikian, penglihatan orang akan mengarah kepada 'society' kita sama-sama mengambil berat dalam soal-soal kesejahteraan seumpama

ini.

Kalau kita mahu bercakap antara dahulu dan sekarang, maka perkara begini bukanlah perkara yang baru, jauh sekali dari sesuatu yang memeranjatkan. Kerana sifatnya adalah alami atau perkara yang biasa di mana sahaja di dunia ini. Yang jelas, untuk meniadakan yang susah dan miskin itu adalah sesuatu yang dapat dikatakan mustahil. Dari segi hidup, memang tidak dapat dielakkan daripada ada yang susah dan ada yang senang, ada yang kaya dan ada yang miskin, ada yang cacat dan ada yang sempurna, ada yang pandai dan ada yang tidak pandai sekalipun ada yang tidak mahu dipanggil bodoh. Maka, imbalan daripada itu, tidak siapa pun di dunia ini yang mahu susah. Semua orang mahu selengkap-lengkapnya. Semua orang mahu cantik, pintar, berharta, hidup senang-lenang dan pendeknya tidak siapa pun yang mahu susah, hatta dalam bekerja pun tidak ada siapa pun yang mahu mengerjakan yang susah-susah, orang mahu segalanya senang-senang.

Sistem 'press button' sekarang ini memang sangat-sangat diterima oleh orang yang banyak. Namun pada satu sudut yang relevan, semakin ramai orang yang senang dan sudah disenang-senangkan, maka semakin itulah juga ramai yang mahu lebih senang dalam semua perkara yang mereka inginkan. Bukan kerana tidak bersyukur dan tidak berterima kasih tetapi semuanya itu terjadi adalah kerana mementingkan keinginan-keinginan kepada yang lebih menyenangkan itu. Alasannya, tentunya, menghendaki pada

yang lebih smart, kemas, sempurna dan up-to-date. Namun, risikonya tetap ada.

Misalnya termasuklah akibat daripada terlalu senang itu, ada sesuatu yang menunggu dengan memangsakan apa yang kita terlupe dan selalunya kurang diperhatikan kecuali apabila ianya telah timbul simptom-simptomnya, penyakit yang biasanya menyerang orang-orang yang senang, menurut setengah-setengah kalangan penyakit jantung, kencing manis, darah tinggi, buah pinggang, paru-paru dan lain-lain yang berkaitan dengan 'sudah tersekatnya pergerakan tenaga fizik'. Semua itu tidak banyak terdapat di kalangan orang-orang dahulu kerana pergerakan tenaga mereka akan sentiasa aktif. Umpamanya, hendak ke pejabat, hanya dengan berjalan kaki atau berbasikal, berkayuh perahu, meniti jambatan, mendaki bukit dan seumpamanya. Ertinya seluruh badan bergerak/bekerja.

Namun begitu, tidak disangkalkan bahawa dalam soal penyakit ini tetap ada, cuma yang selalu dididangkan-dididangkan ialah penyakit TB atau batuk kering -yang juga disebut-sebut sebagai penyakit sayawan. Penyakit kulit juga tidak terkecuali dari menghantui ramai orang pada zaman itu. Penyakit kurang vitamin adalah perkara biasa. Demikianlah adanya untuk dibayang-bayangkan dan ditimbang-timbangan, nescaya kita akan melihat perimbangannya, apa yang lebih ada yang kurang biarpun iklimnya tetap berlainan.

Namun, satu hal yang tetap dijaga ialah soal-soal kebajikan dan keprihatinan terhadap mereka yang memerlukan bantuan atau pertolongan. Baik ia kerana miskin, susah dan hidup melarat mahupun yang berpenyakit dan yang bermasalah.

Tentunya semangat begini sudah lama tertanam di kalangan sesama kita dan tentulah juga lebih memudahkan kita untuk 'bersedakab' perkhidmatan, tenaga, fikiran bahkan harta untuk membantu mereka yang susah itu. Kerana itu, saling bantu-membantu adalah warisan kita. Niat kita memang baik dengan pendedahan melalui media itu tetapi mungkin lebih molekul lagi ditinjau sudut-sudut yang menjadi punca 'terlepasnya' keutamaan kepada mereka yang perlu menerima khidmat kita itu. Nampaknya, semua orang terpacu memikirkan untuk bekerja lebih keras lagi terutamanya kalangan masyarakat umum yang lebih keprihatinan.

KITA kira, ramai orang setuju terhadap langkah yang dibuat oleh orang-orang media di negara ini dalam mendedahkan beberapa perkara yang patut diketengahkan dan patut diketahui oleh umum. Umum adalah 'audience' media dalam membuat liputan yang demikian. Langkah yang mereka lakukan itu mempunyai tujuan yang murni. Motif yang cukup atau berpatutan ialah untuk mengundang masyarakat pembacanya supaya melakukan yang terbaik untuk mensejahterakan mereka yang berkaitan itu.

Sejauh ini, memang sudah banyak cerita di bawah pengertian kemiskinan yang dialami oleh mereka yang diliputi itu. Dan, alhamdulillah, hampir kesemuanya mendapat perhatian yang sungguh menggalakkan. Tumpuan perhatian yang memang dikehendaki dan tindakan-tindakan yang dilakukan berikutnya seperti ramainya orang-orang kita termasuk institusi-institusi kerajaan dan demikian juga bukan kerajaan seperti pertubuhan-pertubuhan yang sangat prihatin atas cerita-cerita yang pernah dimuat dalam surat khabar sejauh ini.

Melihat pada jasa bakti akhbar dan lain-lain, media itu dalam mengetengahkan cerita yang demikian, sebaiknya harus dilihat kepada sudut tanggungjawab bersama terhadap sesama rakyat atau masyarakat yang menghuni negara. Kita sebaiknya melihat tanggungjawab itu berlaku secara meluas dan tidak terbatas kepada institusi-institusi yang mempunyai folio tugasannya sahaja.

Semoga pihak-pihak tertentu tidak merasa terkilan atas cerita-cerita yang disiarkan itu, apa lagi ianya secara spontan mendapat perhatian orang ramai lalu bertindak untuk menghulurkan apa saja yang dapat mereka jangkau.

Setengah-setengah orang berfikir bahawa kemungkinan adanya lebih ramai lagi orang-orang yang kurang bernasib baik, hidup melarat, sambat malam hari dalam kesusahan, mengharap belas dari jiran-jiran, hidup dalam rumah buruk, tinggal sebatang kara semuanya tidak mustahil adanya, namun belum ada yang mahu meneruskan pencariannya termasuk media, buat sementara waktu ini, yang seolah-olah semata-mata memulangkannya kepada pihak-pihak yang dilihat sebagai lebih bertanggungjawab.

Dalam pada masa itu, mungkin tidak lagi sesuatu yang memeranjatkan apabila ada kemungkinannya

DPPW berkenan menerima mengadap tiga perwakilan asing



DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Mohamed Bolkiah, Menteri Hal Ehwal Luar Negeri berkenan menerima mengadap TYT Abolfazi Mohammad Alikhani, Duta Besar Istimewa dan Mutlak Republik Islam Iran yang akan menamatkan perkhidmatannya di negara ini. - Gambar oleh Mohd. Zul-izzi HD.

BANDAR SERI BEGAWAN, 11 Disember. - Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Mohamed Bolkiah, Menteri Hal Ehwal Luar Negeri hari ini berkenan menerima mengadap tiga perwakilan asing yang akan menamatkan perkhidmatannya sebagai Duta Besar dan Pesuruhjaya Tinggi di negara ini secara berasingan. Majlis berlangsung di Balai Penghadapan, Bukit Kayangan di sini.

Duli Yang Teramat

Oleh
Haji Ahmad HS

Mulia mula-mula berkenan menerima mengadap Duta Besar Istimewa dan Mutlak Republik Islam Iran, Tuan Yang Terutama Abolfazi Mohammad Alikhani. Tuan Yang Terutama menjadi Duta Besar Republik Islam Iran ke Negara Brunei Darussalam sejak bulan Mei 2001.

Kemudian diikuti oleh Pesuruhjaya Tinggi India, Tuan Yang Terutama Ajai Choudhry yang telah berkhidmat sebagai Pesuruhjaya Tinggi India ke Negara Brunei Darussalam sejak bulan September 2001.

Duli Yang Teramat Mulia selepas itu berkenan menerima mengadap Duta Besar Itali, Tuan Yang Terutama Dr. Guido Scalici. Tuan Yang Terutama berkhidmat sebagai Duta Besar Itali ke Negara Brunei Darussalam secara tidak menetap sejak November 2000 dan beribu pejabat di Republik Singapura.



DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Mohamed Bolkiah berkenan menerima mengadap Pesuruhjaya Tinggi India, TYT Ajai Choudhry yang akan menamatkan perkhidmatannya di negara ini. - Gambar oleh Mohd. Zul-izzi HD.



DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Mohamed Bolkiah berkenan menerima mengadap TYT Dr. Guido Scalici, Duta Besar Itali yang akan menamatkan perkhidmatannya di negara ini. - Gambar oleh Mohd. Zul-izzi HD.



MENTERI Hal Ehwal Ugama, Yang Berhormat Pehin Jawatan Luar Pekerma Raja Dato Seri Utama Dr. Ustaz Haji Awang Md. Zain mempengerusikan Mesyuarat Jawatankuasa Tertinggi Sambutan Hari-hari Kebesaran Islam dan Pertandingan Membaca Al-Quran Bahagian Dewasa Peringkat Kebangsaan 1426 Hijrah. - Gambar oleh Pg. Rafee PDPHM.

MOU perlaksanaan konvensyen anjuran ASEAN-EC

GADONG, 16 Disember. - Faktor semula jadi ekonomi baru kini timbul sebagai cabaran kepada organisasi dan profesional sumber tenaga manusia (HRD). Untuk

menguji bentuk cabaran tersebut dan melihat kemungkinan jalan penyelesaiannya, satu konvensyen antarabangsa mengenai sumber tenaga manusia

yang dianjurkan oleh Pusat Pengurusan ASEAN-EC akan diadakan tahun depan.

Sehubungan itu, Majlis Penandatanganan Perjanjian Perlaksanaan antara Pusat

Oleh
Siti Aishah HS

Pengurusan ASEAN-EC bersama para penaja konvensyen tersebut diadakan di pusat berkenaan di sini.

Hadir bagi menyaksikan penandatanganan itu ialah Timbalan Setiausaha Tetap Jabatan Perdana Menteri, Dato Paduka Awang Haji Sulaiman bin Haji Ismail.

Di antara para penaja utama konvensyen tersebut ialah Kumpulan Korporat Brunei Shell, Hotel Centropoint, Sin Hup Huat Tyre Company dan para penaja lainnya seperti Mitsubishi Corporation, Bank Islam Brunei Berhad (IBB), Bank Pembangunan Islam Brunei Berhad (IDBB), RBA

Catering, Bearingpoint, Terminal Container PSA Muara, Archipelago Group dan Interhouse Company serta sokongan lainnya daripada Lembaga Kemajuan Ekonomi Brunei dan Galfar Construction Sendirian Berhad.

Konvensyen yang akan diadakan pada 18 hingga 20 Januari 2005 adalah bagi menggariskan pembangunan semasa dan isu-isu yang berkaitan dengan sumber tenaga manusia yang terlibat dan apa jua yang akan terus memberi kesan bukan hanya kepada ekonomi Brunei, kerajaannya dan penduduknya, tetapi juga melibatkan semua peringkat antarabangsa.

Untuk itu, konvensyen berkenaan juga akan mem-

bantu masyarakat dan organisasi sektor persendirian kekal bersaing dalam persekitaran perniagaan mengikut peredaran semasa yang begitu pantas memandangkan keperluan organisasi untuk mengharapakan pekerjaan yang terlatih dan cekap.

Sebanyak 23 kertas kerja akan dibentangkan di konvensyen tersebut yang akan disampaikan oleh para pakar dalam sumber tenaga manusia, termasuklah bekas Perdana Menteri Malaysia, Tun Dr. Mahathir Mohamad sebagai pembentang utama, Menteri Pendidikan Negara Brunei Darussalam, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Wijaya Dato Seri Setia Haji Awang Abdul Aziz dan ahli-ahli terkemuka lainnya.

PESTA BUKU BRUNEI 2005

BERAKAS. - Dewan Bahasa dan Pustaka Brunei (DBP) akan menganjurkan Pesta Buku Brunei 2005 sempena Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam Ke-21.

Pesta yang bertemakan 'Buku Memperkasa Bangsa' akan diadakan di Stadium Tertutup Kompleks Sukan Hassanah Bolkiah, Berakas bermula pada 26 Februari sehingga 7 Mac 2005.

Pesta Buku 2005 dibuka kepada universiti, jabatan-jabatan kerajaan, penerbit-penerbit dalam dan luar negeri dan penjual IT. Keterangan lanjut mengenai pesta tersebut boleh diperolehi dari:

Urus Setia,
Pesta Buku Brunei 2005,
Negara Brunei Darussalam,

Dewan Bahasa dan Pustaka,
Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan,
Lapangan Terbang Lama, Berakas,
BB 3510,
Negara Brunei Darussalam,
Tel : 2382511 sambungan 132/183/155.

atau
Setiausaha Bersama,
Awang Haji Mohd. Yusoff bin Haji Murni,
Tel : 2241501

Moksin bin Haji Durahim,
Hidop bin Haji Mohd. Zain,
Tel : 2382511
sambungan 128/153
website : www.dbp.gov.bn

'Bersepadu Memperkasa Bangsa Bertakwa' tema Sambutan Hari-hari Kebesaran Islam

Oleh
Haji Ahmad HS

Tema tersebut dipersetujui dalam Mesyuarat Jawatankuasa Tertinggi Sambutan Hari-hari Kebesaran Islam dan Pertandingan Membaca

Al-Quran Bahagian Dewasa Peringkat Kebangsaan 1426 Hijrah yang bersidang hari ini di Pusat Da'wah Islamiyah, Kampong Pulau di sini.

Mesyuarat dwitahunan tersebut dipengerusikan oleh Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Berhormat Pehin Jawatan Luar Pekerma Raja Dato Seri Utama Dr. Ustaz Haji Awang Md. Zain.

Antara yang dibincangkan dalam mesyuarat itu ialah kertas kerja Majlis Sambutan Hari-hari Kebesaran Islam Peringkat Negara yang akan dijalankan sepanjang tahun 1426 Hijrah.

Majlis Sambutan Hari-hari Kebesaran Islam termasuklah Sambutan Awal Tahun Hijrah 1426, Sambutan Maulud Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam, Perhimpunan Khas Wanita Sempena Sambutan Maulud Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam, Sambutan Israk Mikraj, Sambutan Nuzul Al-Quran dan Pertandingan Membaca Al-Quran Bahagian Dewasa Peringkat Akhir Kebangsaan.

Di samping itu mesyuarat juga membincangkan mengenai format Majlis Sambutan Hari-hari Kebesaran Islam bagi tahun 1426 Hijrah termasuk atur cara majlis, tarikh dan tempat majlis-majlis diadakan serta acara-acara susulan yang akan dijalankan.



TIMBALAN Setiausaha Tetap Jabatan Perdana Menteri, Dato Paduka Awang Haji Sulaiman bin Haji Ismail menandatangani Perjanjian Perlaksanaan Konvensyen Antarabangsa Mengenai Sumber Tenaga Manusia anjuran ASEAN-EC. - Gambar oleh Hafiz HS.



BAGINDA berserta ahli-ahli kerabat diraja bersama-sama menunaikan Sembahyang Jenazah.



NEGARA Brunei Darussalam kehilangan seorang pembesar kerajaan dan negara berikutan kembalinya ke rahmatullah Allahyarham Pengiran Maharaja Lela Pengiran Anak Haji Mohd. Yusof pada hari Isnin, 13 Disember 2004 jam 9.30 malam.

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam bersama Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha berserta ahli-ahli kerabat diraja telah berangkat menziarahi jenazah Allahyarham di Kampong Telanai dan baginda juga berangkat ke Istiadat Pengkebumian Jenazah di Kubah Makam Diraja.

Sebagai penghormatan dan pada menjunjung titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, Bendera Kebangsaan Negara Brunei Darussalam di jabatan-jabatan kerajaan di seluruh negara dikibarkan separuh tiang (iaitu 4 kaki ke bawah dari puncak tiang bendera) selama sehari sahaja iaitu pada hari Selasa, 2 Zulkaedah 1425 bersamaan 14 Disember 2004.

Semoga Allah mencurahi rahmat ke atas roh Allahyarham.



KEBAWAHA DULI YANG MAHA MULIA PADUKA SERI BAGINDA SULTAN HAJI HASSANAL BOLKIAH MU'IZZADDIN WADDAULAH, SULTAN DAN YANG DI-PERTUAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM BERSAMA KEBAWAHA DULI YANG MAHA MULIA PADUKA SERI BAGINDA RAJA ISTERI PENGIRAN ANAK HAJAH SALEHA BERSERTA AHLI-AHLI KERABAT DIRAJA TELAH BERANGKAT MENZIARAH JENAZAH ALLAHYARHAM DI KAMPONG TELANAI DAN BAGINDA JUGA BERANGKAT KE ISTIADAT PENGKEBUMIHAN JENAZAH DI KUBAH MAKAM DIRAJA.

BAGINDA berserta ahli-ahli kerabat diraja bersama-sama menunaikan Sembahyang Jenazah.

SUASANA semasa pengkebumian jenazah di Makam Diraja.

DULI YANG MAHA MULIA PADUKA SERI BAGINDA SULTAN HAJI HASSANAL BOLKIAH MU'IZZADDIN WADDAULAH, SULTAN DAN YANG DI-PERTUAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM BERSAMA KEBAWAHA DULI YANG MAHA MULIA PADUKA SERI BAGINDA RAJA ISTERI PENGIRAN ANAK HAJAH SALEHA BERSERTA AHLI-AHLI KERABAT DIRAJA TELAH BERANGKAT MENZIARAH JENAZAH ALLAHYARHAM DI KAMPONG TELANAI DAN BAGINDA JUGA BERANGKAT KE ISTIADAT PENGKEBUMIHAN JENAZAH DI KUBAH MAKAM DIRAJA.



unei kehilangan orang pembesar rajaan dan negara



ISTIADAT Pengkebumian Jenazah Allahyarham Pengiran Maharaja Lela Pengiran Anak Haji Mohd. Yusof di Kubah Makam Diraja (atas).

JENAZAH Allahyarham diusung untuk dibawa ke Kubah Makam Diraja (kiri).

SEBAHAGIAN para pembesar negara termasuk perwakilan asing ketika menghadiri Istiadat Pengkebumian Jenazah (bawah dan bawah kiri).

Gambar-gambar oleh
Haji Ariffin HMN dan Pg. Rafee PDPHM



...Mulla
Pengiran Mulla
...Haji Al-
...Zai (atas kiri)
...ng Namat Mulla
...Pengiran Pamban
...Imamah Wala-
...ah Rada Moha-
...din (tengah)
...Rada Paduka
...Pengiran Abdul
...J. King Teramat
...Pengiran
...Raden (kiri)
...Pengiran Anak Haji
...Mulla (tengah)
...Pengiran Anak Haji
...Mulla (bawah)
...Pengiran Anak
...Mulla (bawah)

Rencana ...

Kejadian air kemerah-merahan


KEJADIAN air kemerah-merahan berlaku kali pertamanya di negara ini pada tahun 1976. Kejadian serupa berulang lagi pada tahun-tahun 1980 dan 1988. Air kemerah-merahan adalah perubahan warna air daripada warna asal menjadi warna merah, kecoklet-cokletan, oren dan sebagainya. Ianya terjadi disebabkan oleh pembiakan sejenis plankton algae yang banyak secara tiba-tiba (algal bloom).

Ada terdapat berbagai spesies plankton algae yang boleh menyebabkan berlakunya kejadian air kemerah-merahan seperti *Gonyaulax polygramma*, *Trichodesmium*, *Pyrodinium* dan lain-lain. Fenomena air kemerah-merahan ini berlaku di seluruh dunia dan tidak terkecuali di rantau ini dan negara kita. Spesies penyebab air kemerah-merahan kadang kala berlainan dari satu negara ke negara lain dan ada kalanya ianya sama bagi negara-negara yang berdekatan. Di negara ini jenis algae yang menyebabkan berlakunya fenomena air kemerah-merahan ialah 'Pyrodinium bahamense var. compressum' dan baru-baru ini ialah 'Cochlodinium polykrikoides'.

Semasa kejadian air kemerah-merahan semua jenis ikan-ikan kecil dan kerang-kerangan akan tercemar oleh racun air kemerah-merahan. Plankton-plankton ini dimakan oleh ikan-ikan kecil dan kerang-kerangan tersebut dengan menggunakan insang melalui proses penapisan (filter feeders). Semasa kejadian air kemerah-merahan jumlah sel-sel plankton adalah terlalu banyak dan sel-sel plankton tersebut akan berkumpul dalam insang, perut dan organ dalaman ikan-ikan kecil dan kerang-kerangan dalam tahap yang tinggi.

Bahaya keracunan air kemerah-merahan akan melibatkan manusia melalui memakan ikan-ikan kecil dan kerang-kerangan yang dicemari oleh racun

RENCANA ini dipetik daripada Newsletter Info Industri Bil: 7 terbitan Kementerian Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama keluaran Januari - April 2004.



PYRODINIUM bahamense var. compressum, organisma penyebab air kemerah-merahan 1976, 1980 dan 1988.

air kemerah-merahan. Pada lazimnya semua jenis ikan-ikan kecil dan kerang-kerangan boleh terlibat kerana ikan-ikan kecil dan kerang-kerangan adalah 'filter feeders'. Contoh jenis ikan-ikan kecil dan kerang-kerangan yang terlibat seperti dalam Rajah 1, 2, 3 dan 4.

TANDA-TANDA KERACUNAN AIR KEMERAH-MERAHAN

Tanda-tanda keracunan air kemerah-merahan dapat dirasakan setelah lebih kurang 1/2 jam dan selewat-lambatnya setelah 12 jam selepas memakan ikan-ikan kecil atau ke-

rang-kerangan yang tercemar oleh racun air kemerah-merahan. Sebahagian daripada tanda-tanda keracunan air kemerah-merahan adalah:

TANDA AWAL

- * Rasa mencucuk-cucuk (panat) di sekeliling bibir, muka dan bahagian badan yang lain;
- * Sakit kepala dan pening; dan
- * Rasa loya, muntah dan cirit-birit.

TANDA SEDERHANA

- * Pergerakan tangan dan kaki yang tidak seimbang;
- * Rasa seperti dicucuk dengan jarum pada hujung

jari tangan dan kaki;

- * Sukar untuk berafas; dan

- * Percakapan yang tidak menentu.

TANDA SERIUS

- * Anggota badan terlalu lemah dan lumpuh;
- * Denyutan nadi yang tinggi; dan
- * Terlalu susah untuk bernafas dan lemah degupan jantung;

Keracunan air kemerah-merahan juga boleh menyebabkan kematian.

PERTOLONGAN KECEMASAN

Belum terdapat sebarang ubat yang dapat mengubati mangsa keracunan air kemerah-merahan. Langkah-langkah pertolongan kecemasan yang dapat membantu mangsa sebelum dihantar ke hospital adalah:

- * Memberi pertolongan pernafasan kepada mangsa; dan

- * Menggalakan muntah secepat mungkin melalui meminum air garam atau putih telur atau air kelapa bercampur gula merah.

LANGKAH-LANGKAH KESELAMATAN

Antara langkah-langkah keselamatan yang perlu dipatuhi bagi mengelakkan dari keracunan air kemerah-merahan ialah:

- * Patuhi nasihat dan amaran yang diberikan oleh Jabatan Perikanan dan Jabatan Perkhidmatan Kesihatan;

- * Jangan memakan semua jenis ikan-ikan

kecil seperti rumahan, tamban dan aur-aur atau kerang-kerangan seperti kupang, lukan, kunau dan tembayangan daripada kawasan yang terlibat dengan air kemerah-merahan atau tidak diketahui tempat asalnya;

- * Buang semua insang, perut dan organ dalaman ikan-ikan kecil sebelum dimasak; dan

- * Ikan-ikan besar seperti tenggiri, bakulan dan ikan merah dan udang, sotong dan ketam adalah selamat untuk dimakan kecuali ada larangan mengenainya.

Berikutan dengan kejadian-kejadian pada tahun 1976, 1980 dan 1988 dan pengalaman-pengalaman yang diperoleh, Jabatan Perikanan, Kementerian Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama telah mewujudkan satu sistem pengurusan bagi menangani kejadian air kemerah-merahan. Objektif pengurusan ialah bagi memastikan kesihatan awam tidak terancam akibat kejadian air kemerah-merahan sama ada ianya berlaku di perairan negara ini ataupun di negara jiran. Tindakan-tindakan yang tepat dan cepat perlu diambil dalam menangani kejadian ini.

Pada awal tahun 2004, fenomena air kemerah-merahan berlaku lagi di perairan Negara Brunei Darussalam. Ianya bermula dari perairan Negeri Sabah pada bulan Januari dan perairan Labuan pada pertengahan bulan Februari. Hasil dari maklumat yang diterima dari Jabatan Perikanan Sabah, Malaysia, Pelan Tindakan Kebangsaan Air Kemerah-merahan telah diaktifkan oleh Jabatan Perikanan, Kementerian Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama.

PERLAKSANAAN PELAN TINDAKAN KEBANGSAAN AIR KEMERAH-MERAHAN

Bermula 15 Februari 2004, air kemerah-merahan telah melanda perairan negara ini. Kawasan yang mula-mula terjejas ialah perairan Muara hingga Meragang. Jabatan Perikanan meningkatkan tindakan-tindakan di bawah Pelan Tindakan Kebangsaan Air Kemerah-merahan yang termasuk mengharamkan pengimportan ikan-ikan kecil dan kerang-kerangan dari Malaysia Timur, meningkatkan frekuensi pengambilan dan penganalisaan contoh-contoh

air dan ikan, larangan menangkap ikan dan kerang-kerangan di kawasan-kawasan yang terjejas dan pemantauan melalui udara.

Jabatan Perikanan melalui Badan Bertindak Kebangsaan Air Kemerah-merahan yang ahli-ahlinya terdiri dari agensi-agensi kerajaan seperti Kementerian Kesihatan, Jabatan Bandaran, Jabatan Daerah, Angkatan Bersenjata Diraja Brunei dan Pasukan Polis Diraja Brunei telah bertungkus-lumus bagi memastikan kesihatan awam tidak terancam oleh kejadian yang membahayakan ini.


Taklimat-taklimat mengenai air kemerah-merahan telah diberikan bagi meningkatkan kesedaran orang ramai mengenai fenomena ini. Taklimat-taklimat kepada pengusaha-pengusaha perikanan, penghulu-penghulu, ketua-ketua kampung, ketua-ketua rumah panjang, peniaga-peniaga dan pengimport-pengimport ikan juga telah diadakan sepanjang tempoh kejadian.

Di samping bertujuan penyebaran maklumat tentang kejadian terkini, taklimat juga bertujuan bagi mewujudkan persefahaman dan kerjasama di antara Jabatan Perikanan dan orang ramai dan nelayan-nelayan, peniaga


dan pengimport ikan untuk tidak menangkap atau mengimport atau menjual ikan dan kerang-kerangan yang ditegah atau ditangkap dari kawasan-kawasan yang terjejas.

Siaran-siaran akhbar juga telah dikeluarkan melalui media massa seperti radio, televisyen dan surat-surat khabar pada waktu-waktu tertentu bagi memaklumkan status kejadian dan juga nasihat-nasihat dan larang-larangan. Poster-poster mengandungi nasihat dan larangan yang sama juga dilekatkan di beberapa kawasan strategik seperti pasar-pasar, kawasan penaihan dan penurunan perahu bagi nelayan-nelayan, pos-pos kawalan dan pejabat-pejabat kerajaan.


Kejadian air kemerah-merahan mula beransur berkurangan pada bulan Mac 2004. Penganalisaan contoh-contoh air yang dilakukan oleh Jabatan Perikanan telah menunjukkan jumlah konsentrasi sel-sel organisma air kemerah-merahan beransur berkurangan. Ini berlarutan sehingga kesemua contoh-contoh air telah menunjukkan konsentrasi pada tahap sifar di mana pada 25 Mac 2004 perairan negara ini telah disahkan bebas dari kejadian air kemerah-merahan.




RAJAH 2



RAJAH 3



RAJAH 1



RAJAH 4

Brunei - Singapura tandatangani MOU

BERAKAS, 6 Disember. - Negara Brunei Darussalam dan Republik Singapura melalui Kementerian Kesihatan masing-masing telah menandatangani Memorandum Persefahaman (MOU) Bakal Graduan Dalam Bidang Penyelidikan dan Latihan Perubatan atau Postgraduate Medical Training and Research.

Menandatangani bagi Kementerian Kesihatan Negara Brunei Darussalam ialah Setiausaha Tetapnya, Dato Paduka Awang Haji Zainal bin Haji Momin, manakala Kementerian Republik Kesihatan Singapura diwakili oleh Setiausaha Tetapnya, Tuan Yang Terutama Dr. Moses Lee.

Menyaksikan penandatanganan MOU itu di Dewan Utama Kementerian Kesihatan ialah Menteri Kesihatan, Yang Berhormat Pehin Orang

Oleh
Abdullah Asgar

Kaya Seri Kerna Dato Seri Setia Haji Awang Abu Bakar bin Haji Apong.

Ketika memberitahu wakil PELITA BRUNEI dalam temu bual bersama Setiausaha Tetap Kementerian Kesihatan Republik Singapura, TYT Dr. Moses Lee menjelaskan melalui penandatanganan MOU itu telah membuktikan salah satu visi kedua-dua kementerian dalam usaha sama bagi meningkatkan kesihatan khasnya dalam memberikan pengajian tinggi kepada bakal-bakal graduan Negara Brunei Darussalam terutamanya dalam bidang penyelidikan dan latihan perubatan.

Beliau juga melahirkan rasa puas hati terhadap penandatanganan MOU itu, kerana ia mencerminkan

perhubungan yang lama wujud dan mesra di antara kedua-dua kerajaan di samping sebagai usaha yang mendalam untuk mengukuhkan lagi hubungan yang erat.

Juga menyaksikan majlis itu ialah Pesuruhjaya Tinggi Republik Singapura ke negara ini, Tuan Yang Terutama V. P. Hirubalan.

Selepas majlis menandatangani MOU itu, TYT dan beberapa orang rombongan membuat lawatan ke Rumah Sakit Raja Isteri Pengiran Anak Saleha (RIPAS).

Terdahulu sebelum itu, TYT telah membuat kunjungan muhibah kepada Yang Berhormat Menteri Kesihatan.

Sementara pada sebelah malamnya, TYT dan rombongan diraikan dalam Majlis Makan Malam yang diberikan oleh Setiausaha Tetap Kementerian Kesihatan, bertempat di Jerudong Polo and Country Club.



TERMETERAI ... Penandatanganan MOU antara Negara Brunei Darussalam dan Republik Singapura bagi Bakal Graduan Dalam Bidang Penyelidikan dan Latihan Perubatan telah disempurnakan oleh Setiausaha Tetap Kementerian Kesihatan, Dato Paduka Awang Haji Zainal bin Haji Momin dan Setiausaha Tetap Kementerian Kesihatan Republik Singapura, Tuan Yang Terutama Dr. Moses Lee. Menyaksikan majlis penandatanganan itu ialah Yang Berhormat Menteri Kesihatan Negara Brunei Darussalam. - Gambar oleh Pengiran Rafee PDPHM.



MENTERI Kesihatan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Kerna Dato Seri Setia Haji Awang Abu Bakar ketika menerima kunjungan Setiausaha Tetap Kementerian Kesihatan Republik Singapura, Tuan Yang Terutama Dr. Moses Lee. - Gambar oleh Pengiran Rafee PDPHM.

BSM kini beribu pejabat di bangunan PGGMB

BANDAR SERI BEGAWAN, 9 Disember. - Syarikat Pemasaran Minyak Brunei Shell Sdn. Bhd. (BSM) kini beribu pejabat di Bangunan Persekutuan Guru-Guru Melayu Brunei (PGGMB).

Majlis pelancaran Ibu Pejabat BSM yang baru disempurnakan oleh Timbalan Menteri Kewangan selaku Pengerusi Lembaga Pengarah BSM, Yang Dimuliakan Pehin Orang Kaya Laila Setia Dato Paduka Haji Abdul Rahman yang juga menandatangani plak BSM di tingkat 12, Bangunan PGGMB, di sini.

Majlis pelancaran yang dilangsungkan di tingkat bawah Bangunan PGGMB bermula dengan ucapan alu-aluan oleh Pengarah Urusan BSM, Pengiran Yasmin bin Pengiran Haji Mohammad yang antara lain menyatakan pelancaran ibu pejabat baru tersebut mengukuhkan lagi bahawa BSM telah pernah wujud di negara ini sejak 1977.

Beliau seterusnya menambahkan apa yang ketara dilihat pada ibu pejabat baru ini ialah perancangan konsep terbuka, mencipta suasana persekitaran kerja yang sesuai untuk menjangkau dan memelihara peringkat tertinggi penghasilan dan kerja berkumpulan.

Di majlis itu beliau

Oleh
Haji Ahmad HS

menggariskan mengenai sistem keselamatan yang terdapat di ibu pejabat baru bagi mengawasi pergerakan keluar masuk daripada pejabat tersebut sejajar dengan panduan keselamatan yang diamalkan oleh syarikat.

BSM mempunyai jabatan komersil di tingkat bawah yang berperanan memberikan kemudahan kepada pelanggan untuk berurusan. Di samping itu beberapa jabatan lain juga ditempatkan di Bangunan PGGMB seperti Jabatan Perdagangan yang ditempatkan di tingkat 12 Bangunan PGGMB yang dilengkapi dengan kemudahan Bilik-bilik Persidangan, Mesyuarat dan juga Bilik Sembahyang.

Pada tahun 1984 BSM telah ditubuhkan setelah kewujudan pertamanya dalam tahun 1977 iaitu perkongsian antara Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan Syarikat Minyak Brunei Shell. BSM kini mempunyai 60 pekerja dan 37 buah stesen minyak yang terdapat di darat dan di laut yang mana stesen tersebut telah disewakan kepada syarikat-syarikat tempatan di negara ini.



TIMBALAN Menteri Kewangan selaku Pengerusi Lembaga Pengarah BSM, Yang Dimuliakan Pehin Orang Kaya Laila Setia Dato Paduka Haji Abdul Rahman menandatangani plak BSM sebagai tanda pelancaran Ibu Pejabat BSM yang baru di Bangunan PGGMB (atas kiri). Sementara gambar atas kanan, Yang Dimuliakan menyaksikan pelbagai kemudahan yang terdapat di Ibu Pejabat BSM. - Gambar oleh Abdullah HAD.



Seorang lagi Wakil Pos dilantik



PENOLONG Ketua Pos Agung, Awang Hamir bin Md. Salleh ketika menyampaikan surat perantukan Wakil Pos Kampong Bolkiah 'B' kepada Awang Helmi bin Haji Masri. - Gambar oleh Abdullah HAD.

BERAKAS, 8 Disember. - Penduduk-penduduk di Kampong Bolkiah 'B' kini mendapat kemudahan dalam urusan perkhidmatan pos apabila seorang Wakil Pos telah dilantik untuk kampung berkenaan.

Lantikan Awang Helmi bin Haji Masri yang bermula hari ini akan mengendalikan perkhidmatan-perkhidmatan berhubung kait menerima dan menyerahkan surat berdaftar ke Pejabat Pos terdekat, menerima mel dari pelanggan, menjual setem, menerima Surat Berdaftar dari pelanggan di samping menyerahkan surat-surat ke rumah-rumah di kampung tersebut.

Penandatanganan surat perantukan telah ditandatangani oleh Penolong Ketua Pos Agung, Awang Hamir

Oleh
Samle HJ

bin Md. Salleh bersama Awang Helmi bin Haji Masri selaku Wakil Pos yang dilantik di Pusat Memproses Mel dan Bungkusan, di sini.

Wakil Pos tersebut beralamat di No. 64F, Jati 4, Kampong Bolkiah 'B', BK 1325.

Kampong Bolkiah yang mempunyai 151 buah rumah dengan anggaran penerimaan dan penghantaran hampir seribu keping surat sebulan merupakan di antara sembilan kampung yang mempunyai Wakil Posnya sendiri di seluruh negara, antaranya Kampong Pulau Baru-Baru dan Berbunat, Batu Marang, Puduk dan Sungai Bunga,

Menunggol, Riong dan Buang Kepayang, Mukim Ukong, Kampong Benutan dan Selapon di Temburong dan Kampong Bukit Sawat, Kuala Belait.

Ketua Unit Penyerahan, Dayang Haji Hammah Puasa berkata, selaku Wakil Pos yang dilantik tetap terikat dengan peraturan-peraturan pejabat pos yang telah ditetapkan.

"Kita akan sentiasa membuat pemantauan dan meminta pendapat timbal balik dari penduduk kampung mengenai prestasi Wakil Pos berkenaan," jelasnya kepada PEMBERITA PELITA BRUNEI.

Beliau menambahkan, Wakil Pos yang dilantik juga akan diberi taklimat dan kursus bersangkutan perkhidmatan yang akan dikendalikan.



KEBERANGKATAN tiba Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah dijunjung oleh Yang Dipertua Persekutuan Pengakap Negara Brunei Darussalam, Yang Dimuliakan Pehin Orang Kaya Setia Raja Dato Seri Paduka Haji Awang Mohd. Ali dan Ketua Pengakap Negara Brunei Darussalam, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Digadong Seri Lela Dato Seri Paduka (Dr.) Haji Awang Hussain serta Pengerusi Jawatankuasa Penganjur.

Gambar-gambar
oleh Abdullah HAD



DULI Yang Teramat Mulia ketika berkenan menerima junjung ziarah wakil-wakil persatuan pengakap dari Rantau Asia Pasifik sejour keberangkatan tiba di Pusat Persidangan Antarabangsa, Berakas.

Berangkat ke Majlis Penutupan Persidangan Pengakap Rantau Asia Pasifik Ke-21



DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah ketika berkenan berangkat di Majlis Penutupan Persidangan Pengakap Rantau Asia Pasifik Ke-21 di Pusat Persidangan Antarabangsa, Berakas.



DULI Yang Teramat Mulia ketika menadah tangan semasa doa dibacakan oleh Yang Dimuliakan Pehin Datu Imam Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Abdul Hamid bin Bakal. Berangkat sama ke majlis itu ialah Yang Teramat Mulia Paduka Seri Duli Pengiran Muda 'Abdul Malik dan Yang Teramat Mulia Paduka Seri Duli Pengiran Muda 'Abdul Mateen (atas).

DULI Yang Teramat Mulia ketika berkenan mengurniakan sabda di Majlis Penutupan Persidangan Pengakap Rantau Asia Pasifik Ke-21 (kiri).

DULI Yang Teramat Mulia ketika berkenan menerima pesambah yang disambahkan oleh Persekutuan Pengakap Negara Brunei Darussalam (kanan).

PARA pengakap berbaris menunggu giliran mereka untuk menjunjung ziarah ke hadapan majlis Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah (kiri).



Kompleks JPD di Daerah Temburong siap Julai 2005



Oleh Samie HJ

TEMBURONG, 11 Disember. - Jabatan Pengangkutan (JPD) Cawangan Daerah Temburong akan menambah lagi perkhidmatan di samping yang sedia ada bagi menampung keperluan penduduk di sini apabila siapnya bangunan baru JPD tahun depan.

Bangunan yang bernilai hampir \$700,000.00 itu dijangka akan siap pada bulan Julai 2005.

Sehubungan dengan itu, Menteri Perhubungan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Amar Pahlawan Dato

Seri Setia Haji Awang Zakaria hadir bagi Majlis Perletakan Batu Asas Pembinaan Kompleks Bangunan JPD di Mukim Batu Apoi di sini.

Pemangku Penolong Pengarah Pendaftaran dan Perlesenan, JPD, Awang Dahlan bin Haji Puasa berkata, jabatan berkenaan telah menjangkakan kesepatan pertumbuhan pengangkutan di daerah berkenaan.

"Bagi menampung keperluan itu, jabatan telah mengenal pasti dan merancang penambahan kira-kira 20 peratus perkhidmatan dari yang sedia ada dan penambahan kakitangan di

jabatan ini," jelasnya kepada Pemberita PELITA BRUNEI.

Di antara perkhidmatan yang diberikan termasuklah perkhidmatan bagi ujian memandu, perkhidmatan secara lisan dan pemeriksaan bagi ujian Highway Code, membaharui cukai jalan, cukai milik kenderaan dan perkhidmatan bagi pinjaman kenderaan.

Sementara itu, JPD sedang mengenal pasti kemungkinan mengadakan perkhidmatan pendaftaran kenderaan baru bagi daerah ini, di samping akan menempatkan pegawai-pegawai penguat kuasa untuk bertugas di cawangan itu.



MENTERI Perhubungan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Amar Pahlawan Dato Seri Setia Haji Awang Zakaria menuang simen bagi pembinaan Kompleks Bangunan Jabatan Pengangkutan Darat Cawangan Daerah Temburong. - Gambar oleh Masri Osman.

PEMANGKU Penolong Pengarah Pendaftaran dan Perlesenan, Jabatan Pengangkutan Darat, Awang Dahlan bin Haji Puasa menjelaskan JPD Temburong diasahratkan sebagai menampung keperluan pengangkutan di daerah itu. - Gambar oleh Masri Osman



TETAMU Kehormat, Datin Paduka Hajah Hayati binti Pehin Orang Kaya Shahbandar Dato Seri Paduka Haji Mohd. Salleh, Hakim Mahkamah Tinggi, ketika menyempurnakan penyampaian cenderamata kepada anak-anak yatim di Kawasan 4, Rancangan Perpindahan Lambak Kanan, Berakas. - Gambar ihsan BAKANITA.

Penyampaian Surat Watikah Perlantikan

BRUSSELS, 25 Oktober. - Tuan Yang Terutama Dato Paduka Haji Yusoff bin Haji Abdul Hamid, Duta Besar Negara Brunei Darussalam ke Belgium menyampaikan Surat Watikah Perlantikan selaku Ketua Perwakilan Negara Brunei Darussalam kepada Presiden Romano Prodi, Presiden Suruhanjaya Masyarakat Eropah (European Commission - EC) (kiri).



Kes penganiayaan, penderaan wanita, kanak-kanak meningkat

BERAKAS, 11 Disember. - Kes-kes penganiayaan dan penderaan terhadap wanita dan kanak-kanak sejak kebelakangan ini di Negara Brunei Darussalam semakin meningkat.

Hakim Mahkamah Tinggi, Datin Paduka Hajah Hayati binti Pehin Orang Kaya Shahbandar Dato Seri Paduka Haji Mohd. Salleh mendedahkan perkara itu ketika berucap di Majlis Sambutan Aidilfitri Bersama Anak-anak Yatim Kawasan 4, Rancangan Perumahan Negara Lambak Kanan anjuran Badan Kebajikan Wanita Lambak Kanan (BAKANITA) yang telah diadakan di Dewan Kemasyarakatan II, Jalan 77, Lambak Kanan di sini.

"Kita harus peka pada beberapa perkembangan yang tidak menyenangkan seperti statistik yang telah dikeluarkan oleh pihak berkenaan mengenai kes-kes penganiayaan dan penderaan terhadap wanita dan kanak-kanak. Saya juga dapat mengesahkan bahawa memang jelas kebelakangan ini menunjukkan peningkatan kes sedemikian yang telah dibawa ke mahkamah", kata Datin Paduka

Hajah Hayati selaku tetamu kehormat.

Ke arah itu beliau berharap, BAKANITA dan lain-lain persatuan di negara ini mengambil berat akan perkara tersebut, bukan sahaja dalam membantu pihak berkenaan untuk mengkaji punca perkembangan dan cara mencegahnya tetapi juga dalam membantu mangsa dan keluarga si mangsa supaya tidak disisihkan dari masyarakat kampungnya sendiri.

"Perkara ini saya dapati terjadi apabila kebanyakan mangsa tersebut berhenti sekolah kerana malu atau terpaksa berpindah sekolah dan pindah kediaman menumpang di tempat lain kerana tidak sanggup berhadapan semula dengan penduduk di tempat kediaman asalnya," tegas Datin Paduka Hajah Hayati.

Beliau berpendapat, perkara sedemikian akan menggugat masa depan mereka dan keluarga mereka di mana seolah-olah mereka pula yang disalahkan.

Hakim Mahkamah Tinggi itu yakin, perkara berkenaan akan dapat di-

atasi jika mereka diberikan bantuan oleh masyarakat kampung itu sendiri supaya mereka akan dapat meneruskan kehidupan mereka sebaik mungkin, walaupun episod hitam di dalam hidup mereka itu sukar untuk dilupakan.

Bagi menangani masalah itu, beliau mencadangkan agar diadakan seminar atau apa jua permutakarahan bagi membentuk kesedaran mengenai bahaya-bahaya ini kerana didapati dalam kes sedemikian, anak-anak yang kurang umur berdiam diri kerana digertak oleh si penjenayah, malu untuk melapor atau ada dari mereka terlalu muda untuk memahami akan jenayah yang dilakukan terhadapnya.

Katanya, apa yang menyedihkan, ada mangsa yang melaporkan kepada ibunya tetapi dimarahi dan diangap mereka cerita dan ia mendedahkan diri sehingga guru yang melihat anak tersebut mundur dalam pelajaran dan selalu nampak sugul dan mendedahkan diri.

"Saya kongsi fakta-fakta ini semata-mata untuk

makluman kita semua supaya kita akan lebih peka adanya perkara sedemikian ini berlaku di negara ini, walaupun ada kalanya susah bagi kita untuk menerima kenyataannya," tambah Datin Paduka Hajah Hayati.

Beliau penuh berkeyakinan, pihak berkenaan akan mengalu-alukan apa jua bentuk bantuan atau saranan dari organisasi seperti BAKANITA dalam usaha mereka untuk menangani masalah sedemikian dari berlarutan.

Terdahulu sebelum itu,

beliau menyeru ahli-ahli BAKANITA agar akan dapat meneruskan usaha untuk memperbaiki diri di dalam apa jua bidang yang bermanfaat bagi sama-sama penubuhan wanita Brunei berkebolehan seperti jua dengan wanita-wanita di negara lain, kerana pada pandangan saya, sama ada lelaki atau wanita bukanlah ukurannya, tetapi niat kita adalah sama untuk berpeperangan dan bertanggungjawab bagi menyumbang ke arah kejayaan dan kesejahteraan bangsa dan negara dalam apa jua bidang tanpa menjejaskan kepada

keluarga,* katanya.

Dalam hubungan ini, beliau berharap, peranan wanita akan terus mendapat pengiktirafan yang setimpal dari pihak-pihak yang berkenaan kerana Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam telah mengamalkan kesamaan dalam berbagai bidang seperti pelajaran.

Di majlis itu, Datin Paduka Hajah Hayati juga menyampaikan hadiah-hadiah kepada anak-anak

Menuutnya, kaum wanita memainkan peranan yang sama besar terhadap pembangunan sosial dan ekonomi serta kesejahteraan sesuatu negara baik sebagai pekerja dan sebagai suri rumah tangga.

"Sama-samalah kita



SEBAHAGIAN ahli-ahli BAKANITA bergambar ramal bersama tetamu kehormat. - Gambar ihsan BAKANITA.

ARENA SUKAN

Brunei sertai Kejohanan Olahraga Penjara ASEAN

SERAMAI 54 orang atlet dan pegawai dari Jabatan Penjara telah berlepas ke Jakarta, Republik Indonesia bagi menyertai Kejohanan Olahraga Penjara-ASEAN Ke-14 di Pusat Sukan Antarabangsa Senayan.

Rombongan tersebut

Oleh
Abdullah Asgar

diketuai oleh Pengarah Penjara, Awang Haji Ahmad bin Haji Dullah dan akan berada di sana sehingga 16 Disember ini bagi mengambil bahagian

dalam 28 acara padang dan belapan.

Tahun ini, buat pertama kalinya tiga jenis sukan baru dipertandingkan sebagai acara sampingan iaitu golf, tenis dan tarik kalat.

Sebelum rombongan tersebut bertolak, Majlis

Penyerahan Bendera Negara telah diadakan yang disampaikan oleh Setiausaha Tetap Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri, Dato Paduka Awang Haji Abdul Rahman bin Haji Mohiddin di Lapangan Terbang Antarabangsa Brunei di sini.

Kejohanan tersebut dimulakan sejak tahun 1986. Jabatan Penjara telah dua kali muncul juara pada 1992 di Republik Singapura dan 1998 di Negara Brunei Darussalam.

Penyertaan terakhir Jabatan Penjara pada tahun 2002 hanya berjaya menjadi naib juara ketika Malaysia menjadi tuan rumah.



SETIAUSAHA Tetap Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri, Dato Paduka Awang Haji Abdul Rahman menyerahkan bendera negara kepada Pengarah Penjara, Awang Haji Ahmad bin Haji Dullah. - Gambar oleh Abdullah HAD.



PENGARAH Belia dan Sukan, Awang Japar bin Bangkol berucap di Sidang Akhbar Perlumbaan Basikal Jarak Jauh (Le Tour De Brunei 2005) dan Pelancaran Laman Web Persekutuan Basikal Brunei Darussalam (PBBB). - Gambar oleh Mohd. Zul-Izzi HD.

'Le Tour De Brunei' anjuran PBBB

BERAKAS, 16 Disember. - Le Tour De Brunei, LTDB 2005 merupakan perlumbaan basikal jarak jauh yang julung kalinya dianjurkan oleh Persekutuan Basikal Brunei Darussalam (PBBB) untuk mengangkat status dan kemajuan perlumbaan basikal di negara ini.

Pengarah Belia dan Sukan, Awang Japar bin Bangkol meluahkan perkara itu semasa Sidang Akhbar dan Pelancaran Laman Web PBBB yang juga selaku penganjur sukan itu.

Katanya, perlumbaan tersebut akan mempunyai lima peringkat secara jelajah di negara ini terkecuali Daerah Temburong.

Jelasnya, peringkat pertama atau acara prolog uji masa perseorangan 12 kilometer bermula di Empire Hotel and Country Club dan berakhir di Jerudong Park Playground manakala peringkat kedua sejauh 124 kilometer bermula di Stadium Negara Hassanal Bolkiah dan berakhir di Padang KBRC.

Sementara peringkat ketiga, tambahnya, sejauh 115 kilometer bermula di Padang KBRC dan berakhir di Dewan Kemasyarakatan Tutong dan peringkat keempat sejauh 136 kilometer yang bermula dari Tutong akan tamat di Pejabat Pos Besar di Bandar Seri Begawan.

Oleh
Abdullah Asgar

Peringkat kelima dan terakhir ialah acara Kriterium 60 pusingan sejauh 80 kilometer di kawasan Bandar Seri Begawan yang akan menentukan juara perseorangan, berpasukan dan juara Kriterium.

Katanya, hadiah wang tunai bakal menanti para pemenang yang akan diberikan sehingga kedudukan kesepuluh begitu juga bagi johan berpasukan dan johan perlumbaan mata.

Kini PBBB boleh dilayari melalui laman webnya www.brunecycling.org.

Hadir di majlis itu ialah Presiden PBBB, Awang

Haji Rosli Mohidin dan pegawai-pegawai kanan Jabatan Belia dan Sukan.

Ini adalah kali pertama PBBB akan menganjurkan perlumbaan basikal secara jelajah sejak penubuhannya hampir 10 tahun lalu.

PBBB juga terlibat dalam perlumbaan tahunan seperti sempena perayaan sambutan ulang tahun Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.

Manakala tahun depan selain LTDB 2005, beberapa siri perlumbaan juga akan terus diadakan, di samping akan menyertai kejohanan luar negeri seperti Sukan SEA dan Sukan Arafura.

BERAKAS, 15 Disember. - Pencapaian pasukan dan atlet negara dalam acara-acara sukan yang diikuti sama ada di peringkat rantau dan antarabangsa belum lagi dapat dibanggakan.

Punca pencapaian yang belum menyerlah itu mestilah diketahui dan dikenal pasti supaya pendekatan yang berkesan

Oleh
Abu Bakar HAR

dapat dilaksanakan bagi menyelesaikan masalah tersebut oleh semua pihak yang bertanggungjawab dalam bidang sukan di negara ini.

Pengarah Belia dan Sukan, Awang Japar bin



PENGARAH Belia dan Sukan, Awang Japar bin Bangkol menyampaikan Sijil Kursus Asas Kejurulatihan Sepak Takraw 2004. - Gambar oleh Halim HS.

Bangkol menegaskan perkara tersebut di Majlis Penyampaian Sijil Kursus Asas Kejurulatihan Sepak Takraw 2004, Life Saving Bronze Medalist dan Sijil Ujian Tingkatan Ke-6 Pencak Silat, Skim Jabatan Belia dan Sukan di Dewan Kuliah Stadium Negara Hassanal Bolkiah di sini.

Jelasnya, adalah sangat penting melakukan penilaian semula ke atas aspek-aspek pentadbiran, perancangan, kemudahan latihan dan kerjasama yang mana menurut beliau adalah komponen terpenting dalam usaha untuk meningkatkan kemajuan sukan yang perlu dilaksanakan segera.

Dari sudut yang lain pula, Pengarah Belia dan Sukan menjelaskan bahawa pencapaian cemerlang dalam sukan bukanlah satu perkara mudah untuk diperolehi tanpa adanya 'total commitment' dari pihak-pihak yang bertanggungjawab termasuk atlet.

Ke arah itu, tambahnya, Jabatan Belia dan Sukan sejak sekian lamanya telah melaksanakan berbagai langkah positif dengan mengadakan skim-skim yang bertujuan untuk mencungkil bakat-bakat baru di kalangan remaja untuk diasuh dan diserapkan ke dalam kumpulan atlet negara.

Di majlis itu seramai 39 orang peserta telah menerima Sijil Kursus Asas Kejurulatihan Sepak Takraw 2004, 8 orang menerima Life Saving Bronze Medalist dan 23 orang menerima Sijil Ujian Tingkatan Ke-6 Pencak Silat.

Dengan penyampaian sijil tersebut Jabatan Belia dan Sukan dengan kerjasama beberapa buah persatuan sukan di negara ini jelas giat berusaha dan melangkah setapak lagi ke arah mempertingkatkan dan memperkembangkan sukan di kalangan pegawai, jurulatih sukan dan atlet di negara ini.

\$40 ribu menanti pemenang LTDB Mac 2005

WANG tunai keseluruhan berjumlah \$40,000.00 menanti bagi pemenang Perlumbaan Basikal Le Tour De Brunei, LTDB pada 2 hingga 6 Mac 2005 yang dianjurkan oleh Persekutuan Basikal Brunei Darussalam (PBBB) dengan kerjasama Jabatan Belia dan Sukan, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan.

Juara perseorangan LTDB 2005 akan menerima wang tunai \$3,000.00 manakala johan berpa-

sukan bakal membawa pulang \$5,000.00 dan juara perlumbaan mata akan mendapat \$2,000.00.

Di samping wang tunai para pemenang juga akan disarungkan dengan jersi pemenang lumba basikal seperti yang diamalkan oleh Kesatuan Basikal Antarabangsa, UCI dan perlumbaan basikal berprestij di dunia seperti Le Tour De France atau Le Tour De Langkawi.

Setakat ini tuan rumah sedang membuat persiapan

rapi dan pada awal Januari 2005 akan mengadakan perlumbaan ujian Triple Star Open 2005 bagi memilih dan menilai pelumba yang akan layak menyahut jersi kebangsaan LTDB 2005. Para pemenang juga akan menerima hadiah wang tunai.

Presiden PBBB, Awang Haji Rosli Mohidin memberitahu wakil PELITA BRUNEI demikian ketika ditemui bual setelah Majlis Pelancaran Laman Web PBBB dan Sidang Akhbar

LTDB 2005 pagi tadi di Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan.

Katanya, pada awal bulan depan juga pihak persekutuan akan mengadakan Kursus Komisar yang bertaraf kebangsaan di mana khidmat mereka diperlukan ketika LTDB berlangsung.

Kursus tersebut akan dikendalikan oleh seorang pakar dari Confederasi Basikal ASEAN, ACC sebagai memperdalamkan lagi pengetahuan dan ke-

bolehan pengendalian perlumbaan termasuk penghakiman, peraturan, denda, keselamatan dan urusan teknikal yang lain.

Setakat ini hanya Malaysia dan Singapura telah mengesahkan penyertaan ke LTDB 2005 manakala pihaknya masih lagi menanti jawapan dari Indonesia, Filipina, Thailand dan beberapa negara lain.

Katanya, matlamat LTDB adalah bagi menjadikan negara ini sebagai destinasi pelancongan

sukan di rantau ini walaupun Malaysia mempunyai Le Tour De Langkawi.

Ia juga bagi mengangkat status perlumbaan basikal di negara ini supaya setaraf dan setanding dengan negara-negara ASEAN yang lain.

Pelumba-pelumba negara yang bakal berkayuh nanti akan memberikan saingan sepenuhnya walaupun menyedari lawan mereka bolehlah dianggap sebagai gergasi bagi acara lumba basikal di rantau ini.

ARENA SUKAN

Sektor swasta berperanan majukan perkembangan sukan

MUARA, 12 Disember. - Penyusunan program jangka pendek dan panjang secara rapi dan berterusan selain mendapat sumbangan serta penglibatan sektor korporat dan sektor perniagaan, sangat penting bagi membantu kemajuan yang setara dengan rakan-rakan atlet di peringkat serantau

Oleh
Samle HJ

dan antarabangsa.

Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Digidong Seri Lela Dato Seri Paduka (Dr.) Haji Awang Hussain menjelaskan perkara itu di Majlis Perasmian Kejohanan Lumba Perahu Tradisional Antarabangsa Ke-3 di Kompleks Sukan Serasa, di sini.

Yang Berhormat berkata, sumbangan sektor awam seperti Jabatan Belia dan Sukan dalam menyediakan prasarana dan logistik adalah terhad tetapi sumbangan akan lebih bermakna sekiranya datang dari sektor swasta.

Menurut Yang Berhormat lagi, kerjasama secara bersepadu ini hendaklah berfungsi dengan erat dan tolong-menolong bagi mewujudkan suatu suasana kondusif sehingga dapat melahirkan atlet-atlet berpotensi tinggi.

Yang Berhormat juga melahirkan rasa bangga di atas penglibatan aktif Unit



PERLAWANAN Lumba Perahu Tradisional Antarabangsa Ke-3 yang berlangsung di Kompleks Sukan Serasa, Muara telah menarik ramai penonton dari dalam dan luar negara. - Gambar oleh Haji Ariffin HMN.

Pelancongan, Kementerian Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama dalam pengendalian kejohanan berkenaan bagi membantu memajukan sukan demi melahirkan kecemerlangan dan harmoni dalam masyarakat.

Terdahulu, Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan menjelaskan dalam zaman globalisasi di mana kehidupan amat bergantung di antara satu sama lain kerana tiada satu-satu komponen dalam masyarakat dapat hidup bersendirian tanpa bantuan komponen-komponen yang lain.

"Lebih-lebih lagi dalam zaman globalisasi ini memerlukan jaringan yang kukuh, fungsional dan meluas di peringkat tempatan, nasional disamping peringkat serantau dan antarabangsa," jelas Yang Berhormat.

Kejohanan yang berjaya menarik minat orang ramai termasuk pelancong menyaksikan kehebatan pasukan Brunei Darussalam 'A' berjaya muncul juara dalam acara 800 meter X 10 Pekayuh Antarabangsa selepas menewaskan pasukan Brunei Darussalam 'B' dan Sabah yang masing-masing menduduki di tempat kedua dan ketiga.

Bagaimana pasukan

Sabah, Malaysia tidak pulang dengan tangan kosong apabila menjuarai acara 800 meter X 20 Pekayuh Antarabangsa manakala kedua-dua pasukan Brunei Darussalam 'A' dan 'B' di tempat kedua dan ketiga.

Terdahulu pasukan Seri Baru-Baru menjuarai acara 800 meter X 15 Pekayuh Tradisi Terbuka, Pasukan Remaja yang mencatat kepantasan 4:18 saat mengungguli acara 800 meter X 10 Pekayuh Fibre Glass - Remaja sementara Pasukan Seri Baru-Baru terus gagal menjuarai acara 800 meter X 10 Pekayuh Fibre Glass Terbuka.

Pada acara 800 meter X 20 Pekayuh Fibre Glass Terbuka dimenangi oleh Seri Baru-Baru dan Mukim Saba memenangi acara 800 meter X 30 Pekayuh Tradisi Terbuka.

Sebanyak tujuh pasukan menyertai kejohanan termasuk Pasukan Remaja, ABDB 'A', ABDB 'B', Seri Baru-Baru, Mukim Saba, Kerna Indera dan Kampong Sungai Asam sementara pasukan yang menyertai acara antarabangsa ialah Brunei Darussalam 'A', Brunei Darussalam 'B', Sabah dan Saberkas Sarawak.



MENTERI Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Digidong Seri Lela Dato Seri Paduka (Dr.) Haji Awang Hussain menyampaikan piala kemenangan kepada seorang wakil dari pasukan yang memenangi Kejohanan Lumba Perahu Tradisional Antarabangsa Ke-3. - Gambar oleh Haji Ariffin HMN.



PASUKAN yang memenangi Kejohanan Lumba Perahu Tradisional Antarabangsa Ke-3 gembira dengan piala dan hadiah masing-masing. - Gambar oleh Haji Ariffin HMN.

Brunei raih 'The Best Team Trophy'

BERAKAS, 15 Disember. - Pemangku Setiausaha Tetap Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, Awang Haji Sumadi bin Sukaimi melahirkan rasa bangga di atas kejayaan dan kepayaan yang tinggi yang telah dicapai oleh Pasukan Pacuan Empat Roda Kebangsaan Brunei Darussalam yang menyertai The 1st India-ASEAN Car Rally 2004.

Pasukan negara telah membawa pulang anugerah 'The Best Team Trophy' selepas mengumpul mata tertinggi hasil pematitaan pihak penganjur sejak ekspedisi itu bermula dari India hingga ke Pulau Batam.

"Pencapaian cemerlang mereka dalam ekspedisi itu telah membantu mengenalkan Negara Brunei Darussalam kepada pelbagai masyarakat dalam pelbagai peringkat antarabangsa," jelasnya kepada pemberita. PELITA BRUNEI ketika mengalu-alukan pasukan negara di Lapangan Terbang Antarabangsa Brunei di sini.

Katanya, kejayaan itu juga membuktikan peminat negara ini mempunyai ketekapan dan kebolehan yang mengagumkan sehingga mereka berjaya menghabiskan program

Oleh
Samle HJ

yang disediakan sehingga ke peringkat akhir.

Menurutnya, pengembaraan mereka lebih 8,000 kilometer merupakan satu petanda peserta negara mempunyai satu kepayaan yang luar biasa sekali gus menunjukkan bahawa orang-orang Brunei mempunyai upaya yang sangat membanggakan.

Pemangku Setiausaha Tetap itu juga berharap pencapaian itu akan menjadi sumber inspirasi kepada masyarakat yang lain untuk meraih dan mencapai kejayaan demi kejayaan.

Beliau menambah, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan juga memang menggalakkan penyertaan-penyertaan yang dapat mempromosikan negara sehingga dapat memperkenalkan Negara Brunei Darussalam, sekali gus memperlihatkan tahap-tahap serta kemahiran masyarakat Brunei dalam apa saja penyertaan mereka di semua peringkat.

Sementara itu, Ketua Ekspedisi Negara Brunei Darussalam, Sheikh Abbas

Sheikh Mohamad menjelaskan kemenangan pasukan ekspedisi itu tidak disangka-sangka, malah ia merupakan satu kejutan kepada semua peserta dari ASEAN dan India.

"Kesemua peserta dalam ekspedisi ini dipantau oleh pihak penganjur dari segi ketepatan masa, semangat pasukan, operasi dan persahabatan sehingga pasukan Brunei mendapat markah yang tinggi sehingga mengalahkan semua peserta dari ASEAN," jelasnya.

Ketika ditanya mengenai cabaran sepanjang pengembaraan, Sheikh Abbas tetap tidak lupa pengalaman ketika melintasi negara Myanmar yang kebetulan keadaan negara berkenaan sedang bergolak.

Beliau bersyukur, perjalanan mereka tidak tersekat kerana kerajaan di sana telah mengarahkan satu senjata dengan pengembaraan kesemua peserta juga telah dikawal dengan rapi oleh askar-askar yang dibantu oleh helikopter yang dilengkapi dengan senjata.

Kesemua peserta juga melalui jalan yang mencabar dengan menaiki gunung-ganang yang tinggi dan meredah sungai,

sementara mereka juga terpaksa mengharungi debu-debu tebal di jalan raya.

Bermula pengembaraan dari India sehingga Batam, ekspedisi kira-kira 8,200 kilometer dengan maksima 10 jam memandu setiap hari itu disambur dengan tepukan gemuruh dan penuh minat oleh ribuan manusia setiap negara-negara yang dilintasi.



KETUA Ekspedisi Negara Brunei Darussalam, Sheikh Abbas Sheikh Mohammad menjelaskan kemenangan pasukan mereka tidak disangka-sangka dan menjadi kejutan kepada semua peserta dari ASEAN. - Gambar oleh Pengiran Rafee PDPHM.



PASUKAN Pacuan Empat Roda Kebangsaan Brunei Darussalam yang menyertai 'The 1st India - ASEAN Car Rally 2004' dialu-alukan oleh Pemangku Setiausaha Tetap Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, Awang Haji Sumadi bin Sukaimi sejurus tiba di Lapangan Terbang Antarabangsa Brunei. - Gambar oleh Pengiran Rafee PDPHM.

Berkongsi menangani masalah sosial

Oleh Abu Bakar HAR

BERAKAS, 18 Disember. - Menteri-menteri negara anggota ASEAN yang bertanggungjawab ke atas pembangunan dan kebajikan masyarakat sepakat untuk berkongsi menangani masalah sosial yang dihadapi dan mengakui bagi keperluan untuk terus mempertingkatkan keupayaan individu dan masyarakat dalam menghadapi cabaran-cabaran masa depan.

Selain itu menteri-menteri ASEAN juga mengalu-alukan usaha meningkatkan kerjasama dalam beberapa bidang termasuk rancangan-rancangan bagi menangani isu warga tua, kanak-kanak, orang-orang kurang upaya dan yang kurang bernasib baik agar mereka dapat memainkan peranan dalam pembangunan nasional.

Kesepakatan tersebut dibuat pada mesyuarat Menteri-menteri ASEAN Ke-5 yang bertanggungjawab ke atas pembangunan dan kebajikan masyarakat yang diadakan Bangkok, Thailand pada 16 Disember lalu.

Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya

Digadong Seri Lela Dato Seri Paduka (Dr.) Haji Awang Hussain menegaskan perkara itu kembalinya dari mesyuarat tersebut di Lapangan Terbang Antarabangsa Brunei, seterusnya menyatakan bahawa kesemua perbincangan menjurus kepada penubuhan masyarakat penyangg ASEAN 2020 sebagaimana yang dihasratkan oleh ketua-ketua kerajaan ASEAN di Sidang Kemuncak Ketua-ketua Negara ASEAN yang diadakan di Laos baru-baru ini.



MENTERI Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Dato Seri Paduka (Dr.) Haji Awang Hussain. - Gambar oleh Abdullah HAD

Selain itu, jelas Yang Berhormat, menteri-menteri ASEAN di pertemuan itu juga telah bertukar-tukar fikiran mengenai isu sosial termasuk golongan warga tua, kanak-kanak, wanita dan orang-orang yang kurang upaya.

Mesyuarat kali ke-5 yang diadakan setiap tiga tahun sekali itu dipengerusikan oleh Menteri Pembangunan Masyarakat dan Keselamatan Manusia Thailand dengan tema 'Mempertingkatkan Masyarakat Penyangg'.

Pada mesyuarat tahun ini negara-negara ASEAN buat pertama kalinya telah menerima penyertaan tiga buah negara rakan dialog iaitu Republik Rakyat China, Jepun dan Republik Korea yang bermesyuarat pada 17 Disember lalu.

Yang Berhormat menjelaskan, Negara Brunei Darussalam akan mengambil manfaat dari negara-negara ASEAN terutama rakan dialog yang berpengalaman dalam menangani warga tua, kanak-kanak serta orang-orang yang kurang upaya untuk menyusun rancangan-rancangan yang lebih berkesan demi kebaikan golongan-golongan yang memerlukan.



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam ketika menerima sembah penerangan ringkas mengenai salah satu bahagian Jabatan Imigresen dan Pendaftaran Kebangsaan yang disampaikan oleh seorang pegawai jabatan tersebut.

Melawat dua buah jabatan kerajaan

Dari muka 1

Membangunkan projek Pelabuhan Muara Besar

BANDAR SERI BEGAWAN, 15 Disember. - Lembaga Kemajuan Ekonomi Brunei (BEDB) giat mencari rakan kongsi bagi membentuk konsortium dengan kerajaan dalam membiayai, membentuk, membangun dan mengendalikan pusat pelabuhan yang berdaya saing dengan melancarkan Kempen Pemasaran Projek Pelabuhan Muara Besar (PMB).

Menurut siaran akhbar BEDB, lembaga berkenaan giat memilih rakan kongsi yang sesuai bagi membantu membangun Pelabuhan Muara Besar ke arah pusat pelabuhan pemindahan kapal kargo bertaraf dunia.

Rakan kongsi yang sesuai itu akan membawa kepada jumlah persinggahan kapal yang diperlukan bagi mengukuhkan operasi pelabuhan dalam fasa awal dan juga kepakaran menguruskan pelabuhan dengan berkesan pada kos yang kompetitif.

BEDB dan Konsultan Halcrow, London akan memasarkan bersama projek kepada rakan kongsi yang

Oleh Samle HJ

sesuai pada suku pertama tahun 2005, sementara rakan kongsi yang berminat dalam pembangunan PMB dipelawa menyertai rundingan termasuk analisis cadangan dan penelitian awal.

Pada suku pertama tahun 2006 nanti, BEDB merancang untuk menubuhkan konsortium bagi melaksanakan pembinaan pelabuhan pada suku pertama tahun 2009.

Sehubungan dengan itu, zon pemprosesan eksport pula akan membangunkan PMB menjadi pelabuhan pemindahan kontena pelbagai produk pengeluaran dan untuk eksport semula.

Pengerusi BEDB, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Dewa Mejar Jeneral (B) Dato Seri Pahlawan Haji Awang Mohammad bin Haji Daud melahirkan keyakinan BEDB akan menemui rakan kongsi yang sesuai bagi membangunkan PMB menjadi pelabuhan dunia yang kom-

petitif melihat kepada kedudukannya yang strategik dan berhampiran dengan laut dalam.

Yang Berhormat menambah, pembangunan PMB itu akan turut mengembangkan lagi strategi berterusan BEDB dalam mempelbagaikan ekonomi negara ini termasuk zon pemprosesan eksport yang akan memberi peluang kepada pengusaha kecil dan sederhana (SME) dalam kegiatan nilai tambah bagi menyokong operasi pelabuhan.

Sementara itu, Ketua Pegawai Eksekutif BEDB, John Perry pula menjelaskan saiz kapal pelayaran terbesar sehingga 8,000 TEU dan mengikut jangkaan pertumbuhan perdagangan kontena, reka bentuk lagi 10,000 hingga 12,000 kapal TEU sudah dalam proses rekaian.

"Pembangunan PMB adalah tepat pada masanya dan akan dapat memberi perkhidmatan apabila mula beroperasi nanti," jelasnya.

Pengarah Halcrow bagi pelabuhan dan limbungan, Richard Clarke pula melahirkan harapan PMB



PENGERUSI BEDB, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Dewa Mejar Jeneral (B) Dato Seri Pahlawan Haji Awang Mohammad bin Haji Daud dan Ketua Pegawai Eksekutif BEDB, John Perry ketika memberi taklimat mengenai Kempen Pemasaran Projek Pelabuhan Muara Besar (PMB). - Gambar oleh Mohd. Zul-Izzi HD.

adalah peluang pelaburan yang penting.

Menurutnya, PMB boleh memainkan peranan penting dalam pertumbuhan pemasaran kargo rantau ASEAN apalagi melihat dari segi geografi, ciri semula jadi dan kedudukan yang sesuai serta mempunyai potensi perda-

gangan yang tinggi.

Jumlah pelaburan pelabuhan juga dianggarkan akan mencecah nilai A\$1.5 bilion dan akan dibangunkan dalam beberapa fasa.

Fasa pertama nanti akan melibatkan pembinaan pangkalan seluas 1,300 m dengan anggaran harga A\$400 juta manakala fasa berikutnya

pula melibatkan pembinaan sebuah lagi pangkalan (3,700 m) bagi menangani pertambahan perdagangan kontena bagi tempoh 10 tahun.

Pelabuhan itu nanti akan menampung kapal kontena terbesar dan PMB akan menjadi antara 50 pelabuhan kargo terbesar di dunia.

Juga hadir semasa keberangkatan tersebut ialah Setiausaha Tetap Jabatan Perdana Menteri, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Pekerma Laila Diraja Dato Paduka Haji Awang Hazair bin Haji Abdullah dan Setiausaha Tetap Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri, Dato Paduka Awang Haji Yusof bin Haji Hassan.

Mula-mula baginda berkenan berangkat melawat ke bahagian-bahagian di Jabatan Buruh dan seterusnya ke bahagian-bahagian di Jabatan Imigresen dan Pendaftaran Kebangsaan sambil disebarkan taklimat, berbual mesra dan menerima junjung ziarah pegawai-pegawai dan kakitangan di kedua-dua buah jabatan tersebut.

Pada kesempatan itu baginda juga meluangkan masa berbual mesra dan menerima junjung ziarah dari orang ramai yang sedang membuat pelbagai urusan di jabatan-jabatan berkenaan.

Sebelum mengakhiri lawatan baginda juga berkenan menerima sembah taklimat mengenai perkembangan dan perkhidmatan perkhidmatan yang di-kendalikan oleh agensi-agensi tersebut.

سلامت منونین عبادہ حاج سموگ ممقراولیهی حاج یغ مبرور

SELAMAT MENUNAikan IBADAH HAJI SEMOGA MEMPEROLEHI HAJI YANG MABRUR

Boleh menampung pekerjaan 2,100 orang

Oleh Abdullah Asgar

JERUDONG, 30 November. - Lembaga Kemajuan Ekonomi Brunei (BEDB) telah melantik Halcrow Group Limited, sebuah syarikat antarabangsa dari United Kingdom sebagai Master Planner atau Kepala Perancang bagi pembangunan Taman Perindustrian Sungai Liang.

Perkara itu telah dijelaskan oleh Pengerusi BEDB, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Dewa Mejar Jeneral (B) Dato Seri Pahlawan Haji Awang Mohammad ketika berucap di Majlis Perlantikan Kepala Perancang Bagi Pembangunan Taman Perindustrian Sungai Liang di Empire Hotel and Country Club di sini.

Yang Berhormat berkata, sebagai perancang pelan induk, Halcrow Group akan merangka, mencadangkan dan melaksanakan rangka kerja komersil dan perbadanan taman itu bagi memastikan projek pembuatan dan hiran di Sungai Liang boleh berkongsi penggunaan infrastruktur dan prasarana secara kos efektif.

"Dengan perlantikan Halcrow akan mendekatkan kita pada objektif bagi pembangunan Sungai Liang untuk dijadikan sebagai taman perindustrian bertaraf dunia dalam penghasilan loji amonia dan methanol," jelas Yang Berhormat.

Ketua Pegawai Eksekutif BEDB, John Perry ketika menyampaikan taklimat mengenai perkembangan Sungai Liang, pembinaan kedua-dua loji tersebut akan bermula penghujung tahun depan.

Kenyataan media sempena Majlis Menandatangani Perjanjian Perlantikan syarikat ini menyebut perancang pelan induk akan menilai daya saing Taman Perindustrian Sungai Liang supaya setanding dengan yang ada di negara-negara jiran, terutama dari segi mencadangkan kos yang kompetitif dan aturan pajakan bagi projek-projek pelaburan.

Pada majlis menandatangani perjanjian perlantikan itu, BEDB

diwakili Pengerusinya, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Dewa Mejar Jeneral (B) Dato Seri Pahlawan Haji Awang Mohammad manakala Pengarah Urusan Serantau Halcrow Group, John Heck mewakili syarikatnya.

Sungai Liang akan menjadi taman perindustrian bertaraf dunia di rantau ini dengan memainkan peranan sebagai projek perkilangan dan hala tuju Sungai Liang dengan perkongsian infrastruktur dan prasarana.

Sebagai tambahan, perancang pelan induk (Halcrow Group) akan menyediakan pelan induk terperinci dan pelan letak atur seluruh taman perindustrian dengan memasukkan keperluan semua projek pelaburan bagi penggunaan tanah yang optima, jelas kenyataan tersebut.

Syarikat kejuruteraan dan pembinaan tempatan akan diberi peluang menyertai kerja persewaan tapak projek, mereka bentuk dan membina infrastruktur serta kemudahan bagi kegunaan bersama para pelabur dalam taman perindustrian itu.

Peluang-peluang sampingan seterusnya akan terbuka kepada syarikat kecil dan sederhana tempatan apabila projek pembuatan dan hiran mula beroperasi, tambah kenyataan itu lagi.

Taman Perindustrian Sungai Liang akan beroperasi 2008



PENGERUSI BEDB, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Dewa Mejar Jeneral (B) Dato Seri Pahlawan Haji Awang Mohammad dan Pengarah Urusan Serantau Halcrow Group, John Heck menandatangani perjanjian perlantikan bagi pembangunan Taman Perindustrian Sungai Liang. - Gambar oleh Haji Masmaleh HMA.

John Perry menambah, perlantikan itu tepat pada masanya kerana semuanya sudah ditetapkan dengan para pelabur sudah dikenali pasti, simpanan gas yang mencukupi sudah diperuntukkan dan kerajaan juga komited terhadap pembangunan taman itu.

Bila mula beroperasi nanti dalam tahun 2008, dua dari empat loji utama akan berupaya mengeluarkan 1.2 juta tan granular urea setahun manakala loji methanol dengan kapasiti berupaya mengeluarkan 2,500 tan cecair methanol sehari.

Loji pencairan aluminium boleh mewujudkan peluang pekerjaan pada 900 kekosongan manakala loji pengeluaran granular urea dapat mempelawa

kira-kira 1,200 kekosongan.

Dijangka kedua-dua loji tersebut memerlukan lebih dari US\$900 juta di mana lebih 90 peratus atas biaya oleh pelaburan langsung asing (FDI) melalui Skim Perkongsian Privat Awam (PPP) sementara selebihnya ditanggung oleh pihak kerajaan.

Halcrow Group yang diwujudkan sejak tahun 1868 mempunyai aset 211 milion pound manakala lebih 70 juta pound di luar United Kingdom.

Kini syarikat tersebut menjalankan projek utama di Republik Islam Iran, Emiriah Arab Bersatu, Republik Filipina, Shanghai-China dan Trinidad dan Tobago.

RBA PERKENAL KADAR TAMBANG KELAS PERDAGANGAN BLUESKY

Oleh Haji Dayang HK

BANDAR SERI BEGAWAN, 10 Disember. - Syarikat Penerbitan Diraja Brunei (RBA) kini memperkenalkan kadar tambang kelas perdagangan Bluesky yang baru. Beberapa pertambahan baru juga diperkenalkan pada kadar tambang Bluesky.

Menurut siaran akhbar RBA, bermula pada 11 Disember ini, kadar tambang Bluesky yang baru akan ditawarkan bagi perjalanan antara Bandar Seri Begawan ke enam buah destinasi. Kadar tambang yang bermula dari serendah \$623.00 ditawarkan bagi perjalanan ke Denpasar, Surabaya dan Jakarta, kadar tambang Bluesky \$665.00 bagi destinasi ke Bangkok, kadar tambang Bluesky \$889.00 untuk perjalanan ke Hong Kong dan kadar tambang Bluesky \$1,106.00 bagi destinasi ke Shanghai.

Kadar tambang kelas perdagangan Bluesky juga adalah layak untuk pengumpulan hitung batu Royalskies.

Dalam pada itu, siaran akhbar itu juga menyatakan bahawa kadar tambang Bluesky satu perjalanan telah dibentangkan dan satu skim rancangan penginapan maksima selama 60 hari bagi kadar tam-

bang ke destinasi pilihan telah diperkenalkan. Skim ini membolehkan para pelanggan untuk melanjutkan hari penginapan mereka dengan mudah.

Para pelanggan adalah dinasihatkan untuk merancang perjalanan mereka lebih awal untuk menikmati kadar tambang menarik yang ditawarkan disebabkan kadar tambang berkenaan hanya akan ditawarkan bagi jangka waktu tiga bulan sebelum tarikh mereka memulakan perjalanan. Semua kadar tambang adalah tertakluk adanya tempat duduk di kelas-kelas berkenaan.

Menurut Pemangku Pengurus E-Dagang RBA, Dayang Hajah Sukinah Haji Ghani, kadar tambang Bluesky telah menerima maklum balas yang menggalakkan sejak ianya diperkenalkan pada bulan Januari tahun ini. Pihaknya sangat gembira untuk terus memperkenalkan inisiatif-inisiatif berterusan seperti skim yang ada sekarang dan mereka juga ingin berkongsi kejayaan dengan mereka.

KITA akan melangkah ke tahun baru 2005. Masih dalam masa lebih seminggu sahaja lagi. Tahun 2004 akan meninggalkan kita dengan seribu pahit dan manis selama setahun kita menjalani pasang-surut kehidupan.

Tidak terasa usia kita semakin bertambah. Pada masa yang sama pengalaman hidup juga semakin bertambah. Bila usia semakin bertambah menurut lazimnya kita diistilahkan seperti 'dunia kata pergi, kubur kata mari'. Ketentuan itu adalah hak Allah Subhanahu Wataala. Kita hanya perlu berusaha, berdoa dan bertawakal dan reda atas segala yang ditakdirkan.

Takaduhung menyebut kedatangan tahun baru 2005, FOKUS kali ini akan membicarakan sedikit sebanyak mengenai penghayatan masyarakat kitani setiap menjelang tahun baru. Kita juga akan menyentuh mengenai suasana sambutan pada malam menjelang tahun baru Masihi yang lebih sinonim dengan 'count down' pada saat terakhir detik 12.00 malam.

PESTA-PESTAAN

Biasanya setiap kali menyebut tahun baru ia sering dikaitkan dengan azam seseorang untuk meningkatkan usaha dan mencapai kejayaan yang lebih baik. Perkara positif seperti itulah yang lumrah diperkatakan sama ada secara 'sambil-sambil' sekadar pengisi cakap atau memangnya menjadi tekad seseorang.

Kali ini kita dahulukan perbincangan mengenai penghayatan dan bentuk sambutan masyarakat moden mengalu-alukan kedatangan tahun baru. Bagi sebilangan orang terutama golongan remaja, azam untuk mencapai yang lebih baik menjadi agenda kedua. Apa yang penting bagi mereka ialah dapat bersuka ria menyertai perkumpul-

FOKUS

OLEH SAHARI AKIM

an 'count down' pada tengah malam 31 Disember itu.

Apabila azam positif sudah diletakkan di tangga kedua dan kesukaan di tempat teratas maka kita sudah mengutamakan yang kurang atau tidak penting daripada yang lebih bererti dan bermanfaat.

Apa yang lebih membayangkan ialah jika sambutan 'count down' itu dibuat dengan pesta-pesta yang menghayalkan. Muda-mudi bergaul bebas dan bersuka ria sehingga jauh malam tanpa kawalan.

Dalam suasana sedemikian mereka boleh sahaja terlanjur atau terpengaruh melakukan perkara-perkara negatif yang bertentangan dengan ajaran agama, adat resam dan tatasusila bangsa.

Juga dikuatiri ialah apabila sampai ke peringkat 'mabuk-mabukan dan khayal' dengan minuman keras, penyalahgunaan dadah dan dan seumpamanya. Suasana sedemikian juga boleh mendorong kepada perzinahan dan pergaduhan di samping kejadian-kejadian negatif yang lain.

SAMBUTAN

Kalendar tahun Masihi memang biasa digunakan oleh masyarakat dunia untuk membilang dan menentukan tarikh-tarikh tertentu sepanjang tahun. Bagi umat Islam terutama di negara ini kita juga biasa menggunakan Takwim Hijrah yang kita sambut dan semarakkan setiap awal Muharam.

Bulan Muharam atau Awal Tahun Baru Hijrah begitu signifikan kepada umat Islam. Peristiwa hijrah Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bersama para sahabat dan

AWAL TAHUN BARU

'Sambut dengan azam baru, buka pesta-pestaan'

bercorak keagamaan juga dilaksanakan di peringkat daerah oleh agensi-agensi kerajaan, pertubuhan-pertubuhan bukan kerajaan, masjid-masjid, surau-surau dan sebagainya.

Menyambut Awal Tahun Baru Masihi bukanlah tidak dibolehkan tetapi janganlah berlebih-lebihan seperti yang dibuat oleh masyarakat barat dan sebahagian negara-negara di rantau ini. Sambutlah dengan rasa kesyukuran kerana Allah Subhanahu Wataala memanjangkan usia kita sampai ke tahun baru adalah lebih baik.

Dengan penghijrahan Baginda berserta umat Islam itu maka lahirilah negara Islam pertama, Madinah. Lahirilah bersamanya satu umat yang bersatu padu dan bersaudara, dihormati dan menjadikannya contoh kepada masyarakat lain.

Bermulalah tamadun umat manusia, beralih daripada segala kebatilan, kemungkaran dan kezaliman kepada kehidupan yang makruf dan adil yang direddi oleh Allah Subhanahu wataala.

Peristiwa hijrah Baginda merupakan warisan yang banyak memberikan pengajaran berharga dan bernilai kepada manusia sejagat khususnya umat Islam dalam melahirkan 'Baldatun Tayyibatun Warrabbun Ghafur', negara yang aman makmur, mendapat keampunan serta pertolongan daripada Allah Subhanahu Wataala.

Umat Islam khususnya dan masyarakat di negara ini umumnya seharusnya lebih mengutamakan sambutan Awal Tahun Baru Hijrah dengan menyertai dan memeriahkan sambutan-sambutan yang diunggakahkan oleh berbagai pihak.

Alhamdulillah Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam menyemarakkannya dengan sambutan di peringkat kebangsaan. Berbagai kegiatan

Apa yang juga penting ialah menanamkan tekad untuk memperbaiki segala kelemahan dan kepinangan yang ada sambil berazam untuk memperbaiki dan meningkatkan pencapaian kepada yang lebih baik.

Begitu juga jika kita terlanjur melakukan perkara-perkara negatif secara sengaja atau tidak maka kita patut menyesali dan menginsafinya. Kita berazam untuk tidak mengulangi atau terjebak kepada perkara-perkara tersebut pada tahun baru nanti.

DOA DAN AZAM

Sempena tahun baru 2005, kita panjatkan doa ke hadrat Allah Subhanahu Wataala agar dikurniakan tubuh badan dan mental yang sihat serta rezeki yang luas agar kita terus dapat mengerjakan amal ibadat, bekerja dan melakukan perkara-perkara berkebaikan untuk diri, keluarga, bangsa, negara, raja dan agama.

Dalam erti kata lain, kita tingkatkan ketakwaan dan keimanan kepada Allah Subhanahu Wataala, kita lakukan perkara-perkara berkebaikan yang dapat membantu memajukan bangsa dan negara di bidang agama, ekonomi, sosial dan kebudayaan.

Secara umumnya sebagai individu, kita perlu berusaha bersungguh-

sungguh untuk memantapkan diri dengan ilmu pengetahuan serta rajin berusaha mencari rezeki demi masa depan diri dan keluarga yang lebih baik.

Sebagai pekerja kita juga perlu melipatgandakan usaha ke arah memberi sumbangan bermakna kepada agensi-agensi di mana kita berkhidmat, sama ada di sektor awam atau swasta. Sikap amanah, jujur, ikhlas, rajin, dedikasi, efisien, proaktif, profesional, berakhlak mulia, bersopan santun akan membuahkan hasil kerja yang lebih berkualiti, produktif dan efektif.

Sebagai pengusaha atau peniaga misalnya, kita patut berazam untuk terus mengembangkan perusahaan dan perniagaan. Dalam hal ini kita harus berani meneroka bidang-bidang lain yang berpotensi dan lebih mencabar.

Sementara itu dalam era globalisasi dan liberalisasi ekonomi para peniaga juga perlu melengkapkan diri untuk lebih berdaya saing bukan sahaja di peringkat tempatan malah di peringkat serantau dan antarabangsa.

Bagi golongan remaja terutama para pelajar, mereka perlu mengambil peluang yang disediakan dengan menimba ilmu pengetahuan setinggi mungkin untuk mencapai masa depan yang lebih cerah. Mereka merupakan aset negara, bakal pewaris kepimpinan yang akan meneruskan kemajuan dan kecemerlangan bangsa dan negara.

Negara memerlukan warga yang berilmu dan berkepakaran dalam pelbagai bidang untuk memacu negara agar terus berkembang maju dalam semua sektor. Ilmu pengetahuan yang mereka peroleh juga harus dilengkapi dengan akhlak yang baik, disiplin diri yang tinggi, jati diri yang kental serta semangat nasionalisme yang jitu.

GAGAL

Bagi yang menghadapi kegagalan dalam mengharungi kehidupan, mereka tidak perlu berputus asa, jadikan kegagalan sebagai pengalaman berguna. Pengalaman kita untuk lebih matang dan dewasa. Jadikan kegagalan sebagai sukat-sukat dan cermin diri untuk mencapai kejayaan di tahun-tahun akan datang.

Begitu juga kepada insan yang telah terjerumus dalam gejala sosial dan perkara-perkara negatif yang lain, mereka perlu insaf, berazam dan bersumpah untuk meninggalkan dan tidak mengulangnya lagi.

Bukalah lembaran hidup baru di tahun 2005 dengan keazaman dan semangat baru untuk memperbaiki dan memajukan diri. Persiapkan diri dengan mental dan fizikal yang lebih mantap. Kerjakan suruhan agama dan tinggalkan larangan-Nya, insya-Allah kehidupan kita akan berubah kepada yang lebih baik. Kegagalan pasti akan berganti dengan kejayaan.

BERJAYA

Bagi mereka yang telah berjaya dalam apa jua bidang maka jadikanlah tahun baru 2005 untuk mencapai kejayaan yang terbaik. Dalam hal ini usaha perlu terus ditingkatkan. Jangan lupa gunakan kejayaan untuk membantu rakan dan masyarakat yang memerlukan bantuan.

Dalam apa jua bidang kerjaya atau perniagaan kita memerlukan mereka yang telah berjaya (achievers) untuk menjadi contoh, pendorong semangat atau motivasi kepada orang lain. Pada masa yang sama mereka juga perlu mengongkiskan kejayaan tersebut dengan orang lain.

Kejayaan boleh dikongkiskan dengan orang lain dengan cara memberikan khidmat nasihat, bimbingan dan tunjuk agar kepada orang yang me-

merlukan. Kejayaan juga boleh dikongkiskan dalam bentuk sumbangan, sedekah dan melaksanakan kerja-kerja kemasyarakatan yang lain.

Sumbangan juga dapat disalurkan kepada yayasan-yayasan, badan-badan amal dan kebajikan yang ada di negara ini. Bantuan tenaga, fikiran, mata benda dan kepakaran bukan sahaja akan meringankan beban pihak-pihak dan orang-orang yang memerlukan, malah akan memberikan ganjaran berupa keberkatan daripada Allah Subhanahu Wataala untuk kita terus maju dalam apa jua usaha yang dilakukan.

PENGHAYATAN

Dalam kitani menempuh tahun baru 2005 di alaf baru ini, penulis ingin berkongsi dan sama-sama merenung serta menghayati titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam semasa Majlis Sambutan Hari Raya Aidilfitri anjuran Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah baru-baru ini yang antara lain menekankan:

"Negara Brunei Darussalam turut membuktikan bahawa ia juga mampu melahirkan para tokoh, karyawan, profesional dan jaguh dalam pelbagai bidang. Kemampuan ini mestilah berkekalan jika kita mengingini masa depan negara yang terus gemilang.

Tidak ada batas waktu untuk maju. Semuanya terbuka dan bersedia untuk dilaluinya. Hanya kita sahaja, sama ada ingin merebut ataupun tidak peluang-peluang pembangunan yang ada.

Selaku generasi penerus, kita mestilah lebih berupaya dan lebih gigih, kerana era kita adalah merupakan era yang lebih mencabar dari sebelumnya."

Akhir kata, 'hayati yang tersurat dan tersirat'.



ALAT sukat dan timbangan memainkan peranan penting dalam urus niaga. Sehubungan dengan itu para peniaga hendaklah menggunakannya dengan jujur dan betul dalam sebarang urusan perniagaan harian.

Sementara itu, para pengguna pula perlu sentiasa berwaspada dan memastikan peralatan berkenaan dalam keadaan yang baik dan berfungsi dengan betul dan melaporkan kepada pihak-pihak berkenaan jika terjadi penyelewengan terhadap alat sukat dan timbangan.



TEKAD PEMEDULIAN ORANG RAMAI (TPOR)

JABATAN PERANCANG BANDAR DAN DESA
KEMENTERIAN PEMBANGUNAN
(Bahagian Kemajuan Daerah)
Bahagian IV

Bil.	Perkhidmatan	TPOR
1.	Sijil Mendiami Bangunan (OP) * Perniagaan dan perumahan * 4 buah rumah ke bawah	3 minggu 2 minggu
2.	Aduan orang ramai	Tindakan serta-merta

* Tempoh masa adalah hari bekerja

Ibadat haji boleh membantu sempurnakan taubat dengan ikhlas

MARILAH kita meningkatkan ketakwaan kita kepada Allah Subhanahu Wataala dengan penuh keyakinan dan keikhlasan dengan melakukan segala suruhan-Nya dan menyingkakan segala larangan-Nya. Mudah-mudahan kita menjadi insan yang bertakwa dan beriman serta selamat di dunia dan di akhirat.

Sekarang kita berada di bulan Zulkaedah, di mana pada kelazimannya pada bulan inilah bakal-bakal haji negara kita akan mula berangkat meninggalkan tanah air menuju ke Tanah Suci mengunjungi Baitullah untuk menunaikan ibadat haji. Menunaikan ibadat haji merupakan salah satu daripada Rukun Islam yang lima yang wajib ke atas umat Islam yang mempunyai kemampuan dan memenuhi syarat-syaratnya untuk mengerjakannya. Firman Allah Subhanahu Wataala dalam Surah Ali 'Imran ayat 97 yang tafsirnya:

"Dan Allah mewajibkan manusia mengerjakan ibadat haji dengan mengunjungi Baitullah, iaitu sesiapa yang mampu sampai kepadanya. Dan sesiapa yang kufur ingkar akan kewajipan ibadat haji itu, maka sesungguhnya Allah Maha Kaya tidak berhajatkan sesuatu pun dari sekalian makhluk."

Allah Subhanahu Wataala mewajibkan sesuatu ibadat itu kepada hamba-hamba-Nya sententunya mempunyai hikmat dan ganjaran yang tertentu. Begitu juga ibadat haji. Telah disebutkan dalam hadis Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam yang maksudnya:

"Dari Abi Huarairah Radiallahuanhu ia berkata: Telah bersabda Nabi Sallallahu Alaihi Wasallam: Sesiapa yang mengerjakan haji ke Baitullah dan tidak melakukan perkara-perkara keji dan tidak berbuat fasik, maka dia suci daripada dosanya seolah-olah

dia kembali pada hari dia dilahirkan oleh ibunya." (Riwayat Al-Imam Al-Bukhari).


Ibadat haji merupakan pengukuhan iman seseorang yang boleh membantu menyempurnakan taubat dengan ikhlas dan betul serta melahirkan rasa syukur kepada Tuhan di atas kurnia nikmat harta dan kesihatan kepada kita, kerana tanpa harta dan kesihatan tubuh badan sententunya kita tidak dapat menunaikan ibadat haji.

Ibadat haji juga mempunyai keistimewaan kepada umat Islam dan merupakan perhimpunan umat Islam yang terbesar di dunia, yang membolehkan kita berkenalan sesama mereka yang datang dari seluruh pelusuk dunia tanpa mengira kedudukan, pangkat, bahasa dan bangsa. Inilah dia hikmatnya persaudaraan dalam Islam sebagaimana yang dijelaskan oleh Al-Quran bahawa orang Islam itu bersaudara.

Kita sangat bersyukur kerana masyarakat kita di Brunei Darussalam ini menyedari tentang kewajipan ibadat haji, kerana pada setiap tahun ada sahaja orang yang hendak menunaikan ibadat haji. Tetapi apa yang ingin kita ingatkan bahawa menunaikan haji itu adalah wajib ke atas orang yang berkemampuan sahaja. Oleh itu janganlah sampai kerana hendak menunaikan ibadat haji kita terpaksa berhutang sehingga menjadi beban dan kesusahan hidup kita. Perbuatan sedemikian adalah dilarang oleh Islam. Sabda Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam yang maksudnya:

"Dari Abi Hurairah Radiallahuanhu ia berkata: Bersabda Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam: Roh seseorang mukmin itu tergantung dengan hutangnya sehingga hutangnya itu dibayar." (Riwayat Al-Imam Al-Tarmizi).

Di kesempatan ini inginlah kita mengingatkan kepada bakal-bakal jemaah haji, bahawa pemergian ke Tanah Suci itu merupakan pemergian kerana ibadat. Oleh itu janganlah hendaknya ibadat yang memerlukan pengorbanan yang begitu banyak dicampuradukkan dengan perkara-perkara mungkar dan bidaah serta kepercayaan karut yang berten-



tangan dengan akidah yang benar.

Di antara perbuatan yang menyalahi ajaran agama Islam yang sering kedengaran berlaku antaranya ialah membawa wang bersama ketika tawaf dengan tujuan menawafkan wang tersebut agar memperoleh berkat, mengutip batu untuk dibawa balik ke Brunei, memeluk atau mendakap tiang jin. Kononnya untuk mengetahui sama ada umurnya panjang atau pendek dan adakah dapat mengerjakan haji kali kedua atau tidak dan adakah hajinya mabrur atau mardud (ditolak), menggunakan kekerasan dan berdebat-debat untuk mengucap Hajarul Aswad sehingga menyakiti orang lain atau diri sendiri de-

KITA sangat bersyukur kerana masyarakat kita di Brunei Darussalam ini menyedari tentang kewajipan ibadat haji, kerana pada setiap tahun ada sahaja orang yang hendak menunaikan ibadat haji. Tetapi apa yang ingin kita ingatkan bahawa menunaikan haji itu adalah wajib ke atas orang yang berkemampuan sahaja. Oleh itu janganlah sampai kerana hendak menunaikan ibadat haji kita terpaksa berhutang sehingga menjadi beban dan kesusahan hidup kita. Perbuatan sedemikian adalah dilarang oleh Islam.

ngan tidak memikirkan keselamatan dan menyebabkan kecederaan, sedangkan mengucap Hajarul Aswad itu hukumnya sunat, perkara-perkara sedemikian hendaklah dielakkan dan tidak dilakukan.

Maka demi untuk mendapatkan keredaan Allah Subhanahu Wataala, janganlah kita mencemari amalan ibadat yang kita lakukan dengan perbuatan-perbuatan yang salah dan terpesong dari akidah Islam yang sebenar. Mudah-mudahan segala ibadat kita diterima Allah Subhanahu Wataala. Amin Yarabba Alamin.

Firman Allah Subhanahu Wataala dalam Surah Al-Hajj ayat 27 - 28 yang tafsirnya:

manusia untuk mengerjakan ibadat haji, nescaya mereka akan datang (ke Baitullah) dengan berjalan kaki dan dengan menunggang berjenis-jenis unta yang kurus yang datangnya dari berbagai-bagai jalan dan ceruk rantau yang jauh. Supaya mereka menyaksikan berbagai perkara yang mendatangkan faedah kepada mereka serta memperingati dan menyebut nama Allah, pada hari-hari yang tertentu, kerana pengurniaannya kepada mereka dengan binatang-binatang ternak untuk dijadikan korban, dengan yang demikian makanlah kamu dari daging binatang-binatang korban itu dan berilah makan kepada orang yang susah, yang fakir miskin."

SEKARANG kita berada di bulan Zulkaedah, di mana pada kelazimannya pada bulan inilah bakal-bakal haji negara kita akan mula berangkat meninggalkan tanah air menuju ke Tanah Suci mengunjungi Baitullah untuk menunaikan ibadat haji. Menunaikan ibadat haji merupakan salah satu daripada Rukun Islam yang lima yang wajib ke atas umat Islam yang mempunyai kemampuan dan memenuhi syarat-syaratnya untuk mengerjakannya.

وقت سمبھيغ، امساك، شوروق دار حضر

وقت ۲ سمبھيغ، امساك، شوروق دار حضر برونى دان موارا مولاي دري هاري رايو، 10 ذوالقعدة، 1425 برسمان دغن
22 ديسمبر، 2004 هيگگ كهاري ثلاث، 16 ذوالقعدة، 1425 برسمان دغن 28 ديسمبر، 2004 اداله سقرت دباوه لين --

هجره	ظهر	عصر	مغرب	عشاء	امساك	صبح	شوروق	ضحى	مسيحي
ذوالقعدة									ديسمبر
10	12.20	3.42	6.14	7.29	4.50	5.00	6.23	6.48	22
11	12.21	3.43	6.15	7.30	4.51	5.01	6.23	6.49	23
12	12.21	3.43	6.15	7.30	4.51	5.01	6.24	6.49	24
13	12.22	3.44	6.16	7.31	4.52	5.02	6.24	6.50	25
14	12.22	3.44	6.16	7.31	4.52	5.02	6.25	6.50	26
15	12.23	3.45	6.17	7.32	4.53	5.03	6.25	6.51	27
16	12.23	3.45	6.17	7.32	4.53	5.03	6.26	6.51	28

وقت ۲ سمبھيغ باني دائره توتوغ دتمبه ساتو مينيت دان دائره بلايت دتمبه تيگ مينيت، سمبھيغ فرض جمعة دسلوروه نگارا برونى
دارالسلام دمولاي دري فوكل 12.45 تھاري.

Dengan nama Allah, segala puji bagi Allah, selawat dan salam ke atas Rasulullah Sallallahu Alaihi wasallam, keluarga, sahabat dan para pengikut Baginda).

PERHIASAN dalam bahasa Arab disebut az-zinah, iaitu sesuatu yang dapat memperindah sesuatu yang lain, barang yang dipakai untuk berhias.

Dalam Al-Quran terdapat perkataan Az-Zinah (perhiasan), antaranya sebagaimana firman Allah Taala yang tafsirnya:

"Dan demi sesungguhnya! Kami telah menjadikan di langit: bintang-bintang (yang pelbagai bentuk dan keadaan) serta kami hiasi langit itu bagi orang-orang yang melihatnya." (Surah Al-Hijr, ayat 16).

HUKUM MEMAKAI PERHIASAN


Pada dasarnya perhiasan dalam erti kata mempercantik diri dan selain diri agar orang lain merasa senang memandang adalah diharuskan.

Perhiasan itu selama mana ianya tidak bertentangan dan berlawanan dengan syarak adalah sangat digalakkan dan dituntut dalam Islam. Sebagai contoh, Allah memerintahkan agar manusia memakai perhiasan pada setiap kali pergi ke masjid, firman-Nya yang tafsirnya:

"Wahai anak-anak Adam! Pakailah pakaian kamu yang indah berhias pada tiap-tiap kali kamu ke tempat ibadat (atau mengerjakan sembahyang), dan makanlah serta minumlah, dan jangan pula kamu melampau; sesungguhnya Allah tidak suka akan orang-orang yang melampaui batas." (Surah Al-A'raaf, ayat 31).

Perhiasan itu fungsinya bukan setakat untuk memperindah dan mencantikkan tubuh badan dan sesuatu tempat saja, seperti dinding-dinding dan ruang-ruang tertentu di dalam rumah, di masjid dan sebagainya, tetapi juga fungsinya menjadi alat dan bahan untuk kegunaan suatu tujuan, sama ada ianya digunakan kerana ada keperluan, seperti untuk perubatan, ataupun

PERHIASAN YANG DILARANG DALAM ISLAM



IRSYAD HUKUM

DARI JABATAN MUFTI KERAJAAN
JABATAN PERDANA MENTERI
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

Website: WWW.brunet.bn/gov/mufti
E-mail : mufti@brunet.bn
Fatwa@brunet.bn

Bilangan 196 Bahagian Pertama

digunakan tanpa ada keperluan, seperti pinggan dan cawan yang diperbuat daripada perak atau emas digunakan untuk makan dan minum kerana semata-mata menunjukkan gaya kehidupan yang mewah.

Namun begitu, bukan semua jenis barang-barang perhiasan itu diharuskan untuk dijadikan bahan kegunaan dan hiasan diri serta tempat. Terdapat garis panduan hukum syarak yang menentukan bahan-bahan perhiasan mana yang boleh dan tidak boleh digunakan dan dipakai, baik bagi laki-laki mahupun perempuan.

Berikut adalah beberapa contoh mengenai perhiasan yang dibenarkan dan yang dilarang di dalam Islam:

1) BARANG-BARANG KEMAS DARI PADA EMAS DAN PERAK

(a) Barang-barang kemas daripada emas

Segala perhiasan seperti cincin, anting-anting, kalung, gelang dan seumpamanya yang diperbuat daripada emas adalah harus dipakai oleh perempuan, tetapi haram bagi kaum lelaki.

Namun begitu, hukum harus berhias diri dengan emas bagi kaum perempuan itu tidaklah bersifat mutlak, tetapi hendaklah dibatasi pada had yang tertentu. Islam membatasi penggunaan atau pemakaian yang diharuskan itu dengan dua batasan, iaitu tidak berlebih-lebihan dan tidak bermegah-megah.

Dalam hal ini tersebut dalam sebuah hadis Nabi Sallallahu Alaihi Wasallam, sebagaimana sabda Baginda yang maksudnya:

"Makanlah kamu dan bersedekahkan serta berpakaianlah dengan tidak berlebih-lebihan dan tidak bermegah-megah." (Hadis riwayat An-Nasai'e).

Larangan pemakaian secara berlebihan itu adalah disebabkan hal itu boleh menggambarkan adanya rasa sombong mempamerkan kekayaan atau menunjukkan-nunjuk. Sikap sombong mempamerkan kekayaan atau menunjukkan-nunjuk tidak disukai oleh Allah Subhanahu

Wataala Taala, bahkan boleh membawa kepada haram. Firman Allah Taala yang tafsirnya:

"Sesungguhnya Allah tidak suka kepada orang-orang yang sombong takbur dan membangga-banggakan diri." (Surah An-Nisaa', ayat 36).

Menurut ulama dalam Mazhab Syafi'e, berlebihan yang dilarang dalam konteks ini ialah apa yang dikatakan terlalu berlebihan atau berlebihan yang melampau, seperti seorang perempuan memakai sepasang gelang kaki yang berat timbangannya dua ratus misqal (bersamaan dengan 850 gram mengikut timbangan pada zaman sekarang), kerana yang demikian itu tidak lagi dikira sebagai berhias dan tidak lagi dipandang sebagai indah, bahkan akan dipandang jelek.

Akan tetapi berlebihan yang sedikit tidaklah mengapa, namun begitu hukumnya adalah makruh.

Oleh itu, ukuran bagi sikap berlebihan yang melampau itu dalam konteks ini ialah apabila seorang wanita itu memakai barang perhiasannya sehingga tidak lagi dipandang indah, bahkan dipandang jelek, maka itu dikatakan terlalu berlebihan. (Mughni al-Muhtaj 1/393, 1'anah at-Talibin 2/181).

BERSAMBUNG

KELALAIAN UMAT ISLAM HARI INI

KITA mendengar ada yang mengatakan ramai antara kita yang mengaku Islam tetapi sikap kita dalam beragama sekadar sambil lewa sahaja. Dalam lain ungkapan mengaku Islam tetapi tidak mempraktikkan Ad-din Islam yang sebenarnya. Contohnya, ada di antara orang Islam yang tidak pernah meninggalkan sembahyang dan puasa tetapi dalam masa yang sama juga, tikam ekor, bersabung ayam juga tidak pernah ditinggalkan. Kenapa jadi begini? Adakah kerana kita terlalu jahil dalam menghayati ajaran Islam yang dibawa Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam ini? Adakah kita senghaja melupakan teguhan Allah semata-mata mengikut kemahuan hawa nafsu?

Firman Allah Subhanahu Wataala dalam Surah Ar-Ruum ayat 41 yang tafsirnya:

"Telah timbul berbagai kerosakan dan bala bencana di darat dan di laut dengan sebab apa yang telah dilakukan oleh tangan manusia; (timbulnya yang demikian) kerana Allah hendak merasakan mereka sebahagian dari balasan perbuatan-perbuatan buruk yang mereka telah lakukan, supaya mereka kembali (insaf dan bertaubat)."

Majoriti hidup umat Islam hari ini disibukkan dengan mengejar dan mengisi kehidupan dunia tanpa mengira persoalan hukum halal dan haram. Yang hak dan batil sudah tidak boleh dibezakan lagi, yang penting diri mesti berjaya dan maju.

Apa yang nyata semakin maju dunia ini, maka semakin pula ajaran Islam tidak diminati dan tidak diamalkan oleh seseorang. Semakin banyak orang yang lalai dengan tanggungjawab yang diamanahkan, lupa diri, buta Al-Quran, tidak mengendahkan ajaran Allah dan sebagainya. Ajaran Islam yang sebenarnya tidak dilaksanakan, bahkan mereka mengenepikan, memperlecehkan syariat Islam dan tidak meyakini kandungannya.

Ada juga di kalangan umat Islam dewasa ini jahil dan tidak mengetahui langsung mengenai urusan agama, tidak pernah meluahkan masa untuk menuntut ilmu, enggan menghadiri majlis-majlis keagamaan malahan lebih suka menghadiri majlis-majlis maksiat seperti konsert, majlis tari-menari dan sebagainya. Apabila ditanya mengapa mereka bersikap demikian? Mereka memberi alasan 'tidak ada masa terluang' atau 'banyak urusan'. Ini menunjukkan bahawa pegangan dan amalan umat Islam terhadap dasar-dasar hidup sebagai seorang Islam semakin berkurangan, malah mereka langsung kehilangan identiti sebagai umat Islam. Kiranya ini berlaku, benarliah apa yang diceritakan dalam sebuah hadis dari Huzafah bin Yaman, Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda yang maksudnya:

"Agama Islam itu akan lebur (lenyap), sebagaimana leburnya warna baju, sehingga manusia tidak mengetahui apa itu puasa, sembahyang, ibadat dan sedekah." (Riwayat Imam Ibnu Majah).

Jika kita melihat kehidupan umat Islam pada hari ini, kita dapati bahawa kepatuhan terhadap perintah dan larangan Allah tidak dilaksanakan dengan sempurna. Banyak yang tidak mengenal hukum halal haram. Kejahilhan tentang Islam adalah punca utama mereka melanggar hukum agama seperti sembahyang, mengeluarkan zakat, puasa dan berbuat baik

ditinggalkan, sebaliknya perbuatan yang ditegah seperti minum arak, berjudi, berzina, sumbang mahram, riba, rasuah, mendedahkan aurat, mencuri, menyakiti orang, derhaka kepada ibu bapa dan sebagainya dibuat sesuka hati. Padahal perbuatan tersebut ditegah sama sekali di dalam Islam, sebagaimana firman Allah Subhanahu Wataala dalam Surah Al-Maaidah ayat 90 yang tafsirnya:

"Wahai orang-orang yang beriman! Bahawa sesungguhnya arak dan judi dan pemujaan berhala, dan mengundi nasib dengan batang-batang anak panah, adalah (semuanya) kotor (keji) dari perbuatan syaitan. Oleh itu hendaklah kamu menjauhinya supaya kamu berjaya."

Firman Allah Subhanahu Wataala lagi dalam Surah Al-Israa' ayat 32 yang tafsirnya:

"Dan janganlah kamu menghampiri zina, sesungguhnya zina itu adalah satu perbuatan yang keji dan satu jalan yang jahat (yang membawa kerosakan)."

Mengapakah umat Islam berkelakuan demikian rupa? Jawapannya kerana iman mereka tipis dan lemah. Di samping itu umat Islam khususnya dan para ibu bapa umumnya kurang menitikberatkan mengenai ilmu pengetahuan yang berasaskan agama. Cara hidup hari ini juga sudah dipengaruhi oleh budaya negatif yang berlatarkan gaya hidup asing. Tanpa kita sedari ianya sedikit sebanyak telah merosakkan nilai hidup Islam. Tidak

منوجو كرىضان الله Menuju Keredaan Allah كلوان ثورة دعوه اسلاميه

menghairankan kalau saban detik kita terjumpa belia-belia Islam yang mengikut trend dan gaya masyarakat barat terutama lelaki yang memakai rantai leher, cincin, gelang, subang yang diperbuat dari emas, perak dan sebagainya. Bagi yang jahil tentang urusan agama, mereka tidak memperhitungkan soal pakaian dengan fesyen yang bermacam ragam asalkan mereka menutup kehormatan yang sensitif, mendedahkan aurat dengan pakaian yang terbelah, singkat, nipis, ketat, jarang dan lain-lain lagi, malah ada yang mengubah warna rambut mereka yang hitam kepada pelbagai warna, tinggal berdua-duaan tanpa ikatan perkahwinan yang sah dan sebagainya. Dalam hal ini Allah Subhanahu Wataala awal-awal lagi telah mengingatkan umat Islam melalui firman-Nya dalam Surah Al-A'raaf ayat 157 yang tafsirnya:

"... Ia menyuruh mereka dengan perkara yang baik, dan melarang mereka dari melakukan perkara-perkara yang keji; dan Ia menghalalkan bagi mereka segala benda yang baik, dan mengharamkan kepada mereka segala benda yang buruk; dan Ia juga menghapuskan dari mereka beban-beban dan belenggu-belenggu yang ada pada mereka ..."

Namun begitu di tengah-tengah gelombang kerosakan hidup manusia yang diselewengkan dengan ajaran jahiliyah (di zaman moden dikenali sebagai ajaran sekular), masih ada golongan manusia yang terus berpegang atau beramal dengan ajaran Islam dan mereka ini adalah sebenarnya disebut oleh Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam sebagai golongan yang beruntung. Sebuah hadis dari Abu Hurairah Radiallahuanhu, Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda yang maksudnya:

"Islam bermula dalam keadaan dagang (asing) dan ianya akan kembali menjadi dagang. Maka beruntunglah orang-orang yang dagang itu." (Riwayat Al-Imam Muslim).

Pembangunan pertanian berjaya atasi masalah kemiskinan

BERAKAS, 9 Disember. - Usaha penyelidikan dan pembangunan pertanian sememangnya diperakui berjaya mengatasi banyak masalah kemiskinan luar bandar dunia, malah ia juga berjaya menyumbangkan pada pertumbuhan dan pembangunan industri pertanian.

Pengarah Pertanian, Dr. Haji Mohammad Yusof bin Haji Mohidin berkata, kejayaan 'Revolusi Hijau' pada tahun 1960-an telah dapat meningkatkan tahap keselamatan makanan dunia.

Jelasnya, Revolusi Hijau juga berjaya menghindarkan musibah kelaparan malah tidak dapat dinafikan bahawa kejayaannya banyak bergantung kepada sumbangan daripada institusi-institusi penyelidikan pertanian.

Beliau berucap demikian di Mesyuarat Kumpulan Kerja Penyelidikan dan Pembangunan Pertanian ASEAN (TWGARD) di sebuah hotel di sini.

Tambahnya, kerjasama yang erat antara institusi penyelidikan pertanian ASEAN boleh meningkatkan sumbangan kepada ekonomi luar bandar ASEAN.

Di samping itu, ujarnya, pembangunan pertanian kini semakin bergantung kepada kepesatan penerimaan maklumat dan penggunaan teknologi komunikasi.

Oleh itu, katanya, penggunaan internet dan lain-lain teknologi seumpamanya mampu memperluaskan lagi sumber maklumat pertanian dan akan memudahkan lagi usaha bagi mendapatkan maklumat pertanian serta dengannya akan boleh membantu meningkatkan kadar pembangunan pertanian ASEAN.

Maka, kerana itu, tambahnya, dengan mewujudkan jaringan kerja ASEAN dalam penyelidikan dan pembangunan pertanian akan memudahkan masyarakat tani mendapatkan maklumat pertanian yang berkualiti, kerana ASEAN sendiri mempunyai antara institusi-institusi penye-

Oleh
Abdullah Asgar

lidikan pertanian yang terbaik di dunia.

Mesyuarat dua hari itu dihadiri oleh para penyidik dan pegawai kerajaan ASEAN di mana mereka membincangkan perkara mengenai usaha kerjasama dalam penyelidikan pertanian.

Mereka juga akan mengubal program kerja bagi meningkatkan penggunaan pengetahuan dan maklumat pertanian di kalangan masyarakat tani ASEAN.

Pengarah Pertanian mempengerusikan mesyuarat dua hari itu.



PENGARAH Pertanian, Dr. Haji Mohammad Yusof ketika berucap di Mesyuarat Kumpulan Kerja Penyelidikan dan Pembangunan Pertanian ASEAN (TWGARD). Majlis berlangsung di sebuah hotel di Berakas. - Gambar oleh Masri Osman.

Kontrak Konsultan BKN-UBD ditandatangani

Oleh
Siti Aishah HS

TUNGKU, 15 Disember. - Dalam usaha untuk mengetahui keberkesanan aktiviti-aktiviti dan rancangan yang diangkuyahkan oleh Biro Kawalan Narkotik (BKN) untuk mencegah belia-belia terlibat dengan penyalahgunaan dadah, BKN dan Universiti Brunei Darussalam (UBD) telah menandatangani Kontrak Konsultan hari ini bertempat di Ibu Pejabat BKN di sini.

Majlis menandatangani Kontrak Konsultan antara

BKN dan UBD diadakan adalah bagi mengendalik Projek Kaji Selidik Gerakan Ibu Bapa Belia (GIBB).

Hadir bagi menandatangani projek berkenaan ialah Pemangku Pengarah BKN, Awang Haji Abdul Majid bin Mangarshah selaku wakil dari pihak

BKN, manakala UBD pula diwakili oleh Dekan Pengajian Lepasan Ijazah, Dr. Haji Mohd. Yusof bin Haji Damit, yang juga selaku Pemangku Penolong Naib Canselor, UBD.

Projek kaji selidik itu diadakan bagi membolehkan pihak BKN mengetahui sejauh mana aktiviti-aktiviti pendidikan pencegahan dadah dan GIBB dapat membantu dalam pemantauan, selain meningkatkan kerjasama di

kalangan pelbagai lapisan masyarakat di seluruh negara dalam membanteras sebarang kegiatan penyalahgunaan dadah.

Sesuai dengan misi biro berkenaan, BKN masih melaksanakan strategi pengurangan bekalan dan permintaan yang mana juga melibatkan pelaksanaan undang-undang dadah dan langkah-langkah aktif pendidikan pencegahan dadah, malah peranan melalui pencegahan dan pendidikan adalah sangat penting dalam menghasilkan maklumat mengenai penyalahgunaannya.

Projek GIBB yang pertama ditubuhkan pada tahun 1994 di Rancangan Perumahan Negara Kampung Lambak Kanan, seterusnya pada Mei 1999 projek GIBB di Mukim Mentiri ditubuhkan. Selepas itu, projek berkenaan diteruskan di Rancangan Perumahan Negara Kampung Bukit Beruang pada tahun 2001 dan pada Mei 2003, penubuhan GIBB di Perumahan Negara Kampung Pandan dirasmikan.



PENANDATANGANAN Kontrak Konsultan di antara BKN dan UBD dimeterai bagi mengendalik Projek Kaji Selidik Gerakan Ibu Bapa (GIBB) yang diadakan baru-baru ini. - Gambar oleh Pengiran Rafee PDPHM.

BICARA IT

PROJEK PMONet

Kelolaan: Sahari Akim/Siti Aishah Haji Selamat

PROJEK PMO Online merupakan wadah e-kerajaan Jabatan Perdana Menteri (JPM). Projek tersebut kini dilaksanakan oleh JPM ke arah menyediakan PMONet.

Dalam usaha berterusan memenuhi cabaran-cabaran yang dibawa oleh globalisasi, bertambahnya permintaan pelanggan dan inovasi teknologi maklumat, Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia membuat pelburan dalam e-kerajaan bagi memenuhi dan meningkatkan efisiensi, ketelusan dan keberkesanan dalam operasi dan penyediaan perkhidmatan-perkhidmatan kepada pelanggan.

JPM Negara Brunei Darussalam telah mengambil langkah-langkah khusus bagi mempercepatkan pelaksanaan transformasi e-kerajaannya. Dalam konteks ini, Syabas Technologies yang berkongsi dengan IBM telah diamanahkan memulakan Projek PMONet.

PMO Online antara lain bertujuan:

- * Menyediakan perkhidmatan-perkhidmatan yang lebih sesuai, mudah didapati dan responsif bagi meningkatkan kepuasan pelanggan.

- * Meningkatkan kerjasama dan hubungan di kalangan agensi-agensi kerajaan dengan lebih terjamin, fleksible di samping infrastruktur dan rangkaian yang boleh dipercayai bagi membantu aplikasi dan interaksi operasi.

- * Merubah proses-proses perniagaan bagi menyediakan panduan, keberkesanan dan kualiti perkhidmatan.

- * Mengembang dan meningkatkan kemahiran sumber tenaga sebagai pekerja yang berpengetahuan.

Projek ini juga akan menyediakan penyelesaian khusus e-kerajaan ke arah membantu JPM memenuhi cabaran-cabaran utamanya di samping menyediakan proses, pengorganisasian dan wadah teknologi bagi meningkatkan operasi dan tahap perkhidmatan melalui kerjasama di kalangan jabatan-jabatan di bawah JPM.

Visi projek ini antara lain menekankan bahawa Teknologi Maklumat dan Komunikasi - ICT : Merupakan pemudahcara; Sumber Tenaga manusia; Tanpa orang/manusia ICT akan berlebihan (redundant); Proses perubahan: Merubah bagaimana pegawai/kakitangan kerajaan menyediakan perkhidmatan kepada orang ramai di samping penggunaan ICT dalam meningkatkan pemberian perkhidmatan; Kecemerlangan: Menekankan matlamat dan imiginasi yang tidak kekal tetapi bergerak serta budaya perbaikan yang berterusan.

Perkhidmatan-perkhidmatan PMO Online boleh didapati dalam sistem PMO Online yang menyediakan berbagai penyelesaian dalam keperluan tugas. Enam perkhidmatan PMO Online juga dikenali sebagai Menara Penyelesaian (Solutions Towers) mengikut terminologi projek. Ia mengandungi penyelesaian-penyelesaian aplikasi dan teknikal bagi memenuhi peluang-peluang perbaikan dan membantu mencapai matlamat e-kerajaan.

PMO Internet: PMO Internet juga dikenali sebagai Enterprise Services Portal (ESP) dalam terminologi Projek PMONet yang menyediakan satu saluran akses yang sama dalam internet di mana orang ramai boleh mendapatkan maklumat dan menjalankan perniagaan dengan PMO.

Objektif asas PMO Internet akan lebih fokus kepada pelanggan dengan menyediakan maklumat dan perkhidmatan kerajaan yang berkenaan menu-rut kehendak pelanggan selain menyediakan akses terjamin dan mudah mengenai maklumat dan perkhidmatan kerajaan di samping menggalakkan persejajaran perkhidmatan di kalangan agensi-agensi kerajaan.

Dalam menghadapi orang ramai, portal ini akan menyediakan maklumat dan perkhidmatan-perkhidmatan selaras dengan pandangan pelanggan terhadap perkhidmatan yang disediakan. PMO Internet Portal bukan menggantikan laman web agensi-agensi yang ada tetapi ia menjadi 'front office' di mana para pelanggan boleh mula melihat kepada spektrum lebih luas mengenai maklumat dan perkhidmatan-perkhidmatan yang berhubung kait dengan Kerajaan Brunei melalui satu saluran.

(Siri PMONet akan disambung pada ruangan BICARA IT minggu hadapan).

SURAT PEMBACA

PELITA BRUNEI mengalu-alukan surat awda dalam ruangan SURAT PEMBACA sama ada berupa masalah, kemusykilan, kemusykilan agama, pendapat atau pandangan mengenai sesuatu isu atau perkara. Surat awda hendaklah ditujukan kepada alamat berikut:

Ruangan Surat Pembaca,
PELITA BRUNEI,
Jabatan Penerangan,
Jabatan Perdana Menteri,
Lapangan Terbang Lama,
Berakas, BB 3510,
Negara Brunei Darussalam.

Awda boleh juga mengirimmkannya melalui faks 2381004 atau e-mel: pelita@brunet.bn. Untuk keterangan lanjut sila hubungi Ketua Bahagian Akhbar melalui telefon 2383804 atau 2383941.

Dalam surat tersebut hendaklah dinyatakan nama penuh, nombor kad pengenalan, nombor telefon dan alamat penuh. Walau bagaimanapun nama samaran boleh digunakan.

S i B u d i m a n



MINDA PEMBACA ... MINDA PEMBACA ... MINDA PEMBACA ...

Menysukuri nikmat Allah Subhanahu Wataala

SYUKUR, syukur, syukur Ya ... Allah. Syukur Alhamdulillah ...' begitulah indah dan harmoninya lirik lagu dakwah nyanyian Kumpulan Raihan yang cukup popular dan amat digemari dewasa ini hingga golongan kecil pun hafal dan turut menyanyikannya. Menyukuri nikmat Allah Subhanahu Wataala berarti kita menghayati dan berterima kasih terhadap limpahan kurnia yang telah dianugerahkan-Nya kepada kita selaku hamba-Nya iaitu sebaik-baik makhluk ciptaan-Nya yang sempurna dan diberikan banyak keistimewaan.

Memang sepatutnya kita mensyukuri dan memanfaatkan kelebihan yang telah diberikan dan diperkenankan melalui doa-doa serta usaha kita

demikian mendapat keberkatan dan keredahan-Nya jua. Mendapat rezeki yang murah dan berlipat ganda, kesihatan dan kesejahteraan hidup yang selesa, aman damai, di samping kemakmuran yang dikecapi di bawah pemerintahan Kerajaan Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan melalui kerajaan baginda, kita rakyat Negara Brunei Darussalam dapat mencapai taraf kehidupan yang cukup baik dan stabil

jika dibandingkan dengan negara-negara yang lain.

Pelbagai kemudahan dan peluang disediakan dalam meningkatkan kualiti dan taraf kehidupan. Kerajaan memperuntukkan berjuta-juta ringgit melalui pelan Rancangan Kemajuan Negara untuk menyediakan pembinaan infrastruktur seperti kompleks-kompleks bangunan, masjid-masjid, sekolah-sekolah, perumahan, jalan raya dan sebagai-

nya bagi kemudahan dan kesejahteraan bersama.

Peluang-peluang pekerjaan terbuka luas dan sedia menanti dalam menjaga tenaga kerja kepada peningkatan dan pertumbuhan ekonomi negara. Kerjasama dua hala serantau dan antarabangsa dapat dijalin dan dapat memberikan kesan positif dan baik. Kita patut bersyukur kerana Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia yang amat pemedulian dan sentiasa berusaha mengambil berat akan keperluan rakyat. Bila kerajaan sudah menjadi 'mata dan telinga', tinggal kita sahaja lagi yang memainkan peranan menjadi 'kaki dan tangan' yang baik dan berkesan sebagai tanda kita berterima kasih dan bersyukur.

Nikmat yang diberikan oleh Allah Subhanahu Wataala ini amat tidak ternilai harganya. Setiap degup nafas, satu saat ataupun satu detik amat besar artinya dan cukup bermakna kerana warna-warni yang melingkari kehidupan seseorang insan itu sama ada yang baik ataupun buruk, segala qada dan qadar-Nya semuanya adalah atas kehendak-Nya jua. Kerana hanya Allah yang Maha Mengetahui segala-galanya dan kita mesti yakin dan percaya bahawa ada hikmah yang tersurat dan tersirat yang patut menjadi renungan dan panduan agar kita sedar dan menghargai setiap kurniaan yang diberikan

dan tidak lalai ataupun alpa sehingga kita termasuk dalam golongan orang-orang yang tidak tahu bersyukur.

Di kala kita bangun dari tidur, kita jangan lupa melanjutkan rasa syukur kepada Allah kerana masih dipanjangkan usia dan diberikan peluang untuk meneruskan hidup, membuka mata untuk melihat dunia yang serba indah dan mencabar ini. Sama ada kita sedar ataupun tidak, peluang yang ada datang hanya sekali dan terpulung kepada kita untuk mempergunakannya dan memanfaatkannya dengan usaha dan bertawakal.

Kita baru sahaja selesai mengerjakan ibadah puasa di bulan Ramadan yang merupakan bulan yang lebih baik daripada seribu bulan yang tersimpan di dalamnya Lailatulqadar yang harus dihidupkan dengan amalan-amalan berkebaikan. Begitu jua fadilat-fadilat Sembahyang Sunat Tarawih pada setiap malam bulan Ramadan dan Sembahyang Sunat Witir yang mana pahala dan ganjaran nikmatnya yang berlipat ganda dan hanya terdapat pada bulan yang mulia itu. Begitu jua sambutan Hari Raya Aidilfitri sebagai tanda kemenangan dan menginsafi diri dengan penuh kesyukuran dalam kita menghadapi ujian-Nya. Namun yang paling utama tentunya amal ibadat yang dilakukan setiap hari iaitu sembahyang lima waktu yang wajib di-

TAJUK-TAJUK MINDA PEMBACA AKAN DATANG

1. 'Kawan Yang Jahat Senang Dicari, Kawan Yang Baik Sukar Ditemui'. Tarikh tutup 29 Disember 2004.

2. 'Jiran Yang Jujur Lebih Baik Dari Keluarga Yang Jauh'. Tarikh tutup 5 Januari 2005.

Pendapat awda hendaklah ditaip jarak langkau dua baris dan panjang pendapat awda mestilah antara 300 hingga 500 patah perkataan. Nama penuh, nombor kad pengenalan, alamat lengkap dan nombor telefon jika ada hendaklah disertakan dan hendaklah dihantar kepada :

Sidang Penyunting,

Minda Pembaca,

Unit Pelita Brunei,

Jabatan Penerangan,

Lapangan Terbang Lama, Berakas,

Bandar Seri Begawan, BB 3510,

Negara Brunei Darussalam.

emel: pelita@brunet.bn

MINDA pembaca yang terpilih minggu ini daripada tajuk yang telah kami kemukakan iaitu 'Menysukuri Nikmat Allah Subhanahu Wataala'. Mereka akan menerima hadiah sebanyak \$40.00. Pendapat yang berjaya itu adalah seperti berikut:

Hindarkan sifat tamak

NIKMAT merupakan pemberian, anugerah atau kurnia dari Allah Subhanahu Wataala untuk dimanfaatkan semata-mata bagi kebahagiaan dan kesejahteraan hidup kita di muka bumi ini. Di dalam Al-Quran, Allah Subhanahu Wataala menerangkan berbagai bentuk pemberian dan kurnia tersebut untuk kita gunakan dan nikmati. Contohnya, ciptaan ke atas umat manusia dengan tubuh badan yang serba lengkap bagi keperluan pergerakan; ciptaan tumbuhan dan ternak-ternak bagi kenikmatan pemakanan; keterangan ilmu pengetahuan untuk dipergunakan dan diamalkan sebagai peraturan bagi kesempurnaan hidup kita.

Apa pun bentuk nikmat dan kurnia yang kita terima, kita perlulah sedar dan menghargai akan limpah kurnia Allah Subhanahu Wataala itu dengan penuh kesyukuran seperti firman Allah Subhanahu Wataala yang tafsirnya:

"Maka makanlah yang halal lagi baik dari rezeki yang telah diberikan Allah kepadamu dan syukurilah nikmat Allah, jika kamu hanya kepada-Nya saja menyembah." (Surah An-Nahl ayat 114).

Cabaran utama kita ialah bagaimana hendak terus dalam keadaan bersyukur kepada Allah Subhanahu Wataala. Bersyukur memerlukan sifat-sifat positif, keberibadatan dan akhlak yang mulia yang mana akan membawa seseorang ke tingkat iman dan takwa yang tinggi. Dalam kata yang lain, kita perlulah membersihkan diri kita dengan menjauhi sifat-sifat yang tidak baik di sisi agama Islam seperti tamak, sombong, iri hati, tidak mahu kalah dan sebagainya kerana semua ini akan membuatkan kita lupa kepada ajaran agama, tetapi sebaliknya pula kita hendaklah menanamkan sifat-sifat yang baik seperti

bekerjasama, sayang-menyayangi, bertolak ansur dan sebagainya. Kawalan hawa nafsu dalam mencari rezeki dan kurnia Allah Subhanahu Wataala sangat penting kerana ia boleh membawa kita kepada perbuatan yang melampaui batas sebagai mana firman Allah Subhanahu Wataala yang tafsirnya:

"Dan jikalau Allah melimpahkan rezeki kepada hamba-hamba-Nya tentulah mereka akan melampaui batas di muka bumi, tetapi Allah menurunkan apa yang dikehendaki-Nya dengan ukuran. Sesungguhnya Dia Maha Mengetahui (keadaan) hamba-hamba-Nya lagi Maha Melihat." (Surah Asy-Syuura ayat 27).

Pengetahuan, peringatan dan pengajaran yang boleh diambil di sini ialah bahawa setiap nikmat itu ditentukan oleh Allah Subhanahu Wataala akan hadnya dan kita janganlah bersifat untuk mendapatkannya, tetapi hendaklah bersifat beramip-ampitan atau bertolak ansur supaya semua yang berhak menerimanya akan dapat bersamasama menikmati rezeki dan kurnia tersebut.

Dalam konteks kejadian manusia pula, kita dijadikan dengan keadaan yang telah ditentukan oleh Allah Subhanahu Wataala seperti bertaangan, berkaki, bermata dan sebagainya. Walau bagaimanapun ada juga yang dijadikan dengan kekurangan atau kecacatan tertentu dan dalam hubungan ini, pengubahaan tubuh badan bagi mengatasi kekurangan berkenaan seperti pembedahan kulit yang cacat, perubahan hidung yang cacat dan lain-lain tidaklah dilarang.

Namun begitu ada sebilangan kita yang masih tidak berasa puas akan kesempurnaan tubuh badan yang diberikan itu. Contohnya, mengubah suai bahagian tubuh badan tertentu semata-mata bagi kecantikan wajah

atau bentuk badan bagi tujuan menarik perhatian orang lain dan kebanggaan diri. Tambahan kepada itu, ada pula yang sanggup berbuat sedemikian melalui ajaran yang sesat dan dilarang oleh agama Islam. Manusia sedemikian adalah jauh dari beriman dan bersyukur ke atas apa yang dikurniakan kepadanya.

Al-Quran banyak menerangkan bahawa kita dijadikan untuk beriman, bertakwa dan memperhambakan diri kepada Allah Subhanahu Wataala dan untuk itu kita hendaklah patuh segala perintah-Nya dan mengerjakan apa yang digalakkan oleh agama Islam. Dalam hubungan ini selain dari mengerjakan perkara-perkara yang fardu, kita perlulah berusaha mempertingkatkan amalan agama kita dengan memperbanyakkan zikir, selawat, membaca Al-Quran dan sebagainya. Semua ini merupakan cara yang terbaik atau mekanisme untuk memperlihatkan kesyukuran dan rasa berterima kasih kita kepada Allah Subhanahu Wataala atas segala yang kita sudah dan sedang nikmat selama ini.

Justeru, bersyukurlah kita kepada Allah Subhanahu Wataala atas segala nikmat dan kurnia yang ada dengan penuh keimanan dan ketakwaan agar kita mendapat kebaikan yang bertambah-tambah sebagaimana firman-Nya yang tafsirnya:

"... Dan siapa yang mengerjakan kebaikan akan Kami tambahkan baginya kebaikan pada kebajikan itu. Sesungguhnya Allah Maha Pengampun lagi Maha Menyukuri." (Surah Asy-Syuura ayat 23).

Mahmud bin Haji Ibrahim, No. 11A, Jalan Serusop, Kampong Serusop, Berakas, BB 2313. No. k/p : 00-042584

Gunakan nikmat kepada perkara berkebaikan

D I BUMI yang bertuah ini kita amat bersyukur ke hadirat Allah Subhanahu Wataala kerana dapat merasakan dan menikmati kehidupan yang cukup lengkap dan sempurna. Di samping itu juga kita selaku umat Islam dapat mengabdikan diri kepada-Nya dengan iman dan takwa. Kita juga diberikan-Nya akal pemikiran yang cukup lengkap, sihat dan sempurna untuk kita dapat melakukan apa jua perkara yang berupa amal kebajikan yang bermanfaat.

Sesiapa yang tidak mensyukuri akan kenikmatan yang telah dilimpahkan kurniaan oleh Allah Subhanahu Wataala maka akan ditangkang berbagai-bagai bala bencana dan petaka, ujian dan cabaran di dunia ini pada bila-bila masa. Dan juga jika sekiranya perintah, suruhan dan juga kewajipan tidak dilakukan (dikerjakan) dengan niat yang tulus ikhlas dan secara tunai, Allah Subhanahu Wataala akan murka kepada makhluk-Nya kerana tidak mahu berdoa, berusaha, bertawakal, bersabar dan bersyukur.

Kita juga diseru agar sentiasa menunaikan sembahyang dan berdoa memohon keampunan serta memohon segala hajat permintaan yang dikehendaki kepada-Nya. Sesungguhnya setiap doa itu memberikan sinar petunjuk dan bantuan yang paling berkesan dan berhasil untuk kita mengecapi kejayaan dan kemajuan. Berdoalah dengan niat hati yang tabah dan sabar sebagaimana firman Allah Subhanahu Wataala yang tafsirnya: "Memohonlah pertolongan kepada Allah Subhanahu Wataala dengan sabar dan sembahyang." Maka berdoalah, bukan hanya di saat kita ditimpa musibah (kesusah-sahan), di saat dalam kesakitan sahaja malahan berdoalah ketika kita berada di dalam keadaan sihat dan senang.

Di negara kita yang makmur lagi aman dan damai ini, kita amatlah beruntung dan bermaslah baik kerana dapat hidup dengan tenang, tenteram dan selamat sejahtera. Di samping itu juga kita mempunyai seorang pemimpin yang berhati mulia lagi adil laila perkasa, berjasa dan berdaulat. Kita juga sentiasa berpegang

pada falsafah dan konsep Melayu Islam Beraja dan sentiasa pada landasan ajaran Islam mengikut Ahli Sunnah Waljamaah, kaya dengan adat budiya, berbudi bahasa, bersopan santun, berbudi pekerti dan saling hormat-menghormati.

Kita selaku rakyat dan penduduk di negara ini amatlah bertuah kerana dapat merasakan dan menikmati rezeki yang melimpah-ruah dan luas, tidak seperti setengah negara lain di dunia ini, yang masih lagi serba kekurangan.

Maka janganlah sampai dengan adanya kenikmatan yang berlebihan dan berlipat ganda yang diberikan ini dipergunakan dengan menuruti hawa nafsu tanpa menghiraukan dan melaksanakan kewajipan-kewajipan terhadap Allah Subhanahu Wataala. Sesungguhnya, seseorang itu dikatakan hidup berbahagia manakala boleh mempergunakan nikmat Allah Subhanahu Wataala untuk berlaku taat kepada-Nya. Allah Subhanahu Wataala berfirman.

"Dan (ingatlah) juga, tatkala Tuhanmu memaklumkan-

kan: Sesungguhnya jika kamu bersyukur, pasti kami akan menambah (nikmat) kepadamu dan jika kamu mengingkari (nikmat-Ku), sesungguhnya azab-Ku sangat pedih." (Surah Ibrahim ayat 6-8).

Sebagai umat Islam, kita hendaklah sentiasa beringat-ingat dan berijmat cermat untuk mempergunakan kenikmatan yang telah dilimpahkan kurniaan, jangan sampai kita lalai, lupa dan leka dengan apa yang telah pun dipertanggungjawabkan oleh Allah Subhanahu Wataala. Kita juga jangan sampai lupa untuk menghulurkan sedekah amal jariah. Dan jangan pula kita sampai memandang pada rupa dan kedudukan darjat. Dengan ini barulah kita dapat menyempurnakan diri kita dengan iman dan takwa.

Haji Apandi bin Awang Hidup, No. 7, Simpang 162 - 7, RPN Kampong Mentiri, Jalan Kota Batu, BU 2129. No. k/p : 00-046014

REMAJA

Pemedulian

OLEH H. A. MANAP

SUDAH banyak perkara yang istimewa ada di negara kita ini, keistimewaan ini bukanlah perkara yang sengaja diada-adakan, malahan ia terbit dari cara kita dipimpin, bernegara dan bermasyarakat. Suasana sedemikian inilah yang telah menjadikan kita berkeupayaan untuk dapat saling memeduli antara satu sama yang lain. Pemedulian ini bukan setakat kita yang menjadi pelakunya akan tetapi kepimpinan raja yang dikasihi menyertikan lagi perilaku yang mulia dan murni ini. Kalau kita amat-amati hal ini hanyalah sebahagian dari rangkaian keistimewaan yang dapat kita rasakan dan nikmati bersama. Rakyat baginda yang bernaung di bawah pemerintahan baginda amat beruntung dan bertuah kerana dapat menikmati pemedulian ini dalam berbagai bidang dan kemudahan.

Contohnya belum lama dulu melalui Yayasan Sultan Haji Hassanah Bolkiah yang baginda tubuhkan, dan dalam suasana kita meraikan sambutan Hari Raya Aidilfitri, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam telah meraikan para 'achievers' negara. Mereka adalah kalangan yang telah berjaya melaksanakan nama baik dan mencapai kecemerlangan yang membantu mengharumkan nama negara. Kesudian baginda dalam meraikan mereka adalah petanda jelas akan pemedulian Kebawah Duli Yang Maha Mulia yang tidak terbatas. Inilah pemedulian yang amat bermakna bagi mereka yang telah berjaya mengharumkan nama negara. Suasana dan pemedulian ini amat bermakna kerana ia merupakan pengiktirafan yang jelas dari seorang

raja dan pemimpin negara yang dikasihi rakyat. Hal ini juga dapat dijadikan sebagai ilham dan idea untuk menjadikan orang-orang lama itu sebagai contoh kepada generasi baru. Pencapaian mereka merupakan peranan dan tanggungjawab mengharumkan negara yang dilakukan melalui bidang yang mereka ceburi.

Mereka adalah wira zaman yang telah menaruh cita-cita tinggi dan merupakan orang awal yang menyingsing lengan untuk menghayun dan melimbaikannya bagi meraih dan mencipta kecemerlangan. Pencapaian mereka menurut titah baginda tidak boleh dilupakan begitu sahaja, ia patut dicontohi dan diteladani kerana mereka adalah tergolong ke dalam orang yang berjasa terhadap negara. Jasa mereka mengharumkan negara merupakan pengorbanan dari usaha dan niat suci untuk tampil ke hadapan bagi membuktikan keupayaan bangsa dan negara kita Brunei Darussalam. Mereka tampil untuk menyatakan kepada dunia bahawa kita juga berkemampuan mencipta kecemerlangan. Kita amat bersyukur kerana bukan sahaja keupayaan kita melahirkan 'achievers' yang cemerlang, akan tetapi keprihatinan dan pemedulian Kebawah Duli Yang Maha Mulia adalah jelas sebagai suatu penghargaan yang amat bernilai tinggi dan tidak semudahnya diambil ringan.

Dengan adanya golongan masyarakat yang mampu mencipta kecemerlangan ini, kita telah berjaya melahirkan tokoh-tokoh dan karyawan yang profesional. Kita juga tidak tertinggal dengan kualiti yang dilahirkan seperti mana juga orang lain boleh capai dan melakukannya. Apa yang penting kita perlu merenungkan dan menghayati titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia di majlis penuh kenangan tersebut apabila baginda menyentuh betapa pentingnya kemampuan dan keupayaan kita dipertahankan dan dipertingkatkan dari semasa ke semasa. Menurut titah baginda kemampuan yang telah kita tunjukkan dan capai bersama hendaklah berkekalan jika kita menginginkan masa depan negara yang terus gemilang. Menurut titah baginda bahawa kita tidak mempunyai batas waktu untuk melakukan dan mencipta kecemerlangan tersebut. Soalnya kita mestilah bergerak dan menunjukkan bahawa kita adalah orang yang lebih gigih dalam menghadapi cabaran di hadapan kita. Era yang kita lalui masa kini merupakan era yang lebih mencabar daripada sebelumnya. Pandangan dunia mesti kita alihkan agar mereka melihat kita sebagai sebuah negara yang mampu berperanan dan bergerak bersama dengan mereka yang sudah melangkah jauh dalam dunia kegemilangan.

Kita perlu meningkatkan peranan agar tugas dan tanggungjawab kita tercapai dalam memenuhi keperluan negara untuk mencapai seksama matlamat. Matlamat penting ialah

bagi kita berperanan menukarkan sepenuhnya persepsi dan tanggapan negatif orang lain terhadap kita dan menjelmakan nilai-nilai kemakmuran dan kesejahteraan yang direndai oleh Allah jua. Keredaan Allah adalah penting, kerana ia merupakan unsur nilai yang akan bertahan lama dan tidak kosong dari pertolongan Allah. Jika kita melakukan sesuatu itu tanpa mempedulikan akan nilai-nilai dan unsur-unsur keredaan Allah nescaya ia tidak akan bertahan lama, malahan akan kosong dari pertolongan Allah, sedangkan kita amat memerlukan pertolongan dari Allah jua, kerana pertolongan dari Allah itulah yang akan membuahkan hasil yang berkat. Hasil yang berkat dan mendapat pertolongan Allah itu salah satu caranya ialah dengan menepati aspirasi kandungan dan ajaran Al-Quran. Jika inilah yang dapat kita wujudkan lantaran cara hidup dan nilai yang kita hayati adalah bersumber dari ajaran yang Allah perintahkan untuk kita mentaatinya, nescaya kita akan dapat pula mewujudkan kemakmuran dan kesejahteraan hidup sekali gus kita akan dihormati dan disegani.

Bangsa dan negara yang disegani adalah suatu keistimewaan yang dikurniakan Allah, darinya juga kita akan menghasilkan generasi yang lebih cemerlang untuk mencipta kegemilangan. Marilah kita hayati dan junjung titah raja dan pemimpin negara yang kita kasihi. Semoga kita akan dapat melahirkan generasi yang cemerlang dan sebagai 'achievers' yang direndai oleh Allah.

Aidilfitri masih diraikan

Oleh Abu Bakar HAR

BERAKAS, 5 Disember. - Kehangatan dan kemeriahan Hari Raya Aidilfitri masih terasa sekalipun hampir sampai ke penghujungnya setelah disambut sepanjang bulan Syawal dengan penuh kesyukuran dan kegembiraan.

Kemeriahan menyambut Hari Raya Aidilfitri tetap dilaksanakan di negara ini dengan cara perkumpulan oleh pelbagai jabatan dan kementerian serta orang-orang perseorangan dengan mengadakan rumah terbuka.

Antara kementerian yang mengadakan Majlis Ramah Mesra ialah Kementerian Perhubungan dan jabatan-jabatan di bawahnya yang berlangsung di bangunan kementerian berkenaan.

Hadir bagi sama-sama menjayakan dan memeriahkan sambutan pagi itu ialah Menteri Perhubungan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Amar Pahlawan Dato Seri Setia Haji Awang Zakaria berserta pegawai-pegawai dan kakitangan di bawah kementerian tersebut.

Persembahan nyanyian Hari Raya Aidilfitri yang didendangkan oleh ketua-ketua jabatan dan timbalan ketua-ketua jabatan

berserta isteri telah menghantarkan lagi persembahan hari itu.

Majlis yang diselenggarakan oleh Jabatan Penerbangan Awam dihasratkan memberi peluang untuk berkumpul, meraihan dan bersalam-salaman memohon kemaafan antara satu sama lain, di samping mengeratkan kemestaraan antara pegawai dan kakitangan di kementerian tersebut.

Sementara itu pada awal malam tadi majlis yang serupa telah diadakan bagi pegawai dan kakitangan Kementerian Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama dan jabatan-jabatan di bawahnya.

Majlis tersebut berlangsung di Kelab Polo Jerudong di sini.

Majlis Ramah Mesra tersebut antara lain bertujuan untuk mengeratkan lagi perpaduan dan hubungan silaturahim antara sesama warga kementerian berkenaan.

Hadir bersama pegawai dan kakitangan ialah Menteri Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Lela Dato Seri Setia (Dr.) Haji Awang Abdul Rahman.

PELITA BRUNEI akhbar rasmi kerajaan, diberikan percuma kepada rakyat; rajin membaca luas pengetahuan, Alai jawablah soaln tercaat.

SYARAT PERADUAN

1. Jika alai berumur 15 tahun ke bawah dan murid sekolah rendah atau menengah bawah maka alai dibenarkan mengisi borang jawapan yang disediakan.
2. Alai dibenarkan mengisi satu borang jawapan sahaja.
3. Alai hendaklah mengisi borang jawapan yang disediakan dalam PELITA BRUNEI sahaja dengan tulisan alai sendiri.

HADIAH-HADIAH MENARIK

1. Alai yang berjaya diberikan hadiah untuk tiga orang sahaja. Undian akan dilakukan jika ramai di antara alai yang berjaya menjawab dengan tepat.

TARIKH TUTUP

Hantarkan borang jawapan alai tidak lewat seminggu dari tarikh keluaran PELITA BRUNEI ini.

ALAI DIALU-ALUKAN MENGGUNAKAN PERPUSTAKAAN RUJUKAN, JABATAN PENERANGAN

Jawapan soaln Alai Pintar keluaran 8 Disember 2004

Masjid Rancangan Perumahan Negara Kampong Mentiri.



Apakah nama masjid ini?

Muhammad Hazwan Nabil bin Haji Mat Zin,
Sekolah Menengah Sayyidina Abu Bakar.
Umur : 12 tahun

ALAI PINTAR

BORANG JAWAPAN ALAI PINTAR 650

Nama :
Umur :
Alamat :
Telefon rumah (jika ada) :
Sekolah :
Hantarkan borang jawapan alai :

Kepada,
Ruang Alai Pintar, 650,
PELITA BRUNEI,
Jabatan Penerangan,
Jabatan Perdana Menteri,
Lapangan Terbang Lama, Berakas, BB 3510,
Negara Brunei Darussalam.

SOALAN ALAI PINTAR 650

Pemenang-pemenang soaln Alai Pintar keluaran 8 Disember 2004

Dayangku Duratul Nadiah binti Pengiran Shadon,
Sekolah Menengah Pehin Datu Seri Maharaja, Mentiri.
Umur : 12 tahun

Dayang Mukarramah Hibatullah binti Haji Apondi,
Sekolah Rendah Dato Haji Mohd. Yasin.
Umur : 8 tahun

Rencana ...

SEDIKIT masa lagi bakal jemaah haji negara akan memulakan perjalanan mereka menuju ke Tanah Suci Mekah untuk menahut dan melaksanakan Rukun Islam yang kelima iaitu mengerjakan ibadah haji ke Baitullah bagi mereka yang mampu. Alhamdulillah, sambutan daripada masyarakat Brunei yang mampu untuk menunaikan ibadah haji adalah sangat menggalakkan dari tahun ke setahun dan ini jelas menunjukkan bahawa kesedaran beragama di negara ini adalah tinggi dan cukup meyakinkan. Sebelum memulakan perjalanan ke Tanah Suci Mekah, kerajaan melalui jabatan-jabatan yang tertentu telah mengadakan berbagai persediaan yang begitu rapi dan teratur khusus untuk memastikan agar semua bakal-bakal jemaah haji negara akan melaksanakan ibadah haji di Tanah Suci kelak dengan sempurna dan mengikut syarat-syarat tertentu seperti yang telah digariskan oleh syarak.

Persediaan asas seperti kursus-kursus bimbingan ibadah haji umpamanya, telah diadakan sejak awal bulan Ramadan lagi sebagai panduan bagi bakal-bakal jemaah haji untuk melakukan setiap rukun-rukun dan sunat-sunat dalam menunaikan ibadah haji. Latihan amali juga diadakan sebagai memberikan gambaran praktikal semasa melakukan ibadah-ibadah tertentu dalam menunaikan fardu haji seperti bertawaf mengelilingi Kaabah, sai dan sebagainya.

Kekuatan dan kekuatan mental, rohani dan jasmani, iman dan semangat adalah amat dituntut dan penting kerana ketika tiba musim haji nanti, Kota Suci Mekah akan dibanjiri oleh lautan manusia Islam yang datang dari seluruh pelusuk dunia sama ada dari dekat ataupun jauh semata-mata untuk menahut panggilan Allah iaitu menunaikan ibadah haji. Bayangkan saja sebuah tempat yang terhad tetapi menjadi tumpuan manusia Islam untuk melakukan ibadah khusus.

Kekuatan mental, rohani dan jasmani yang dimaksudkan di sini ialah kepayaan seseorang bakal jemaah haji itu untuk menahan diri dari sebarang tekanan yang boleh membawanya melakukan tindakan di luar kebiasaan. Misalnya tekanan disebabkan terlalu berseksak ketika berhimpun melakukan ibadah tawaf, sai dan sebagainya. Terkadang situasi sedemikian menyebabkan kita melupakan perkara yang tidak patut kita lakukan seperti memarahi dan memukul orang.

Dengan sebab itu bakal jemaah haji adalah digalakkan untuk menghayati falsafah dan matlamat ibadah haji agar ianya dapat dilaksanakan dengan sebaik mungkin untuk mendapatkan keredaan-Nya.

MUSIM HAJI TIBA LAGI ... LAKSANAKAN IBADAH HAJI DENGAN PENUH REDA

OLEH HAJI DAYANG HK



GAMBAR HIASAN ... Ahlan Wasahlan Marhaban, selamat kembali ke tanah air. Semoga keberkatannya akan melimpah kepada kaum keluarga dan sahabat handai yang menyambut kepulangan mereka dari menunaikan ibadah haji.

Pada hakikatnya ibadah haji itu bermula dari saat pertama kita berhasrat untuk menunaikan ibadah haji yang mana darinya terpancar prinsip dan corak hidup yang jelas pada diri seseorang Muslim itu. Bermula detik itu, pendekatan hidup kita akan berubah secara perlahan menuju pembersihan diri dan meyakini bahawa kehidupan di dunia ini bukanlah sekadar kehidupan semata-mata tetapi mempunyai misi dan matlamat. Kesanggupan kita mengorbankan harta dan nyawa serta meninggalkan keluarga tercinta demi menahut panggilan Allah ke Baitullah adalah satu manifestasi yang bukan kecil dan mendalam ertinya dalam perjalanan hidup kita masing-masing.

Ibadah haji dapatlah kita istilahkan sebagai perjuangan merintis perjalanan

menuju kepada Allah dalam usaha kita mencari kesempurnaan, kebaikan, keindahan, pengetahuan dan ketegingian. Ini kerana ketika kita hendak mula menunaikan ibadah haji kita terlebih dahulu menjelaskan hutang dan tanggungjawab terhadap orang-orang yang di bawah tanggungan kita. Kita juga pada ketika itu akan merasa lebih khushuk dan tawaduk dan merasa kerendahan serta kekerdilan diri. Kita juga merasa sangat terdorong untuk mengabdikan dan mendekatkan diri kepada Allah selaku Pencipta seluruh alam. Pendek kata, kita akan berusaha menyucikan jiwa kita dari penyakit hati seperti perasaan hasad dengki, marah dan sebagainya.

Ketika berada di Tanah Suci juga, tidak seorang pun yang ada di sana berbeza di

mata Allah. Semua adalah sama tidak kira bangsa dan darjat. Semua bakal jemaah haji akan memakai pakaian ihram berwarna putih dan berhimpun di sebuah tempat untuk tujuan dan matlamat yang satu iaitu menunaikan tuntutan syarak Rukun Islam Kelima untuk menunaikan ibadah haji bagi mereka yang mampu. Dalam keadaan sedemikian akan terbitlah suasana persaudaraan.

Ibadah-ibadah rukun yang tertentu dalam ibadah haji mempunyai signifikannya yang tertentu. Rukun wukuf misalnya menggambarkan perhimpunan yang bakal terjadi kelak di akhirat, sementara rukun tawaf mengelilingi Baitullah dalam satu gerakan adalah satu perlambangan kepatuhan umat Islam mematuhi dan mengikuti peraturan-Nya. Ia juga melambangkan tanggungjawab semua umat Islam untuk sama-sama terlibat dalam perjalanan hidup kemanusiaan.

Demikianlah beberapa manifestasi ibadah haji yang dapat kita teliti. Sudah tentu sebagai orang yang sudah mengerjakan ibadah haji dan yang bakal menunaikan ibadah haji tidak mahu ibadah haji kita itu menjadi sia-sia. Oleh itu haji yang mabrur adalah jihad di jalan Allah yang bukan mudah untuk diperolehi begitu saja. Ibadah haji juga disebutkan oleh Rasulullah sebagai perlambangan seorang hamba yang bersih seperti baru dilahirkan selama mana ibadah hajinya itu tidak dipenuhi oleh nafsu syahwat dan maksiat.

Dalam pada itu yang terpenting juga untuk dijaga dan diperhatikan bersama ialah mengenai kesihatan bakal jemaah haji. Perkara ini adalah asas kepada kelancaran pelaksanaan ibadah haji. Oleh sebab itu kerajaan melalui Kementerian Kesihatan telah mengambil langkah-langkah tertentu khususnya dalam memastikan kesihatan bakal jemaah haji negara untuk menjalani pemeriksaan kesihatan sebelum memulakan perjalanan ke Tanah Suci. Setiap bakal jemaah haji dipastikan untuk dibekalkan dengan ubat-ubat tertentu bagi memastikan kesihatan mereka terjamin selamat. Bukan itu saja, kerajaan bahkan menyediakan perkhidmatan klinik dan doktor bagi bakal-bakal jemaah haji negara kita ketika berada di Kota Suci nanti.

Menurut perkhidmatan yang dibawa oleh mereka yang baru pulang dari mengerjakan ibadah umrah baru-baru ini, keadaan cuaca di Madinah khususnya adalah dingin. Sehubungan dengan itu cuaca sedemikian adalah baru bagi kita yang tidak terbiasa dengan cuaca sejuk. Adalah amat penting untuk mengambil langkah-langkah berawas dan beringat agar kelancaran ibadah haji kita tidak terganggu. Sebagai persediaan awal, sentiasalah semak keadaan cuaca di Bandar Mekah, Madinah



SAUDARA MARA berhimpun di lapangan terbang untuk mengucapkan selamat belayar menunaikan ibadah haji kepada bakal-bakal jemaah haji dengan doa selamat pergi dan selamat kembali.

dan Jeddah sebelum bertolak. Sediakanlah juga baju-baju panas, sarung tangan, kain ihram yang tebal, losyen atau krim badan yang sesuai supaya kulit tidak mengering dengan cepat. Bawalah juga pembasah bibir atau 'lip gloss' agar bibir tidak pecah.

Menurut nasihat pakar perubatan juga, ketika musim sejuk, kurangkanlah mandi menggunakan sabun kerana ia akan menghilangkan minyak daripada kulit yang menyebabkan kulit jadi kering dan merekah serta gatal. Gunakanlah losyen yang berseesuaian. Pasanglah suhu alat hawa dingin bilik pada tahap yang sesuai kerana ia akan membantu penyesuaian kulit dengan udara. Makanlah makanan yang seimbang dan minumlah air biasa sebanyak lapan hingga sepuluh gelas sehari. Dalam apa juga keadaan cuaca sama ada panas atau sejuk, amalkanlah menutup hidung dan mulut sebagai langkah berjaga-jaga dari terhidu udara yang kurang bersih.

Sesuai dengan ketibaan musim haji pada tahun ini, adalah lebih baik bagi semua bakal jemaah haji untuk mengambil ingatan terhadap larangan-larangan dan tegahan-tegahan yang telah dengan jelas dimaklumkan oleh Kementerian Hal Ehwal Ugama melalui Jabatan Urusan Haji. Antaranya perkara yang ditegah dan dilarang sama sekali ialah untuk para bakal jemaah haji negara ini tidak membawa bersama mereka telefon bimbit yang dilengkapi dengan kamera digital. Perkara ini dilarang adalah kerana untuk sama-sama menjaga kesucian dan keselamatan tempat-tempat suci yang ada di Tanah Haram. Begitu juga dengan terbitan-terbitan dan juga makalah-makalah termasuk Buku-buku Panduan Haji atau yang berhubung kait dengannya yang tidak diperakui kesahihannya oleh

pihak berkuasa Arab Saudi. Benda-Benda tahyul seperti azimat, tangkal dan sebagainya hendaklah juga tidak dibawa. Perkara-perkara seumpama ini boleh saja menjadi hambatan ke arah kelancaran pergerakan bakal jemaah haji.

Adalah juga dinasihatkan kepada bakal-bakal jemaah haji kita untuk sentiasa merujuk sebarang permasalahan mengenai ibadah haji kepada Pegawai-pegawai Haji yang sudah dilantik oleh kerajaan sebagai langkah untuk mengelakkan berlakunya ketidakpastian. Pergunakanlah masa yang ada di sana nanti untuk mengerjakan ibadah haji semata-mata agar apa yang diharapkan akan menjadi kenyataan iaitu untuk mendapatkan keredaan Allah dan haji yang mabrur.

Biariah ibadah haji yang kita tunaikan itu nanti menjadi satu perjuangan dan perjalanan muhasabah diri yang cukup hebat sehingga berkesan dalam kehidupan kita hingga bila-bila masa. Ada di antara kita yang sudah menunaikan ibadah haji berpuh kali namun kesannya kurang menyerlah bahkan ada yang menjadi sebaliknya.

Sebelum bakal-bakal jemaah haji kita memulakan pemergian, banyakkal menilai diri dan menoleh sejenak ke belakang mengenai apa yang telah kita lakukan dan melihat ke hadapan mengenai apa yang akan kita lakukan. Semoga dengan yang demikian bakal-bakal jemaah haji akan lebih fokus dan terarah mengenai misi dan visi dalam menunaikan ibadah haji.

Doa kami mengiringi biskita semua. Semoga mendapat haji yang mabrur, sibt dan afiat serta dapat menunaikan ibadah haji dengan sempurna dan pulang ke tanah air dengan kemenangan.



PULANG dengan kemenangan membawa haji yang mabrur. Itulah cita-cita setiap jemaah haji yang pulang ke tanah air setelah berjuang menunaikan ibadah haji di Mekah. Semoga ianya akan memberi satu dimensi baru dalam kehidupan kita.



NIAT untuk menunaikan ibadah haji tidak mengira usia sama ada tua atau muda. Apa yang penting ialah niat itu disertai dengan keikhlasan semata-mata untuk mendapatkan keredaan Allah, di samping menunaikan tuntutan Rukun Islam Kelima bagi mereka yang berkemampuan.

Jaga infrastruktur peralatan ICT

BERAKAS, 6 Disember. - Para pegawai dan kakitangan Jabatan Penerangan disaran agar memanfaatkan Teknologi Maklumat dan Komunikasi (ICT) sepenuhnya untuk memantapkan lagi tugas dan perkhidmatan yang dipertanggungjawabkan.

Pada masa yang sama mereka juga dinasihatkan supaya menjaga sebaik mungkin segala infra-

Oleh
Sahari Akim

struktur ICT yang disediakan di jabatan tersebut, terutama melalui program e-kerajaan yang sedang rancang dilaksanakan ketika ini.

Pengarah Penerangan, Awang Haji Bujang bin Haji Masu'ut menyarankan

kan perkara tersebut di Majlis Menandatangani Dokumen Kontrak bagi Projek The Supply, Installation, Testing, Commissioning of PRONET - IT Network Infrastructure of Information Department berlangsung di Jabatan Penerangan di sini.

Pada majlis penandatanganan itu Jabatan Penerangan diwakili oleh Pengarah Penerangan,

Awang Haji Bujang sementara AV Electronic Sdn. Berhad, syarikat pengendali projek diwakili oleh Awang Karim bin Haji Asmat, Pengarah Eksekutifnya.

Semasa berucap Awang Haji Bujang menyifatkan penandatanganan itu sebagai satu lagi detik bersejarah bagi Jabatan Penerangan dalam menempuh era ICT, era globalisasi dan alaf baru yang kompetitif dan mencabar.

Awang Haji Bujang pada majlis itu juga menyeru semua warga Jabatan Penerangan supaya memberikan kerjasama sepenuhnya kepada pekerja-pekerja Syarikat AV Electronic Sdn. Berhad bagi memudahkan kerja-kerja yang mereka jalankan.

Menurut Awang Haji Bujang dengan terlaksana sepenuhnya program e-kerajaan di Jabatan Penerangan akan dapat meningkatkan lagi kegiatan dan aktiviti sesuai dengan moto jabatan ke arah 'Membudayakan Masyarakat Bermaklumat'.



PEMANGKU Pemerintah ABDB, Yang Dimuliakan Pehin Datu Inderasugara Brigedier Jeneral Dato Paduka Haji Mohammad Yusof ketika menerima kunjungan muhibah Pemerintah Armada Tentera Laut Pakistan, Naib Laksamana Muhammad Haroon HI. - Gambar oleh Hamadi HM.

Menerima kunjungan muhibah

Oleh
Haji Ahmad HS

Garison di sini.

BERAKAS, 7 Disember. - Pemangku Pemerintah Angkatan Bersenjata Diraja Brunei (ABDB), Yang Dimuliakan Pehin Datu Inderasugara Brigedier Jeneral Dato Paduka Haji Mohammad Yusof petang ini menerima kunjungan muhibah Pemerintah Armada Tentera Laut Pakistan, Naib Laksamana Muhammad Haroon HI yang berlangsung di Kementerian Pertahanan, Bolkiah

Juga dalam lawatan

muhibah tersebut ialah anggota-anggota dua buah kapal Angkatan Tentera Laut Pakistan iaitu Kapal PNS TARIQ dan Kapal PNS NASR yang diketuai oleh Komander Misi, Komodor Muhammad Asif Sandila.

Semasa berada di negara ini, Pemerintah Armada Tentera Laut Pakistan dan para pegawai serta anggotanya akan mengadakan lawatan ke beberapa tempat yang menarik di negara ini termasuk melawat Muzium Brunei, Bangunan Alat Kebesaran Diraja, Pusat Kesenian dan Pertukangan Tangan Brunei, Jame' 'Asr Hassanil Bolkiah dan Pusat Penemuan Minyak dan Gas (OGDC) Syarikat Minyak Brunei Shell (BSP) di Seria.

Di samping itu mereka juga dijangka akan mengadakan beberapa perlawanan persahabatan bersama Angkatan Tentera Laut Diraja Brunei (ATLDB) seperti perlawanan bola sepak dan golf.

PENGARAH Penerangan, Awang Haji Bujang bin Haji Masu'ut dan Pengarah Eksekutif AV Electronic Sdn. Berhad, Awang Karim bin Haji Asmat bertukar-tukar dokumen perjanjian selepas majlis menandatangani dokumen kontrak.

UBD terima sumbangan buku

Oleh
Haji Ahmad HS

RIMBA, 14 Disember. - Kedutaan Republik Korea hari ini menyumbangkan beberapa buah buku yang berkaitan dengan sejarah, kebudayaan serta politik kepada Universiti Brunei Darussalam (UBD). Majlis berlangsung di Pusat Teknologi Info-Komunikasi UBD, Tungku di sini.

Majlis penyerahan sumbangan buku tersebut disampaikan oleh Duta Besar Republik Korea, Tuan Yang Terutama Kom Woong Nam kepada Naib Canselor UBD, Dr. Haji Ismail bin Haji Duraman.

Terdahulu dari itu Naib Canselor UBD dalam ucapannya berkata, buku-buku yang disumbangkan itu diharap dapat membantu mahasiswa dan mahasiwi serta kakitangan UBD untuk mengetahui dengan lebih dekat mengenai kebudayaan dan sejarah Republik Korea.

Beliau menambah Republik Korea juga memberikan biasiswa kepada penuntut negara ini yang terpilih dengan keputusan yang cemerlang bagi mengikuti pengajian di sebuah universiti di Republik Korea.

Di samping itu Republik Korea juga menjalin beberapa kerjasama dalam pelbagai bidang, jelas Naib Canselor.

Dengan adanya sumbang buku-buku berkenaan diharap akan dijadikan bahan rujukan sekali gus untuk mengetahui mengenai kebudayaan, sejarah dan hal-hal politik Republik Korea.



PENGARAH Penerangan, Awang Haji Bujang bin Haji Masu'ut menyampaikan taklimat kepada rombongan pelajar ITQSHHB. - Gambar oleh Abdullah HAD.

Surat tidak akan dihantar

Oleh Abdullah Asgar

BERAKAS, 2 Disember. - Jabatan Perkhidmatan Pos tidak akan menyerahkan surat dengan menguatkuasakan 'Aturan-aturan Pejabat Pos' mulai 1 Februari 2005 kepada pernis kediaman dan rumah persendirian yang tidak mempunyai atau menyediakan peti-peti surat.

Tindakan tersebut bukanlah perkara mendadak sebab pemberitahuan melalui siaran akhbar telah pun diperuntukkan pada tahun 1993.

Pemangku Ketua Pos Agung, Awang Haji Azahari bin Mohamad Ali membuat amaran itu ketika berucap di Majlis Pelancaran Bagi Pengguna Peti-peti Surat Di Rumah-rumah dan Bangunan Tinggi di Dewan Amar Pahlawan, Kementerian Perhubungan di sini dengan slogan 'Tolong Kami Membantu Biskita'.

Katanya, bermula dari tarikh itu rumah kediaman dan pernis bangunan yang tidak mempunyai peti-peti

surat atau letter box, surat mereka tidak akan diserahkan dan pihaknya akan menyimpan surat-surat itu cuma dua minggu saja sebelum mengembalikannya kepada pengirim.

Beliau menambah, mana pernis bangunan yang belum menyediakan peti-peti surat boleh mengambil mel atau surat mereka atau penghuninya di pejabat-pejabat pos yang berdekatan tidak lebih dalam masa dua minggu atau surat dan mel akan dikembalikan.

"Kegagalan untuk menyediakan peti-peti surat berkenaan akan mengakibatkan surat-surat mereka tidak akan diserahkan yang selaras dengan peraturan 181, 182, 183, 184, 185 dan 186 dari peraturan Jabatan Perkhidmatan Pos 1993," tegasnya.

Oleh yang demikian, beliau

menyeru kepada orang ramai, pemilik-pemilik dan pemaju-pemaju bangunan supaya akan mengambil berat untuk menyediakan peti-peti surat bagi kemudahan dan kelancaran penghantaran dan penerimaan surat-surat serta mel.

Katanya, di samping kempen dan peraturan itu, jabatannya juga akan meneruskan tiga kempen lain iaitu kempen bagi penggunaan peralatan yang betul, penyediaan peti-peti surat tepi jalan dan perkhidmatan kaunter pelbagai pembayaran yang akan dijalankan secara berperingkat.

Jelasnya, sebilangan posmen atau penghantar surat atau mel perlu menyerahkan atau menghantar surat dan mel lebih hari 1,000 keping sehari tanpa mengira keadaan dan cuaca.

Dengan adanya kesedaran dari orang ramai diharapkan masalah itu akan dapat meringankan bebanan yang dipikul oleh seorang posmen.

Rombongan pelajar ITQSHHB lawat Jabatan penerangan

BERAKAS, 29 November. - Seramai 36 pelajar tingkatan satu dan dua Institut Tahfiz Al-Quran Sultan Haji Hassanil Bolkiah (ITQSHHB) telah membuat lawatan sambil belajar ke Jabatan Penerangan di sini.

Rombongan tersebut diketuai oleh Cikgu Zulkifli bin Abdul Ghani.

Ketibaan mereka di Jabatan Penerangan dialu-alukan oleh Pengarah Penerangan, Awang Haji Bujang bin Haji Masu'ut dan para pegawai di jabatan berkenaan.

Dalam ucapan alu-aluannya, Pengarah Penerangan, Awang Haji Bujang menekankan mengenai pentingnya para pelajar untuk sentiasa peka dan mengambil langkah-langkah berawas dalam pengumpulan maklumat

Oleh Aliddin HM

dari internet.

Beliau juga berkata, pelajar hendaklah menjaga nama baik dan imej institut dan tidak mudah terpengaruh dengan sumber-sumber maklumat yang bertujuan untuk memburukkan imej agama, kepimpinan dan keharmonian negara.

Para pelajar tersebut juga diberikan taklimat ringkas mengenai struktur dan organisasi Jabatan Penerangan dan menyaksikan tayangan video mengenai Jabatan Penerangan yang akan menyambut Jubli Emasnya tahun depan.

Selain sesi soal jawab, mereka juga dibawa melawat Bahagian Fotografi.

Ciri-ciri rasional perlu bagi membentuk organisasi

BERAKAS, 11 Disember. - Ciri-ciri rasional bagi membentuk perubahan dalam organisasi yang perlu seperti berubah kepada efisien, efektif, bersaing, memenuhi keperluan pelanggan dengan syarat-syarat tertentu, berubah untuk membangun, terus wujud dan cemerlang dalam segala hal adalah rangka untuk menuju ke arah perubahan pengurusan yang hendak dicapai.

Sehubungan itu untuk memenuhi ciri-ciri tersebut, Jabatan Kerja Raya (JKR) telah mengambil inisiatif sedemikian dengan mengadakan seminar mengenai 'Perubahan Pengurusan' yang diadakan di Kementerian Pembangunan di sini.

Dalam ucapan alu-aluannya, Pemangku Ketua

Oleh
Siti Aishah HS

Pengarah Kerja Raya, Awang Haji Rashid bin Haji Abdul Rahman menyatakan bahawa seminar itu diadakan sebagai usaha JKR untuk memberikan pendedahan kepada pegawai-pegawai pengurusan jabatan berkenaan untuk mengetengahkan konsep atau teknik pengurusan dan pelaksanaan program perubahan yang strategik dan ber-sistematik.

Beliau menambah, perubahan itu disebabkan oleh perubahan teknologi yang melibatkan perubahan cara pelaksanaan perniagaan atau tugas harian melalui usaha mencari jalan bagi melaksanakan konsep 'value for money' dalam melaksanakan projek-projek kerajaan dan juga untuk memenuhi kehendak dari orang ramai mengenai kualiti perkhidmatan yang diberikan oleh jabatan berkenaan.

Beliau juga melahirkan harapan agar seminar tersebut dapat membuka minda para peserta secara positif, untuk mengurus dan memahami seterusnya melaksanakan sebarang program perubahan yang sedang dan akan dirancang bersama di dalam organisasi masing-masing bagi memberikan peningkatan perkhidmatan yang lebih cemerlang kepada orang ramai.

Seminar sehari itu diadakan sempena pelancaran logo baru JKR yang diadakan baru-baru ini yang antara lain bertujuan untuk mempelajari perubahan, membina keupayaan dalam mengubah pemikiran, mengurangkan aduan dalam pekerjaan dan memenuhi keperluan dalam kerja yang dilaksanakan, menyelesaikan segala perubahan dan mencapai komitmen untuk berubah serta menambah peringkat motivasi para pekerja.

Seminar berkenaan dibimbing oleh Encik Victor S. L. Tan, selaku Pengarah Urusan Kumpulan Konsultant Perubahan Strategik Kuala Lumpur, Malaysia.

Hadir bagi mendengar ceramah ialah Menteri Pembangunan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Setia Pahlawan Dato Seri Setia Dr. Haji Awang Ahmad bin Haji Jumat, selaku tetamu kehormat majlis. Juga hadir ialah Setiausaha Tetap (Teknikal dan Profesional) Kementerian Pembangunan, Awang Haji Jumin bin Haji Marsali; Setiausaha Tetap (Pentadbiran dan Kewangan) Kementerian Pembangunan, Awang Haji Metassan bin Haji Daud; pengarah-pengarah, penolong-penolong pengarah, pegawai-pegawai kanan, pegawai dan kakitangan di Kementerian berkenaan dan jabatan-jabatan di bawahnya.



MENTERI Pembangunan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Setia Pahlawan Dato Seri Setia Dr. Haji Awang Ahmad beserta para pegawai kanan kementerian berkenaan hadir mendengar ceramah di seminar sehari itu.



TIMBALAN Menteri Kewangan, Yang Dimuliakan Pehin Orang Kaya Laila Setia Dato Paduka Haji Abdul Rahman menyampaikan cenderamata kepada seorang penerima di majlis itu. - Gambar oleh Masri Osman.

Kementerian Kewangan berhari raya

Oleh
Abdullah Asgar

BERAKAS, 1 Disember. - Hari Raya sudah hampir pada penghujungnya, namun beberapa sambutan untuk menyemarakkan dan meraiikannya terus giat dijalankan oleh berbagai pihak terutama beberapa kementerian di negara ini.

Kementerian Kewangan dan jabatan-jabatan di bawahnya menganjurkan Sambutan Hari Raya dengan beberapa acara pertandingan dan cabutan tiket-tiket bertuah serta penyampaian cenderamata kepada 24 orang pesara.

Acara tersebut diadakan di Pusat Persidangan Antarabangsa di sini dengan dihadiri oleh Timbalan Menteri Kewangan, Yang Dimuliakan Pehin Orang Kaya Laila Setia Dato Paduka Haji Abdul Rahman selaku tetamu kehormatannya.

Majlis bermula dengan ucapan alu-aluan oleh Pegawai Pentadbir Kanan di kementerian tersebut, Awang Haji Ibrahim bin Haji Ismail selaku Pengerusi Majlis.

Antara yang hadir termasuklah kedua-dua Setiausaha Tetap Kementerian Kewangan, Yang Berhormat Pengiran Dato Paduka Haji Maidin dan Awang Haji Ali bin Apeng serta pegawai-pegawai kanan di kementerian berkenaan.

Penduduk kampung mengundi Ketua Kampung baru

MUARA, 12 Disember. - Penduduk Kampung Masjid Lama, Sabun, Pekan Muara dan Pelumpong di Mukim Serasa tidak lama lagi akan mempunyai Ketua Kampung baru.

Majlis pengundian bagi jawatan Ketua Kampung berkenaan diadakan hari ini di Sekolah Rendah Sultan Omar Ali Safuddin di sini. Hadir menyaksikan pengundian tersebut ialah Pemangku Pegawai Daerah Brunei dan Muara, Awang Haji Jamain bin Momin.

Dua orang calon disenaraikan bagi jawatan Ketua

Oleh
Haji Ahmad HS

Kampung berkenaan iaitu Awang Ahmad bin Haji Ghani, 47 tahun dan Haji Abdul Majid bin Haji Mahmud, 52 tahun. Seramai 167 orang dalam lingkungan usia 18 tahun ke atas yang layak didaftarkan untuk mengundi calon berkenaan hadir di majlis tersebut. Dari jumlah itu hanya 74 orang sahaja mengundi.

Dalam pengundian itu calon pertama, Awang Ahmad bin Haji Ghani

mendapat 56 undi. Sementara calon kedua, Haji Abdul Majid bin Haji Mahmud yang bertugas di Kementerian Kesihatan hanya memperoleh 15 undi.

Ketiga-tiga kampung dalam Mukim Serasa mempunyai kerumitan penduduk kira-kira 200 orang. Ketika ini tugas Ketua Kampung bagi kampung-kampung berkenaan telah dijalankan oleh bekas Ketua Kampung, Awang Haji Ibrahim bin Gafar secara sebulan ke sebulan sejak beliau bersara dari jawatannya bulan September tahun lalu.



PARA penduduk Kampung Masjid Lama, Sabun, Pekan Muara dan Pelumpong mengundi bagi Ketua Kampung baru kawasan tersebut. - Gambar oleh Mohd. Zul-izzi HD.

BISTARI hulurkan bantuan kepada murid-murid kurang berkemampuan

Oleh
Siti Aishah HS

kan kepada 98 orang murid yang tidak berkemampuan dari sekolah-sekolah rendah di Daerah Belait.

Sumbangan berkenaan disampaikan oleh Yang Dipertua BISTARI, Datin Hajah Edah binti Haji Mohd. Noor.

Hadir sama di majlis itu ialah Yang Dimuliakan Pehin Kapitan China Kurnia Diraja Awang Lau Ah Kok, selaku wakil Ladang Tunas Harapan Sendirian Berhad; Pengarah Sekolah-sekolah di Kementerian Pendidikan, Dayang Hajah Norjumi binti Haji Yusof dan para pegawai kanan kerajaan di Kementerian Pendidikan serta para ibu bapa murid-murid yang berkenaan.



YANG Dipertua BISTARI, Datin Hajah Edah menyampaikan sumbangan kepada seorang murid di majlis itu. - Gambar oleh Mohd. Zul-izzi HD.

Sehubungan dengan itu, Badan Kebajikan Isteri-isteri, Pegawai-pegawai dan Kakitangan Wanita Kerajaan Brunei (BISTARI) tidak ketinggalan menghulurkan bantuan kepada murid-murid yang tidak berkemampuan dengan mengadakan Majlis Penyampaian Sumbangan yang berlangsung di Kompleks Yayasan Sultan Haji Hassanali Bolkiyah di ibu negara di sini.

Sumbangan berupa alat keperluan dan pakaian seragam sekolah disumbang-

Sastera dan Budaya

سستردان بوداي

BERBAGAI istilah telah ditimbulkan oleh sarjana mengenai istilah sajak mengikut fahaman mereka. Dengan itu tidak menjadi keanehan saya untuk menjelaskan mengenai istilah sajak yang telah disimpulkan oleh mereka antaranya:

Sajak suatu bentuk moden yang lebih bebas dan seterusnya rangkainya tidak terikat atau menyilang bentuk-bentuk tradisional seperti pantun dan syair dan membawa suasana serta pandangan hidup yang lebih moden. Rentak dan perjalanan baris serta baitnya lebih mengikut nafas, fikiran dan cara berfikir, tidak disusut dan ditentukan panjangnya oleh peraturan-peraturan lama. (Muhammad Haji Salleh, 1988:1).

Menurut keterangan Za'ba dalam karya Hj. Mariat Hj. Abdullah yang berjudul Sekitar Puisi Dengan Contoh Khusus: Antologi Lagu Hari Depan (1997:1) ada menerangkan istilah sajak secara umum dan secara khusus iaitu:

Secara umum; apa sahaja karangan berentak yang bermacam-macam bentuk, sama ada pantun, syair, gurrindam atau seloka, mahupun ada pertimbangan dan pertentangan bunyi atau tidak.

Secara khusus; sejenis karangan berentak berbentuk baru dalam bahasa Melayu. Keadaannya seakan-akan gurrindam atau seloka pada bentuk luarnya, tetapi berlainan pada isi dan rasa keseniannya, terutama pada beberapa sifat yang tertentu. (Hj. Mariat Hj. Abdullah, 1997:1).

Selain pendapat Za'ba mengenai istilah sajak yang tercatat dalam karya Hj. Mariat Hj. Abdullah, beliau juga turut menerangkan akan istilah sajak menurut fahamannya iaitu:

Setiap sajak adalah bebas daripada sebarang peraturan dalam membentuk rangkap, menentukan baris, memilih perkataan dan padaman rima. Semuanya ini bertujuan supaya buah fikiran penyair boleh diucapkan dengan lebih liden, indah dan berkesan. (Ibid:2)

Daripada petikan para sarjana mengenai istilah sajak, di sini saya ingin simpulkan mengenai istilah sajak mengikut fahaman saya. Istilah sajak adalah merupakan suatu jenis karangan berentak yang bebas dari sebarang peraturan yang tertentu yang seakan merupakan pantun dan gurrindam.

Untuk mengetahui sejarah perkembangan sajak adalah sukar menentukan tarikhnya yang tepat. Namun di Indonesia, sajak-sajak jenis ini telah dipelopori oleh "Pujangga Baru" mulai tahun 1933 oleh penyair seperti Muhammad Yamin, Rustam Effendi, Amir Hamzah yang telah dipengaruhi oleh penyair dari Barat sehingga ke Alam Melayu. Begitu juga perkembangan sajak di Alam Melayu yang telah melalui enam peringkat antaranya:

1. Zaman Permulaan;
2. Zaman Jepun;
3. Asas 50;
4. Penyair-penyair Kabur
5. Penyair Enam Puluh; dan
6. Penyair Mutakhir.

Ini termasuk juga perkembangan sajak di Negara Brunei Darussalam yang disebabkan kesedaran sifat kebangsaan yang wujud di kalangan pendidik kira-kira sekitar 1930-an. Namun perkembangan ini di dirujuk pula pada sajak-sajak yang ditulis oleh penulis-penulis 1950-an dan 1960-an. Antara penulis-penulis sajak di Brunei seperti Yahya M.S., Badaruddin H.O. dan Adi Rumi.

Jadi dapatlah saya simpulkan bilakah perkembangan sajak di Negara Brunei Darussalam itu bermula, oleh kerana para penyair di Negara Brunei Darussalam pernah merujuk kepada penulis-penulis sajak yang terdahulu iaitu pada tahun 1950-an dan 1960-an (Adi Rumi, 2000:V). Jelaslah

bahawa pada tahun tersebut kemungkinan tahun bermulanya perkembangan sajak di Negara Brunei Darussalam tetapi tidaklah berkembangan dengan pesat.

Sebelum menerangkan tulisan ini, terlebih dahulu akan diterangkan mengenai jenis sajak yang menjadi pilihan supaya dapat dikenal pasti mengenaunya.

Sajak-sajak yang saya pilih ini termuat dalam Antologi Senandung Anak Watan yang banyak mengandungi pemikiran yang mengandungi nilai-nilai falsafah dan semangat keagamaan yang tinggi. Penyerapan tema-tema yang berunsur akidah dan ahlak serta pembungkuan ummah jelas beritinkan dan bersendikan nilai-nilai tauhid serta pandangan-pandangan Islam yang amat mengesankan dan mengesankan suka lebih-lebih lagi di adun dengan bait-bait yang amat puitis dan artistik.

Senandung Anak Watan juga merupakan kumpulan puisi Adi Rumi dari tahun 1958 hingga tahun 2000 yang dipetik daripada beberapa sumber antaranya Pakatan, Koleksi Sajak-sajak Darussalam, Bunga Rampai Sastera Melayu Brunei, Puisi-puisi Nusantara, Pelita Brunei, Lagu Hari Depan, Puisi Moden Brunei dan koleksi peribadi.

Adi Rumi ialah nama pena Yang Berhormat Pehin Datu Seri Maharaja Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Abdul Aziz bin Awang Juned. Yang Berhormat dilahirkan pada 22 Disember 1941 di Kampung Setia Pahlawan Lama, Bandar Seri Begawan. Mendapat pendidikan awal di Brunei. Melalui biasiswa kerajaan, Yang Berhormat melanjutkan pelajaran di Sekolah Arab Al-Juneid, Singapura (1955-1961) dan di Kolej Islam Malaya, Kelang (1962). Seterusnya melanjutkan pelajaran di Universiti Al-Azhar, Mesir dengan mendapat ijazah Sarjana Muda dalam jurusan Perundangan Islam dalam tahun 1969. Yang Berhormat pernah mengikuti Kursus Fatwa di Darul Ifta, Kementerian Keadilan, Mesir dalam tahun 1979-1980.

Keterangan mengenai pendekatan perlulah diterangkan supaya lebih memudahkan lagi dalam hal-hal yang tertentu. Dalam Kesusteraan Berorak Islam ada menerangkan mengenai jenis pendekatan yang berkaitan dengan penganalisis ini. Pendekatan tersebut dapat dibahagikan kepada tiga bahagian iaitu:

1. Pendekatan seni, ini mempunyai pecahannya yang dapat difahami oleh pengkaji dan pembaca umumnya. Antaranya:

I. Mengutamakan kejelasan dan kelengkapan;

II. Gaya bahasa yang mudah tetapi indah; dan

III. Pengolahan yang sederhana, tidak berlebihan sampai mengelirukan dan menimbulkan salah faham.

2. Pendekatan sosial/kemasyarakatan, ini dibahagikan kepada empat pecahan. Antaranya:

I. Melihat persoalan dan peraturan karya untuk kebaikan manusia;

II. Tiada persoalan propaganda yang mengandu-

ngi pembaharuan;

III. Melihat keburukan perbuatan kemungkaran; dan

IV. Sikap dan kehidupan pengarang.

3. Pendekatan dakwah. Ini dapat dilihat pada pecahan yang dibahagikan kepada tiga bahagian.

I. Sastera boleh menjadi alat yang indah untuk mendekati Tuhan;

II. Kesabihan dan ketinggian agama Islam; dan

III. Sastera sebagai alat menguji dan memahami mengenai sifat kebesaran; dan kemuliaan.

Oleh itu sebagai pengkaji, perlulah memilih salah satu pendekatan yang dijelaskan di atas, tetapi tidak menjadi keanehan jika kesemua pendekatan itu dipilih malah lebih sempurna kerja kursus tersebut.

Penilaian terhadap sajak pilihan karya Adi Rumi. Hanya sebuah sajak yang akan dinilai untuk dilihat dari segi perspektif Islam. Di sini akan dijelaskan sajak yang berjudul Kepincangan.

Sebelum itu, akan diterangkan bahawa sajak yang berjudul Kepincangan mengandungi tujuh rangkap dan setiap rangkap akan dijelaskan berdasarkan nilai keislaman.

Pada rangkap pertama ialah seperti di bawah ini:

Apa saja boleh dirancang Menurut hati dan kemahuan

Lalu kau pun memacu Kuda ini dengan lajunya. (Adi Rumi, 2000:3)

Pada rangkap pertama sajak di atas, penyajak ingin menerangkan kepada masyarakat bahawa segala kemajuan dan pembangunan akan dapat dicapai jika disertai dengan kecekalan hati dan teguhnya pendirian untuk membangunkan diri sendiri, bangsa, negara dan sebagainya.

Apa yang ingin ditekankan terdapatnya unsur keislaman ialah perbuatan yang dilakukan untuk memajukan dan pembangunan merupakan amal kebajikan. Ini kerana dalam agama Islam juga amat menekankan kepada umatnya supaya memajukan dan membangun negara, agama dan bangsa. Dengan erti yang jelas bahawa kemajuan dan pembangunan memberi kesan kepada kedamaian dan keharmonian bangsa dan negara kerana dalam agama Islam sendiri inginkan kedamaian, keamanan dan ketenangan para penganutnya. Ini dapat dibuktikan dalam firman Allah yang tafsirannya:-

"Bagaimanakah dapat diukir adanya perjanjian (keamanan) di sisi Allah dan Rasul-Nya bagi orang-orang musyrik (sedang mereka mencabulnya)? Kecuali orang-orang (musyrik) yang kamu telah mengikat perjanjian setia dengan mereka dekat Masjid Al-Haram. Maka selagi mereka berlaku lurus terhadap kamu, hendaklah kamu berlaku lurus terhadap mereka; sesungguhnya Allah mengasihi orang-orang yang beritaku." (Surah Al-Tauba ayat 7).

Daripada bukti yang nyata ini bahawa kemajuan dan pembangunan yang dicapai telah memberikan kesan terhadap kesenangan, ketenangan, kedamaian dan keharmonian kepada masyarakat umumnya. Sehingga akan Allah Yang Maha Kuasa

sendiri telah memberikan perjanjian pada makhluk-Nya dengan syarat sentiasa mengerjakan tali persaudaraan.

Bagi rangkap kedua pula seperti berikut:-

Meredah hutan dan belukar

Suatu kecenderungan semula jadi

Tetapi bukan hutan dan belukar sepi

Yang tinggal mati.

Rangkap kedua ini penyajak ada menerangkan bahawa jika inginkan kemajuan dan kesenangan (pembangunan), terpaksa lah berusaha payah dahulu kerana segala kemajuan dan kesenangan tidak akan datang sendiri tanpa diusahakan terlebih dahulu. Namun segala kesenangan dan kemajuan bukanlah kekal untuk dimiliki bahkan pinjaman dari Yang Maha Kuasa. Ini kerana segala ciptaan-Nya baik manusia, jin, binatang, keajaiban, kemajuan dan sebagainya adalah kepunyaan-Nya, kita hanya dipinjamkan sahaja dan bila tiba masanya kesemuanya itu akan kembali kepada-Nya juga.

Unsur keislaman yang dapat difahami pada rangkap kedua ialah bahawa segala ciptaan-Nya bukanlah kepunyaan hamba-Nya tetapi secara keseluruhannya milik Yang Maha Kuasa. Untuk membuktikannya ialah terdapat firman Allah yang tafsirannya:-

"Segala yang ada di langit dan di bumi adalah kepunyaan-Nya. Dan sesungguhnya Allah, Dialah yang Maha Kaya, lagi Maha Terpuji." (Surah Al-Hajj ayat 64).

Oleh yang demikian, terbukti bahawa semua kesenangan, kedamaian, keindahan dan sebagainya adalah milik Allah yang mutlak. Sehingga nyalay makhluk-Nya sendiri merupakan pinjaman-Nya dan akan kembali jua kepada-Nya. Jadi kaitan sajak dengan firman Allah ini begitu jelas kerana dalam sajak ada menyatakan bahawa segala yang dikejar (kemajuan, kesenangan, pembangunan) adalah hanya sementara dan akan binasa bila-bila masa sahaja. Ini terbukti bahawa dalam firman Allah menerangkan bahawa langit dan bumi adalah merupakan ciptaan-Nya, ini sama juga dengan kemajuan, keajaiban, kedamaian dan sebagainya.

Seterusnya pada rangkap ketiga seperti di bawah ini: Ia adalah hutan dan belukar kehidupan

Tempat mengasuh bakat

Bahkan tempat bertarung...

Memburu kegemilangan dan pangkat.

Pada rangkap di atas, penyajak mengatakan bahawa dengan adanya kemajuan dan kesenangan, di sanalah terselak segala kemahiran dan kebijaksanaan mereka sehingga menimbulkan pelbagai hasil ciptaan mereka yang memabutkan bumi dan langit sentiasa menjadi kesan daripada kepintaran mereka. Malah menjadikan penguatannya tidak menikmati kedamaian dan ketenangan yang seharusnya dirasakan sebelum kembali kepada-Nya.

Unsur keislaman yang diterangkan oleh penyajak pada rangkap ketiga ini ialah bahawa segala kebijaksanaan dan kepintaran mereka telah disalahgunakan sehingga membawa kerosakan pada alam, bumi dan

makhluk yang lain. Sedangkan Allah sendiri sukakan keindahan, kedamaian dan kesepaupan makhluk-Nya. Ini kerana segala yang diciptakan oleh Yang Maha Kuasa adalah untuk makhluk-Nya menikmati dan memanfaatkan dengan cara yang betul. Ini terbukti dalam firman Allah yang tafsirnya:-

"Mereka berehat di atas pelamin-pelamin (yang berhias), sambil melihat (segala) keindahan dan kemuliaan yang disediakan untuk mereka di situ." (Surah Al-Mutaffifin ayat 23).

Dengan yang demikian, nyatalah firman Allah menganugerahi segala keindahan yang berupa kesenangan, kedamaian dan sebagainya untuk hamba-Nya supaya dapat menikmatinya. Tetapi anugerah yang telah Allah beri kepada hamba-Nya telah memberikan kesan yang buruk lebih banyak dari kesan yang baik. Malah memberikan akibat yang membolehkan persaudaraan sesama hamba Allah telah mengalami kelonggaran. Ini semua adalah berpunca daripada perbuatan hamba-Nya yang telah menyalahgunakan anugerah yang telah diberikan.

Kemudian pada rangkap keempat pula seperti berikut:-

Sehingga kerananya

Ramai yang terlupe Perjanjian dengan Allah

"Iaitu hidup dan mati adalah untuk-Nya".

Pada rangkap keempat, penyajak menjelaskan bahawa segala kesenangan, kemajuan dan kemewahan yang mereka miliki telah memabutkan mereka lalai dan lupa pada Yang Maha Kuasa. Sehingga mereka berani merosakkan alam yang indah dan luas, makhluk yang bernyawa, seolah-olah mereka telah memiliki kekuasaan yang mutlak. Apa yang memabutkan mereka terlupe, adalah kerana mereka telah mencapai apa yang dimahukan oleh mereka.

Unsur keislaman yang jelas ialah bahawa hidup dan mati itu adalah milik Allah semata-mata. Manakala perbuatan lalai mereka telah Allah buktikan dalam firman Allah yang tafsirnya:-

"Yang demikian (kedatangan Rasul-rasul itu ialah), kerana Tuhanmu tidak membinaasakan negeri-negeri secara zalim sedang penduduknya laka laka." (Surah Al-An'am ayat 131).

Allah berfirman lagi:

"Di bumi itu kamu hidup dan situ juga kamu mati, dan daripadanya pula kamu akan dikeluarkan (dibangkitkan hidup semula pada hari kiamat)." (Surah Al-A'raf ayat 25).

Daripada itu, nyatalah segala kenikmatan yang Allah anugerahi telah memabutkan mereka merasa bangga dan sombong sehingga kebanggaan itu telah menguasai diri mereka sehingga lupa bahawa segala yang mereka miliki adalah datangnya dari Allah Yang Maha Kuasa dan juga melupakan tanggungjawab mereka pada tuntutan serta perintah Allah yang mana salah satunya adalah sentiasa ingat akan kematian.

Pada rangkap kelima pula seperti berikut:-

Inilah kepincangan

Bahkan kebiabahan Yang telah tersebar luas.

Daripada petikan sajak

OLEH MATUL

di atas, penyajak begitu marah kerana kebanyakan mereka telah memiliki segala kemewahan, kesenangan, kemajuan dan sebagainya tetapi masih berdegil dengan kelalaian dan kesombongan. Malah termasuk juga tidak mahu bersyukur pada Allah dan mengangguk segala kesenangan, kemewahan yang mereka dapati. Walhal, mereka patut memuji kebesaran Allah kerana segalanya adalah datang daripada-Nya.

Unsur keislaman yang dapat difahami pada rangkap kelima ialah mereka telah membelakangi Allah serta lebih mengangguk kemewahan, kemajuan, kesenangan yang mereka peroleh itu. Ini terbukti dalam firman Allah yang tafsirnya:-

"Kami tidak sekali-kali akan meninggalkan penyembahan patung ini, (bahkan) kami akan tetap menyembahnya hingga Nabi Musa kembali kepada kami." (Surah Taha ayat 91).

Penyajak dengan sedaya upaya menyedarkan kepada masyarakat supaya kembali pada jalan Allah yang diredai dan kedegilan mereka tidak akan membawa mereka ke arah yang salah.

Hasil daripada keterangan mengenai sajak yang dijelaskan, nyatalah penyajak menghasilkan karya sajaknya dengan berdasarkan nilai-nilai keislaman dan pengetahuan agama Islam. Oleh itu, pendekatan yang berkenaan dengan sajak yang telah dijelaskan di atas merupakan pendekatan kemasyarakatan dan pendekatan dakwah.

Sebagai bukti bahawa sajak berjudul Kepincangan lebih berupa kepada pendekatan dakwah kerana setiap rangkap sajak dibuktikan dengan petikan firman Allah dalam Kitab Suci Al-Quran dan pendekatan kemasyarakatan pula adalah kerana penyajak secara langsung telah ditujukan kepada masyarakat amnya.

Sebagai penyumbang kepada masyarakat amnya, seseorang penyajak itu juga perlu menyumbangkan segala idea, fahaman, gagasan dan nasihat yang berguna. Ini merupakan salah satu amalan yang terpuji dan keberuntungannya sangat besar sebab Allah telah berjanji bahawa setiap hamba-Nya akan ditempatkan di dalam Surga jika melakukan segala suruhan-Nya dan meninggalkan larangan-Nya. Jadi perbuatan seperti penyajak tersebut dalam menyedarkan masyarakat juga merupakan amalan yang baik dan berkebalikan.

Unsur keislaman yang terdapat dalam sajak di atas adalah mereka telah berani meninggalkan salat setelah mencapai apa yang mereka inginkan. Malah lebih berani pula menanggung dosa yang banyak yang tidak terkira. Ini terbukti pada firman Allah yang tafsirnya:-

"Mereka sentiasa tidak berlarang-larangan (sesama sendiri) dari perbuatan mungkar (derhaka dan ceroboh), yang mereka lakukan. Demi sesungguhnya amatlah buruknya apa yang mereka telah lakukan." (Surah Al-Man'idah ayat 79).

Perbuatan mereka yang melampaui batasan agama telah menimbulkan keabangan mereka untuk melakukan segala kemungkinan yang dilarang oleh Allah. Malah di antara mereka masing-masing dengan kealpaan mereka daripada mengingat Allah. Inilah yang telah mengakibatkan turun berbagai bala daripada Allah supaya mereka menyedari tanggungjawab mereka pada Tuhan.

Akhir sekali pada rangkap yang ketujuh ialah: Tahukah tuan,

Sedang unta di zaman Nabi

Pun pandai takut...

bahkan lari

Daripada tuannya yang tidak sembahyang?

Pada rangkap terakhir ini, penyajak menjelaskan bahawa perbuatan lalai mereka akan membawa padah kepada diri mereka sendiri, malah penyajak sendiri menerangkan bahawa mereka yang lalai mengerjakan salat telah terbukti pada zaman Nabi yang mana sekor unta merasa takut dan lari daripada tuannya kerana tuannya leka dengan perbuatan yang mungkar dan meninggalkan segala suruhan-Nya. Ini terbukti dalam firman Allah yang tafsirnya:-

Mereka menjawab: "Kami tidak sekali-kali akan meninggalkan penyembahan patung ini, (bahkan) kami akan tetap menyembahnya hingga Nabi Musa kembali kepada kami." (Surah Taha ayat 91).

Penyajak dengan sedaya upaya menyedarkan kepada masyarakat supaya kembali pada jalan Allah yang diredai dan kedegilan mereka tidak akan membawa mereka ke arah yang salah.

Hasil daripada keterangan mengenai sajak yang dijelaskan, nyatalah penyajak menghasilkan karya sajaknya dengan berdasarkan nilai-nilai keislaman dan pengetahuan agama Islam. Oleh itu, pendekatan yang berkenaan dengan sajak yang telah dijelaskan di atas merupakan pendekatan kemasyarakatan dan pendekatan dakwah.

Sebagai bukti bahawa sajak berjudul Kepincangan lebih berupa kepada pendekatan dakwah kerana setiap rangkap sajak dibuktikan dengan petikan firman Allah dalam Kitab Suci Al-Quran dan pendekatan kemasyarakatan pula adalah kerana penyajak secara langsung telah ditujukan kepada masyarakat amnya.

Sebagai penyumbang kepada masyarakat amnya, seseorang penyajak itu juga perlu menyumbangkan segala idea, fahaman, gagasan dan nasihat yang berguna. Ini merupakan salah satu amalan yang terpuji dan keberuntungannya sangat besar sebab Allah telah berjanji bahawa setiap hamba-Nya akan ditempatkan di dalam Surga jika melakukan segala suruhan-Nya dan meninggalkan larangan-Nya. Jadi perbuatan seperti penyajak tersebut dalam menyedarkan masyarakat juga merupakan amalan yang baik dan berkebalikan.

BUKU RUJUKAN

Al-Quran Tafsiran

Adi Rumi, 2000, *Senandung Anak Watan*, Dewan Bahasa dan Pustaka, Negara Brunei Darussalam.

Haji, Mariat Haji, Abdullah, 1997, *Sekitar Puisi Dengan Contoh Khusus: Antologi Lagu Hari Depan*, Dewan Bahasa dan Pustaka, Negara Brunei Darussalam.

Muhammad Haj Salleh, 1988, *Pengalaman Puisi*, Dewan Bahasa dan Pustaka, Kementerian Pendidikan Malaysia, Kuala Lumpur.

Saffan Hussain dan Kawan-kawan (Penyenggara), 1988, *Glosari Istilah Kesusteraan*, Dewan Bahasa dan Pustaka, Kementerian Pendidikan Malaysia, Kuala Lumpur.

GERAK

OLEH BATHINUL LATHIIF

SUASANA di Lapangan Terbang Antarabangsa Brunei riuh ekoran ramai orang sama ada mahu meninggalkan negeri ini ataupun baru saja tiba dan juga mereka yang ikut sama menghantar atau menyambut ketibaan orang lain.

Nurhikmah adalah seorang daripada mereka yang ingin menyambut ketibaan kawan baiknya yang menuntut di salah sebuah universiti terkemuka di Australia yang akan tiba ke Brunei kerana bercuti.

Kapal terbang yang datang dari Sydney sudah pun selamat mendarat.

Sedikit masa lagi dia akan dapat berjumpa dengan Azimah yang kali terakhir dia berjumpa dengannya enam bulan yang lalu.

"Selamat kembali ke tanah air Azimah," kata Nurhikmah.

"Apa khabar Azimah?" tanya Nurul pula.

"Baik, alhamdulillah. Terima kasih," jawab Azimah. Mereka berpakaian.

Setelah bercerita-cerita sedikit Azimah pun hendak beredar bersama keluarganya, manakala Nurhikmah dan Nurul juga bersedia untuk meninggalkan lapangan terbang.

Sedang Nurhikmah dan Nurul menuju ke tempat mereka meletakkan kereta, tiba-tiba lelaki yang berjalan agak perlahan tidak jauh di hadapan mereka terjatuh sesuatu dari dalam beg yang dibawanya. Sebuah buku kecil dan nipis berwarna biru terjatuh tanpa disedarinya.

Tiada sesapa pun yang menyedarinya kecuali Nurhikmah. Dia segera berlari anak ke hadapan untuk mengambilkan buku tersebut untuk lelaki itu.

"Pakcik, pakcik!" panggil Nurhikmah.

Lelaki tua segera menoleh. Dia agak terkejut. Dari raut wajahnya, lelaki itu mungkin berusia di dalam lingkungan lima puluh tahun dan nampak seperti orang yang menanggung banyak masalah.

"Pakcik, ini buku kita yang baru saja terjatuh sebentar tadi," kata Nurhikmah sambil menghulurkan buku kecil itu.

Sekali lagi lelaki itu terkejut dan berkata, "Terima kasih. Mujur kau terlihat, buku ini penting bagiku."

"Sama-sama pakcik," jawab Nurhikmah.

Lelaki itu kelihatan seperti kehilangan atau tidak tahu-menahu akan destinasi selepas itu. Tetapi Nurhikmah terus saja meninggalkannya kerana tidak mahu diangap penyibuk. Dari percakapannya yang sedikit tadi, kedengaran seperti orang tempatan walaupun nampaknya seperti kurang arif di sini.

Ketika kereta yang dipandu Nurul menuju ke luar kawasan tempat letak kereta, di sebelah kanan kereta Nurul itu meru-

pakkan sebuah teksi yang dikhaskan untuk menghantar penumpang-penumpang yang baru saja tiba di lapangan terbang. Nurhikmah sempat melihat penumpang yang sedang duduk di kerusi belakang. Nampaknya penumpang itu sedang sibuk bercakap-cakap dengan pemandu teksi itu. Kedua-duanya seperti bebincang-bincang tentang jalan menuju ke suatu tempat. Tangan-tangan mereka menunjuk-menunjuk, mungkin penumpang bertanya jalan kepada pemandu tersebut. Hati Nurhikmah ingin tahu dan melihat wajah penumpang tersebut. Namun, terhalang kerana penumpang itu menoleh ke arah pemandunya.

Tiba-tiba penumpang itu menoleh ke luar sebelah kiri sambil mengangguk-anggukkan kepalanya kerana masih bercakap-cakap. Nurhikmah akhirnya dapat melihat wajahnya dan orang itu adalah orang yang baru saja dikenalnya sebentar tadi.

"Mungkin lelaki ini sudah lama tidak balik ke Brunei," bisik hati Nurhikmah.

Beberapa hari kemudiannya, Nurhikmah bekerja seperti biasa di restoran tempatnya bekerja apabila lelaki yang dijumpainya terjatuh buku di lapangan terbang tiga hari yang lalu ada di situ memesan makanan.

Lelaki itu hanya berseorangan dan tidak ternampak Nurhikmah.

Nurhikmah berhajat untuk menegur lelaki itu nanti apabila dia datang ke kaunter untuk membayar sebelum meninggalkan restoran itu.

Nurhikmah hari ini ditugaskan berada di kaunter pembayaran di sebelah pagi, jadi mudah nanti baginya untuk menyapa.

Lebih kurang lima belas minit kemudiannya, lelaki tua itu berdiri meninggalkan tempat duduknya selepas selesai menghabiskan makanannya. Dia menuju ke kaunter pembayaran.

Ketika Nurhikmah memandang lelaki itu dan lelaki itu juga baru menyedari, mata mereka bertemu seketika kerana tidak percaya akan berjumpa lagi.

"Kau perempuan yang ku terjumpa di lapangan terbang hari itu, bukan?" pakcik itu memulakan.

Nurhikmah tersenyum sedikit kerana tidak menyangka lelaki itu masih mengingatinya lalu mengangguk-anggukkan kepala dan bertanya pula.

"Kita tidak bekerja hari ini?"

"Tidak?"

"Kita cuti?"

"Tidak," jawabnya lagi. Nurhikmah tidak mahu bertanya lagi.

Selepas pertemuan kedua itu, naluri Nurhikmah seakan-akan merasa bagaikan sesuatu mengenai pakcik itu yang berkaitan dengannya. Bagaiakan kedua-duanya ada mempunyai hubungan terutama hubungan kekeluargaan.

Tiba di rumah, Nurhikmah tidak dapat menghilangkan pakcik itu dari fikiranannya. Nalurnya kuat untuk mencari sesuatu yang dirasanya tersebunyi di antara hubungan mereka berdua. Dia pasti tentu ada sesuatu. Sebab itulah dia ingin mengambil kesempatan untuk bertanya kepadanya mengenai latar belakangnya jika pakcik itu bertandang lagi ke restoran tempatnya bekerja.

"Bapa? Adakah dia bapaku?" tanya Nurhikmah di dalam hati.

"Mungkin juga. Tapi, mungkin juga tidak. Tapi kenapa kurasa dia seolah-olah ada mempunyai hubungan kekeluargaan yang rapat dengan aku?" bisik hati Nurhikmah.

Membesar tanpa seorang bapa memang amat terasa kekurangannya.


Selama hidupnya lapan belas tahun di dunia ini, Nurhikmah tidak pernah melihat wajah bapanya. Menurut kata ibunya, Dayang Fatimah, bapanya menghilangkan diri ketika Nurhikmah baru saja berusia seminggu. Bapanya meninggalkan mereka sekeluarga tanpa memberitahu sebab-sebabnya apatah lagi destinasi yang ditujunya. Tetapi, menurut ibunya, keluarga mereka ketika itu berada di dalam masalah kewangan.

KEMBALI

Mungkin itu menjadi sebab bapanya menghilangkan diri. Tidak cukup dengan itu, bapanya tidak pernah menghantar khabar berita.

Namun, ibunya tetap bersabar dan dia tidak pernah mengatakan kepada kedua-dua orang anaknya mereka apatah lagi menanam perasaan benci anak-anaknya terhadap bapa mereka sendiri. Cuma dia selalu menyuruh mengambil iktibar bahawa walaupun kesempatan wang, adalah tidak wajar untuk meninggalkan ahli keluarga. Sepatutnya sama-sama mencari jalan untuk menyelesaikan masalah itu.

"Aku rasa ada sesuatu hubungan di antara kami



berdua, Nurul," beritahu Nurhikmah kepada kawannya itu sebelum mereka memulakan kerja hari itu.

"Apa maksudmu?"

"Hatiku seolah-olah memberitahu bahawa dialah lelaki yang ingin sangat kujumpai di dalam hidupku," jawab Nurhikmah teras sebak.

"Maksudmu... Bapamu?" Nurul bertanya.

"Ya."

"Nurhikmah, jika betul itulah bapamu dan keluargamu dapat bertemu kembali, aku ikut sama gembira. Jadi, apa langkah yang akan kau ambil?" tanya Nurul.

"Aku harap dia akan datang ke restoran ini lagi. Aku mahu bertanya kepadanya."

"Ya, itu yang terbaik. Mungkin kau betul."

"Kalau salah?" tanya Nurhikmah tidak pasti.

"Sekurang-kurangnya kau mencuba. Dapatkan maklumat dulu," nasihat Nurul.

Setiap pelanggan

pelanggan yang datang hari itu tidak terlepas dari pandangan Nurhikmah. Dia sangat berharap pakcik itu akan muncul. Namun, sejak pagi hingga petang, wajah pakcik itu tidak nampak. Di waktu malam, walaupun Nurhikmah tidak dijadualkan bekerja tetapi dia tetap belum balik kerana berharap pakcik itu akan datang. Tetapi harapan Nurhikmah tidak kesampaian.

Keesokan harinya begitu juga. Penantian tinggal penantian.

Nurhikmah takut dia tidak akan berjumpa dengan pakcik itu lagi. Mungkin saja pakcik itu sudah belayar.

Hari seterusnya Nurhikmah terus berharap agar dapat berjumpa dengan pakcik itu tetapi dia tidak mahu menyimpan harapan yang terlalu tinggi kerana tidak mahu sangat kecewa jika hajatnya tidak kesampaian lagi.

"Bersabar Nurhikmah. Berdoalah agar Dia dapat menemukan kamu lagi."

Kita mesti yakin bahawa Dia akan menolong hamba-hamba-Nya," nasihat Nurul.

"Aku benar-benar takut tidak dapat berjumpa dengannya lagi Nurul."

"Aku tidak mahu harapan itu hancur. Lagipun hatiku ini kuat mengatakan yang dia adalah bapaku," jawab Nurhikmah dengan nada yang sedih.

"Nurhikmah... Cuba kau lihat orang yang baru datang itu," perintah Nurul.

Nurhikmah segera menoleh. Kali ini, harapannya memang dimakbulkan.

Pakcik yang dinanti itu memunculkan diri. Hati Nurhikmah betul-betul

gembira. Dia akan pasti-kan yang dia tidak akan terlepas bertanya.

Pakcik itu mengambil tempat duduk tanpa menyedari Nurhikmah memerhatikannya. Seorang rakan Nurhikmah mengambil pesanan makanan yang dipesan pakcik itu.

Nurhikmah menghampiri pakcik itu. "Assalamualaikum," tegur Nurhikmah.

"Walaikumassalam," salam dijawab.

"Boleh aku duduk di sini?" Nurhikmah meminta keizinan.

"Kenapa?" soal Pakcik itu.

"Aku hendak bertanya kepada kita beberapa soalan, kalau kita sudi menjawab," kata Nurhikmah menerangkan maksudnya.

Pakcik itu nampak kehairanan. Dia mungkin tidak menyangka yang Nurhikmah ingin bertanya soalan kepadanya. "Boleh. Silakan duduk," katanya.

"Aku tidak nampak kita datang sejak dua hari ini," kata Nurhikmah sebagai pembuka.

"Ya, aku cuba untuk mencari kerja," jawabnya pendek.

Nurhikmah terus merasa kasihan kepada pakcik itu. Dia merasakan rasa kasihan terhadap pakcik itu seperti kasihan kepada bapanya sendiri.

Walaupun Nurhikmah tidak tahu rasa sebenar kasihan kepada bapa sendiri ekoran tidak pernah berjumpa dengan bapanya namun kerana menaruh harapan bahawa pakcik itu adalah bapanya, nalurnya lantas merasa kasihan yang pada fikirannya tentu rasa tersebut adalah rasa kasi-

Dari muka 12

han seorang anak kepada bapanya.

"Kenapa kau nanti aku?" soalnya.

"Kita ini berasal dari mana?" tanya Nurhikmah tidak menjawab soalan yang diajukan kepadanya.

"Aku sebenarnya berasal dari Brunei juga. Namun aku sudah lama meninggalkan negara ini untuk pergi ke negara jiran," jelasnya.

Bagaikan dianugerahi rahmat, Nurhikmah semakin meyakini akan anggapannya terhadap pakcik itu.

"Kenapa kita meninggalkan Brunei?"

"Dulu, berbelasan tahun dulu, aku tidak berkemampuan untuk menyara keluargaku. Aku merasa kecewa dan tertekan. Lalu aku cuba mencari kerja di luar. Walaupun aku mendapat pekerjaan, namun masih tidak mencukupi untuk menyara isteri dan anak-anakku. Pendapatanku itu hanya cukup untuk menyara diriku seorang sahaja. Menyedari hidupku tidak seperti yang diharapkan, aku seringkali juga cuba untuk datang ke Brunei tetapi merasa malu."

"Jadi, apa yang membuatkan kita mahu datang ke Brunei kali ini?" Nurhikmah berharap agar pakcik itu tidak tersinggung kerana dia cuba ingin mengetaui.

"Aku sangat memerlukan keluargaku. Aku rindu kepada anak-anakku terutama sekali dengan anakku yang kedua. Ini kerana aku hanya sempat melihatnya seminggu sahaja. Aku ingin kembali," luah pakcik itu. Suaranya kedengaran kesal.

"Berapa orang anak kita, pakcik?" tanya Nurhikmah masih mesik.

"Dua orang. Kedua-duanya perempuan," pakcik itu memberi jawapan yang membuatkan Nurhikmah semakin yakin.

Maklumat demi maklumat yang diperolehi setiap kali pakcik itu makan di restoran Nurhikmah bekerja seolah-olah menjadi lampu yang menyuluh sesuatu yang dicari selama ini. Nurhikmah semakin yakin.

Nurhikmah yang sepanjang hidupnya ingin menemui bapanya merasa bagaikan harapannya itu akan disampaikan. Doanya yang tidak pernah putus kepada Yang Maha Esa agar ditemukan dia dengan bapa kandungannya bagaikan hampir terkabul. Namun, dia tidak mahu terlalu berharap. Masih banyak lagi perkara yang harus diketahuinya. Pada ibunya juga dia mesti mengajukan soalan-soalan yang berkaitan. Dia sadar, di dalam hal ini dia harus menenangkan sikap sabar yang mendalam. Baginya, jika dia sanggup bersabar selama-lapan belas tahun, tidak menjadi masalah jika dia menanti sedikit masa lagi untuk terus cuba menghampiri pakcik itu. Cuma,

bila yang diyakini itu sudah berada di depan mata, dia merasa bagaikan tidak sabar menanti saat disahkan bahawa pakcik itu adalah bapanya.

Suatu malam, Nurhikmah mengumpulkan kekuatan untuk bertanya kepada ibunya pula. Wajah, tingkah laku dan sejarah hidup bapanya amat penting diketahuinya pada saat itu. Sebelum ini, dia hanya tahu apa yang pernah diucapkan oleh ibunya dan kakaknya. Namun semua yang didengarnya terlalu sedikit sedangkan hakikatnya dia mahu tahu lebih banyak daripada itu.

Namun, Nurhikmah agak takut bertanya kepada ibunya. Mengharapkan kakaknya, Rina sendiri masih kecil ketika bapa mereka meninggalkan mereka iaitu di dalam usia lima tahun. Dia sendiri hanya dapat mengingat sedikit kenangannya bersama bapanya.

"Masa itu, Nurhikmah, bapa memelukku dan mengingatkan aku supaya belajar dengan rajin agar bila sudah besar dapatku membantu keluarga kita. Bapa menyuruh aku agar dapat menjaga keluarga kita baik-baik dan menjadi contoh yang baik kepada kau," kata Rina.

Sayu Nurhikmah mendengar pesan bapa mereka kepada kakaknya itu.

Ini kali pertama kakaknya memberitahu kepadanya.

"Kenapa kita tidak pernah memberitahu kepadaku tentang bapa?"

"Sebab aku hanya ingat sedikit sahaja. Aku juga mahu tahu lebih lagi cuma aku takut ibu akan terasa bila aku bertanya nanti. Tiada sesiapa pun yang tahu banyak pasal bapa kita. Nenek-nenek kita sudah tiada dan saudara-saudara kita, seperti yang kau tahu tidak mahu bercakap mengenai bapa sebab perbuatan bapa yang meninggalkan kita sekeluarga."

"Kak, kita marah kepada bapa pasal perbuatannya?" tanya Nurhikmah.

Rina menarik nafas. Setelah melepaskannya, dia memandang mata adiknya.

"Rasanya aku tidak perlu marah. Sebab ibu sendiri tidak pernah marah kepada bapa. Di hatiku memang tiada rasa marah kepadanya. Malah kalau boleh..." Rina terhenti di situ tidak dapat meneruskan.

"Kalau boleh... Apa kak?"

"Kalau boleh aku mahu berjumpa dengan bapa lagi. Layan seorang bapa yang kuterima terlalu singkat masanya," luah hati Rina.

Mereka berdua diam melayan perasaan masing-masing.

"Bagaimana dengan kau Nurhikmah?" tanya Rina.

"Kak, masaku dengan bapa jauh lebih singkat. Hanya seminggu. Tentulah aku mengharapkan dapat berjumpa dengan bapa sendiri. Aku tidak pernah

mengenal bapa walau sedikit pun," kata Nurhikmah dengan penuh perasaan.

Rina menganggukkan kepala tanda memahaminya.

"Kak, ada satu perkara yang ingin kuberitahu kepada kita," kata Nurhikmah ingin memberitahu pasal seorang pakcik yang dikenalnya itu.

Setelah mendengar semua penjelasan dari Nurhikmah, Rina yang bagaikan tidak percaya segera mendesak Nurhikmah agar terus berhubung dengan pakcik itu.

"Mungkin betul dia bapa kita, Nurhikmah. Ceritanya sama dengan kehidupan kita. Tidak mustahil bapa mahu kembali kepada kita," kata Rina.

"Dia berkata mungkin dia akan tinggal di Brunei dan berusaha untuk mencari kembali keluarganya. Dia juga berkata yang dia akan selalu makan di restoran itu," Nurhikmah membuat kenyataan.

"Syukurlah kalau begitu."

"Tapi kak, jangan terlalu berharap seratus peratus. Mungkin juga dia bukan bapa kita walaupun bayang-bayangnya menunjukkan begitu," Nurhikmah memberikan peringatan.

"Ya, aku tahu."

"Aku mahu bertanya kepada ibu tentang bapa mengenai yang kita tidak tahu," kata Nurhikmah.

"Memang baik cadanganmu itu. Tetapi, kalau kau bercakap mesti berhati-hati, nanti ibu akan bersedih," nasihat Rina.

"Insya-Allah. Ini mesti kita lakukan kak. Walaupun sebelum ini kita terlalu takut untuk bertanya tetapi ketika saat sebegini, ketakutan itu harus diabaikan. Jika perjalanan ini baik, kita akan mendapat kebajikan. Kita tidak boleh hanya mengharapkan maklumat dari pakcik itu sahaja dikuatiri dia bukan orang yang kita maksudkan," kata Nurhikmah.

"Betul. Apa yang kau mahu tahu dari ibu?"

"Kalau boleh kesemuanya mengenai bapa. Tetapi buat ketika ini biarlah yang paling penting dahulu. Mungkin aku akan meminta penjelasan mengenai wajah bapa."

"Oh... Wajah bapa. Nurhikmah, sebenarnya aku pun sudah tidak lagi dapat mengingat wajah bapa dengan baik. Maklumlah sudah belasan tahun berlalu. Jadi aku tidak dapat membantumu menerangkan wajah bapa," kata Rina berasa sedih.

"Tidak mengapa, kak. Ibu mesti masih ingat lagi."

"Bila kau akan bertanya?"

"Insya-Allah esok. Lagi cepat lebih baik."

Malam itu Nurhikmah rasa bersyukur kerana dapat berkongsi perkara sebenar yang berlaku. Dia dapat menambah lagi sedikit maklumat mengenai bapanya. Sebelum ini, dia dan kakaknya tidak pernah berbicara mengenai bapa mereka. Masing-masing tidak mahu mem-

bangkitkan perkara itu. Mungkin disebabkan ibunya sendiri jarang sekali menyentuh mengenai perkara itu.

Keesokan harinya Nurhikmah tidak dijadualkan bekerja. Jadi dia berada di rumah saja. Kesempatan itu ingin diambilnya untuk bertanya ibunya. Ketika menolong ibunya menyiapkan makan tengah hari dia memberitahu kepada dirinya sendiri supaya lebih berkeyakinan.

"Nurhikmah, kau tidak pernah bertanya pasal bapamu sebelum ini. Tapi, pertama kali kau bertanya, kau terus-menerus bertanya wajah bapamu," kata Dayang Fatimah dengan tenang. Nurhikmah tidak dapat menangkap perasaan ibunya ketika itu. Ibunya sentiasa bercakap dengan suara yang tenang.

"Emmm..." Nurhikmah tidak ada jawaban untuk itu. Dia masih berusaha kuat agar dapat memberitahu hal yang sebenar.

"Bu... Rasanya aku patut berterus terang kepada kita. Aku ada terjumpa dengan seorang lelaki. Oleh sebab diyakini hatiku dengan dia... dia adalah bapa..." Nurhikmah bercakap sambil kepala hanya mampu tunduk dan suara pula terketar-ketar. Amat berat rasanya tugas yang dipikulnya kali ini. Walau bagaimanapun, dia merasa bersyukur juga kerana akhirnya dia mampu meluahkan.

"Nurhikmah... Kau tidak pernah berjumpa dengan bapamu. Jadi, macam mana boleh kau mengatakan lelaki itu bapamu?" ibunya berasa amat hairan sekali.

"Hatiku bu... hatiku seolah-olah memberitahu bahawa dia adalah bapaku," kata Nurhikmah dengan sepenuh hati seperti sudah disahkan yang dicarinya itu adalah benar.

Ibunya menarik nafas dan melepaskannya dengan berat. Namun, dia tetap juga tenang.

"Nurhikmah, siapa nama lelaki itu?"

Nurhikmah terdiam. Tiada mampu berkata apa-apa. Baru saat ini dia menyedari bahawa dia tidak pernah pun bertanya nama orang yang dipanggilnya pakcik itu. Dia mengakui betapa besar kesilapan yang dibuatnya. Namalah yang paling penting. Beberapa kali dia berjumpa dan bercakap dengannya, namanya tidak pernah ditanya. Oleh kerana terlalu asyik akan maklumat lain, kunci utama pun lupa.

"Nurhikmah, selalunya kalau orang baru berjumpa dengan seseorang, nama dulu yang ditanya," ibunya memberi peringatan.

Walaupun bagaimanapun, Nurhikmah sempat menitikkan air mata namun dapat dikawal.

"Bu, esok dia pasti akan datang lagi. Aku akan bertanya namanya nanti," kata Nurhikmah.

"Nurhikmah, memang patut kau mengenali wajah bapamu. Selama ini bukan ibu tidak mahu melihatkan

gambar bapamu kepadamu. Banyak sebab aku enggan menunjukkan gambar-gambar tersebut. Antaranya mungkin kau akan terlalu sedih nanti bila teringatkan bapamu," kata ibunya.

"Aku sendiri takut bertanya pasal bapa kepada kita, bu."

"Minta maaf Nurhikmah" suara ibunya kedengaran sedih.

"Tidak mengapa, bu."

"Selesai makan tengah hari nanti aku menunjukkan gambar bapa," janji ibunya.

Wajah Nurhikmah bertukar gembira. Kata hatinya akan terjawablah segala-galanya. Jika dia dapat mengenal bahawa wajah di gambar itu sama dengan wajah pakcik yang dikenalnya itu nescaya jalan penantian yang dilaluinya sepanjang hidupnya akan tiba ke destinasi yang mahu dituju.

Dia menyimpan harapan besar dia akan dapat mengenal wajah dalam gambar itu nanti walaupun gambar itu mungkin sudah menjangkau dua puluh tahun.

"Nurhikmah sekarang yang penting bagiku ialah kau dapat berjumpa dengan bapamu. Mudah-mudahan benar lelaki itu adalah dari keluarga kita ini," kata ibunya juga menyimpan harapan.

"Mudah-mudahan, bu," jawab Nurhikmah.

Selepas menanti berapa jam, akhirnya penantian yang terasa bagaikan berminggu-minggu lamanya itu sampai juga ke hujungnyanya. Gambar itu sekarang berada di tangan ibunya. Ibunya memerhatikan gambar itu.

Jantung Nurhikmah berdegup kencang.

"Ini dia gambar kami bertiga dulu, Nurhikmah," ibunya menghulurkan sekeping gambar kepada Nurhikmah.

Mata Nurhikmah kini melihat gambar yang sudah berubah warna itu.

Kelihatan seorang lelaki dan perempuan dewasa serta seorang kanak-kanak perempuan berusia dalam tiga tahun. Kanak-kanak itu duduk di tengah-tengah dan dihadapannya ada kek hari jadi. Mata Nurhikmah segera menumpukan kepada lelaki itu. Berbandar sederhana dan berkulit agak gelap. Bentuk wajahnya bujur. Rambutnya lurus dan belah rambutnya lebih besar di sebelah kanan. Segalanya diperhatikan Nurhikmah dengan berhati-hati.

Akhirnya Nurhikmah bersuara. "Bu... Pakcik itu adalah bapa." Itu saja yang termampu diluarkannya. Hatinya terharu dan sangat gembira.

Ibunya juga begitu, hingga hampir-hampir menitikkan air mata namun dapat dikawal.

"Apa yang berlaku?" tiba-tiba Rina bertanya.

"Rina, menurut Nurhikmah, dia telah berjumpa dengan bapamu."

Rina segera menoleh adiknya dengan wajah gembira. "Betulkah lelaki

yang kau jumpa itu bapa kita?" tanyanya.

Nurhikmah tersenyum dan menganggukkan kepalanya. Dia kemudian menghulurkan gambar tadi kepada kakaknya.

"Ini aku masa sambutan hari jadiku yang ketiga tahun," ucap Rina dengan gembira. Dia tahu hari gambar itu diambil kerana dia juga ada menyimpan gambarnya pada hari yang sama cuma gambar yang disimpannya itu adalah gambarnya seorang. Dia tidak menyangka ibunya masih menyimpan gambar mereka bertiga semasa hari bersejarahya itu.

Sebelum tidur malam itu, Rina selalu saja menyuruh Nurhikmah agar menjemput bapa mereka ke rumah. Namun, Nurhikmah keberatan kerana bapa mereka belum lagi tahu bahawa Nurhikmah adalah anaknya. Berterus terang dan meyakinkan orang bukanlah mudah. Nurhikmah tidak mahu memberikan satu kejutan yang besar.

"Nurhikmah, sebenarnya aku kasihan juga dengan kau selama ini. Kau tidak pernah berjumpa dengan bapa. Alhamdulillah, berkat kau sabar, dijumpakan juga kau dengannya walaupun kau sekarang sudah remaja," kata Rina.

"Alhamdulillah kak. Doaku agar ditemukan dengan bapa tercapai kini. Sekarang yang tinggal lagi berterus terang kepada bapa."

Keesokan harinya, hati Nurhikmah tidak berdebar dengan kuat seperti selalu sebab dia yakin bapanya akan datang dan juga dia sudah mengetahui akan kedudukan sebenar.

"Syukur kepada-Nya Nurhikmah dan tahniah kuucapkan kepadamu. Aku ikut bergembira kerana kejayaanmu bertemu kembali dengan bapamu," kata Nurul.

Selepas bapanya membuat pesanan, Nurhikmah meminta izin duduk di hadapan bapanya.

"Pakcik..." Nurhikmah memulakan kata. Dia belum mahu memanggil bapanya dengan perkataan 'bapa' kerana bapanya itu belum mengetahui segala-galanya.

"Ada apa?" tanya bapanya.

"Sebelum ini, kita mengatakan yang kita kembali semula ke Brunei kerana kita mahu berjumpa dengan isteri dan dua orang anak perempuan kita."

"Ya, betul katamu," jawab bapanya dengan sedih.

"Nama kita Abdul Rahman?" Nurhikmah sengaja bertanya agar bapanya menyedari bahawa dia mengenalinya.

"Ya. Bagaimana kau tahu namaku?" bapanya hairan.

Nurhikmah tidak mahu menjawab soalan itu kerana dia mahu berterus terang saja.

"Pakcik, bagaimana kalau aku beritahu kita bahawa anak perempuan kita yang kedua sekarang ini sedang berada di hada-

pan kita?"

Bapanya hairan.

"Apa maksudmu?"

Nurhikmah segera mengambil satu bukti yang merupakan sekeping gambar dari poketnya. Kemudian dia menghulurkan gambar itu kepada bapanya.

Ketika memandang gambar itu, wajah bapanya bertambah hairan.

"Ya, ini gambar aku dan isteriku bersama dengan anak pertamaku, Rina. Di mana kau mendapat gambar ini?"

"Ibu yang memberi kepadaku," jawab Nurhikmah.

"Jadi, betul kau ini anakku?" bapanya meminta kepastian.

Nurhikmah menganggukkan kepala.

"Kau adalah anakku yang hanya kulihat seminggu?" tanya bapanya lagi.

Nurhikmah sayu mendengarnya dan tidak mampu meluahkan apa-apa melainkan menganggukkan kepala. Air matanya hampir menitis.

"Nurhikmah," kata bapanya.

Nurhikmah tersenyum. Bapanya masih ingat dan menyebut namanya.

"Selama ini, aku selalu berkata di dalam hati yang wajahmu ada persamaan dengan wajah isteriku. Rupa-rupanya kau anakku," kata bapanya dengan gembira.

"Kakak mengikut wajah kita," kata Nurhikmah.

Mereka berdua ketawa kecil. Nurhikmah terlihat Nurul yang berada di kaunter pembayaran. Lalu dia menunjukkan ibu jarinya tanda berjaya. Nurul membalasnya.

"Aku yang memberi kau nama Nurhikmah yang diperolehi daripada cahaya dan hikmah agar kau mendapat kebaikan dari nama tersebut," kata bapanya.

Tiada yang lain lagi yang paling diimpikan Nurhikmah ketika bertemu dengan bapanya selain dari bersalaman dengannya. Dia pun menghulurkan tangan dan bapanya menyambut salamnya itu.

"Ini semua kehendak Yang Maha Kuasa, pa," kata Nurhikmah. Pertama kali di dalam hidupnya dia memanggil 'bapa' kepada seseorang.

"Assalamualaikum," kedengaran satu suara.

Setelah salam dijawab oleh kedua-duanya, Nurhikmah segera mengenalkan Rina kepada bapa mereka.

"Kau sudah besar Rina."

"Ya," jawab Rina lalu bersalam dengan bapanya.

Tiba-tiba Nurhikmah pula yang merasa agak terharu. Dia teringatkan ibunya. Tentang perasaan ibunya dan juga mengenai hubungan ibu dan bapanya. Nurhikmah selalu memanjangkan rasa syukurnya. Penantian belasan tahun kini dirasa kenikmatannya. Dia berharap kegembiraan yang dirasa itu akan berkekalan.

Halaman Puisi... Halaman Puisi... Halaman Puisi...

ASING

Temanku berkata padaku
indahnyanya bumi orang kuning
majunya budaya orang kuning
tidak setanding bumi timur
yang pernah dipijaknya
satu ketika dulu.

Temanku berkata padaku
alangkah baiknya andai bumi timur
bertukar arah haluan
menjadi seperti mereka
serba-serbi mengikut kemonotan
meninggalkan yang telah lapuk ke belakang.

Aku berkata pada diri sendiri
aku tak mungkin sepertimu teman
aku juga pernah berpijak di bumi mereka
namun aku masih berbangga dengan buniku
walaupun lumpur dan panas terik
menyelimuti tubuhku.

Apa yang kurasakan
keindahan tetap pada bumiku dan
orang-orangku
kerana di matakui ia istimewa
aku selesa dengan tempat asalku
biarlah perbezaan menjarakkan semua
daripada ku terperosok di bumi sana
terlalu asing ...!

Dakwat Biru

PASAR MALAM

Di sini tempatnya berjaja
mencari rezeki walau derita
anak-anak kecil menangis keletihan
pulang lewat malam
pendapatan tak seharga keletihan.

Berjaja di pasar malam
tak semudah makan di mulut
yang ungu, hijau, merah
jadi kunci pada untung ruginya.

Kulit-muih, makanan dan minuman
berlambak di meja-meja tersusun rapi
tak siapa membeli
tak siapa memakannya
tika lewat senja tempatnya
hanya di bakul-bakul hitam.

RINTIHAN BUAT NENEK

Di hujung titian
hatiku meraung sedih
jiwaku dipukul kenangan dan kerinduan
di sini tempat dia memancing bagi pengisi
perut tika kosong.

Kulihat rumah itu usang
kayunya dimamah usia kian reput
lambaian nenek tua jelas di mata
membelaiku penuh kasih dan sayang
pemergiannya jiwaku sepi tak berteman
namun kutetap akur pada takdir-Nya.

Setiap nasihat, dorongan, ajaran dan
pesanannya
akan kuingat sampai nafasku terakhir
biar jasad dicincang lumat
takkan pudar ingatanmu padamu
akan kuhias pusaramu dengan haruman
bunga segar

kupohon pada-Nya agar dosamu sebesar
lautan, sekecil habuk diampuni.

SuRra

RINDU YANG HILANG

Ayah
pagi itu kami dikejutkan lagi
dengan kepergianmu
baharu pun embun memaut rumput
di halaman rumah usang itu
kau sudah hilang menjejak palsu.

Hati jadi remuk
ibu termangu kecewa
aku tak berkata melihat adik
menangisi tabung bambu kesayangannya
yang belah tanpa syilingnya
disebabkan kejahilanmu.

Sejak itu ayah pergi
membiarkan kami
kata orang ke halaman fantasi
ah! Aku tak percaya
fitnah dan dusta.

Tapi kerana setitis rindu
kujejaki sandiwaramu ...
Tuhan Maha Esa
sebenarnya terbukti kekecewaan hati ini
aku tak sanggup menambah penderitaan ibu.

Ayahku
mengapa kasihmu berubah?
engkau tega berdayung gembira
di lautan air mata kami
dan kerana kekejaman itu
nafas ibu terhenti jua di hujung rindu.

Oh! Bertambah pedihnya jiwaku
menempuhi onak liku
aku kehilangan ratu hatiku
kini, lima tahun berlalu
ayah muncul kembali
ingin menuntut rindunya yang hilang?

MAYAT-MAYAT HIDUP

Pernahkah kau melihat
mayat-mayat hidup
mata merah menyala
berjalan
merayau-rayau
menghiasi keburukan maya ini?

Siapakah mayat-mayat itu?
hairan! Belum mati sudah jadi mayat
muka cengkung
daging bau dan busuk
berketrampilan buruk.

Sedang jam terus berpusing
mayat-mayat hidup terus kembara
berarak membelakangi kiblat
ingin terus berada di khayalan
di bawah panas matahari.

Mayat-mayat hidup
memakan jarum
menghargai butiran permata palsu
sedang keghairahan nafsunya
mengejar entah apa dikejar
mensiakan usia dan muda.

Husaimy

SEBUAH KESETIAAN

Sebuah kesetiaan
kuhamparkan kini
melingkari dada putih
cintamu
kasihku.

Di sini
di kedamaian daerahmu
kuimbau pandangan
menyelami
menikmati
belaian lembut secebis kasih
milik tulus hatimu.

Pun di sini
kudengar dendangan
lagu-lagu puisi cinta syahdu
yang sering kau alunkan
membuat lena keremajaanku.

Di daerah ini
kudakap sebuah bahagia
paling abadi
lantas kini
kupasrahkan
sebuah kesetiaan
bersama hadirnya hari-hari depan
yang telah kulalui
kemanisannya dan keindahannya.

Azmi KBA

DI KAMAR MEMBISU

Di ruang kamar
sepi membisu
tanpa kata tidak berkata
hati terasa resah gelisah
gundah-gulana
fikiran terasa kusut.

Di sudut kamar
terasa sempit
perasaan terhimpit
bertambah rasa bangkit

hati yang sabar
pengubat penyakit.

Duduk di kamar
mencari rezeki
mencari ilham
puisi ditulis
tentang kehidupan
merempuh kepahitan.

Duduk berdiri
tak tentu arah
mengubah fikiran
di kamar sepi
susunan puisi
belum terhasil.

PENJUAL AISKRIM

Penjual aiskrim
berjalan kaki
ke rumah-rumah
membawa dagangan
orang asing mengadu nasib
tanpa mengira di mana berada.

Penjual aiskrim
hanya sambilan
dagangan dibawa
nasib untuk tiada seberapa
bukan halangan
sekadar menambah rezeki halal.

Penjual aiskrim
merasa senang
rasa sabar sentiasa
terukir di wajah
mencari rezeki
di negara kita.

Penjual aiskrim
merasa puas
berjalan-jalan
membunyikan loceng
cuaca panas
membawa berkat.

Basirah HB

PERATURAN HALAMAN PUISI

SUKACITA menarik perhatian para penulis yang ingin menghantar puisi ke akhbar PELITA BRUNEI supaya akan dapat mematuhi peraturan-peraturan berikut:

1. Puisi hendaklah dialamatkan kepada:

PENERBIT HALAMAN PUISI,

BAHAGIAN AKHBAR,

TINGKAT 2, JABATAN PENERANGAN,

JABATAN PERDANA MENTERI,

LAPANGAN TERBANG LAMA,

BERAKAS, BB 3510,

NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.

2. Puisi mestilah ditaip dengan jarak dua (2) langkau (double spacing) dalam Bahasa Melayu menggunakan ejaan rumi baru.

3. Puisi hendaklah dihantar/dikirim ke alamat di atas dalam disket komputer (tulisan tangan tidak akan diterima).

4. Penulis hendaklah menyatakan nama penuh, nombor kad pengenalan, alamat penuh, nombor telefon, nombor akaun bank dan alamat bank dan nama samaran (jika ada).

5. Penulis yang tidak mematuhi peraturan-peraturan ini tidak akan dilayan.



سنتيائس برسام بيسكيت
Santiana Bersama Biskita

سوسونن رنچاغن تيليبيشن

susunan rancangan TELEVISYEN

PIHAK RTB berhak
menukar mana-mana
jua rancangan

RABU 22 DIS	PAGI		Sambungan	12.00	SIARAN TAMAT	5.45	BERITA	8.50	DRAMA -
	6.00	PEMBUKAAN/LAGU	10.00 RANCANGAN HARI INI	PETANG	6.14	AZAN MAGHRIB	9.30	'Menuju Keredaan'	
	6.02	KEBANGSAAN	10.05 FILIPINO DRAMA -	4.00	LAGU KEBANGSAAN	6.20	SINAR	10.00	DI BRUNEI
	6.12	TILAWAH AL-QURAN	'Memories	4.02	TILAWAH AL-QURAN	6.30	TELEMED - Siri Baru	10.30	NEWS AT 10
	6.12	RAMPAI PAGI -	(Maalaala Mo Kaya)	4.15	RANCANGAN HARI INI	MALAM			HELIX SHELL B-LEAGUE
		Siaran Langsung	11.00 SWITCHING KITCHENS	4.20	SESAME STREET	7.00	LIPUTAN SEMASA	11.00	2004
	9.00	BERITA	11.30 LIPUTAN SEMASA -	5.10	GILLETE WORLD OF	7.29	AZAN ISYAK	11.30	COSBY SHOW
	9.15	RAMPAI PAGI -	Ulangan		SPORT	7.36	ECA SR. 2	12.20	MUTANT X SR. 2
						8.00	BERITA NASIONAL		DOA DAN SIARAN TAMAT

KHAMIS 23 DIS	PAGI		10.00 RANCANGAN HARI INI	12.00	SIARAN TAMAT	5.10	ON THE BALL	7.37	SURAH-SURAH PILIHAN
	6.00	PEMBUKAAN/LAGU	10.05 FILIPINO DRAMA -	PETANG	5.35	SKIN DEEP: CHANGING	8.00	8.00	BERITA NASIONAL
	6.02	KEBANGSAAN	'Memories	4.00	LAGU KEBANGSAAN	6.15	FACES OF ANITA	8.50	AN NUUR -
	6.12	TILAWAH AL-QURAN	(Maalaala Mo Kaya)	4.02	TILAWAH AL-QURAN	6.45	RODDICK - Siri Baru		Siaran Langsung
	6.12	RAMPAI PAGI -	MASAKAN TRADISI	4.15	SUSUNAN RANCANGAN	MALAM			NEWS AT 10
		Siaran Langsung	(DAPUR WARISAN) -	4.20	KIDS HOUR : SUPER	7.00	AZAN MAGHRIB	10.00	DRAMA - 'Yang Tersohor'
	9.00	BERITA	Ulangan		LITTLE FANTA	7.30	FIQHUL MIRATS	11.00	WAYANG PILIHAN -
	9.15	RAMPAI PAGI -	11.30 LIPUTAN SEMASA -		HEROES/WE ALL LIVE	7.00	WARTA ISLAM	12.30	'Star Trek VI : The
		Sambungan	Ulangan		HERE	7.30	AZAN ISYAK		Undiscovered Country'
									DOA DAN SIARAN TAMAT

JUMAT 24 DIS	PAGI		10.50 SADDLE CLUB	2.00	TETAMU SUKAN -		ADVENTURES	9.00	SEMINAR MASJID
	6.00	PEMBUKAAN/LAGU	11.15 APA INI! APA ITU!		Siaran Langsung	5.45	BERITA		KEPIMPINAN RAJA
	6.02	KEBANGSAAN	11.30 BERITA	2.30	LAGENDA - Ulangan	6.15	AZAN MAGHRIB	9.30	DOKUMENTARI MOU
	6.12	TILAWAH AL-QURAN	11.45 TRAVELLING THE	3.00	TAYANGAN GAMBAR	6.21	JALAN MENUJU ALLAH		(RTB/RTM) - 'Seni Batik'
	6.12	RAMPAI PAGI -	GLOBE		CINA - 'Vendetta'	6.30	LIFE	10.00	NEWS AT 10
		Siaran Langsung	12.15 TECHNOLOGY	3.43	AZAN ASAR	MALAM			KHUTBAH JUMAAT
	9.00	BERITA	STARTERS	3.50	TAYANGAN GAMBAR	7.00	LIPUTAN SEMASA	10.40	TELEDRAMA -
	9.15	RAMPAI PAGI -	12.30 SEMBAHYANG FARDU		CINA - Sambungan	7.30	AZAN ISYAK	10.55	'Pak Tam Tukang Karut'
		Sambungan	JUMAAT - Siaran Langsung	4.40	EXPLOMATHS 2004 -	7.37	OLEH OLAH REMAJA	12.25	ROSE PARADE 2004 PT.I
	10.00	RANCANGAN HARI INI	PETANG		'Primary'	8.00	BERITA NASIONAL	1.40	DOA DAN SIARAN TAMAT
	10.15	THE LEGEND OF ZORRO	1.30 VISI SUCI	5.35	JACKIE CHAN				

SABTU 25 DIS	PAGI		10.05 ANIMATION SPECIAL -	PETANG		4.10	EXPOMATHS -	7.31	AZAN ISYAK
	6.00	PEMBUKAAN/LAGU	'Mooncare'	12.55	PANGGUNG PETANG	5.00	'Secondary'	7.38	PAN ASIA
	6.02	KEBANGSAAN	11.20 DRAMA- 'Sipugut@Brunet.		SABTU - 'Robocop: Dark	5.45	KIDS HOUR -	8.00	BERITA NASIONAL
	6.12	TILAWAH AL-QURAN	bn' - Ulangan		Justice'	6.16	SPIDERMAN/	8.50	HIBURAN Hujung
	6.12	RAMPAI PAGI -	11.30 BERITA	2.20	DOKUMENTARI - 'Integriti	6.22	SUPERMODEL		MINGGU
		Siaran Langsung	12.22 AZAN ZUHUR		Pengurusan Dalam Islam'	6.35	BERITA	10.00	NEWS AT 10
	9.00	BERITA	12.30 DOKUMENTARI -	2.50	LIVING	6.22	AZAN MAGHRIB	10.30	TAYANGAN GAMBAR -
	9.15	RAMPAI PAGI -	GAYA HIDUP -	3.15	ANDROMEDA YR. 3 -	6.35	PEDOMAN AKIDAH		'Godzilla'
		Sambungan	'Sumber Alam Di Bukit	3.44	'Shards Of Rimmi'	MALAM	STRANGE BUT TRUE	12.00	ROSE PARADE 2004 PT. II
	10.00	RANCANGAN HARI INI	Markucing'		AZAN ASAR	7.00	DUNIA ASIA	1.15	DOA DAN SIARAN TAMAT

AHAD 26 DIS	PAGI		'Mulan'		PREVIEW		'Sleeping Beauty'		Ulangan
	6.00	PEMBUKAAN/LAGU	11.00 PIMPING	1.45	ENGLISH PREMIER	5.35	TOYOTA WORLD OF	7.28	AZAN ISYAK
	6.02	KEBANGSAAN	11.15 SUNDAY MATINEE - 'Ed'		LEAGUE 2004/2005 -	6.16	WILDLIFE	8.00	BERITA NASIONAL
	6.12	TILAWAH AL-QURAN	11.30 BERITA	2.40	HIGHLIGHT	6.22	BERITA	8.50	TIRAI KELUARGA -
	6.12	RAMPAI PAGI -	11.45 SUNDAY MATINEE -	3.10	JUARA - Siaran Langsung	6.33	AZAN MAGHRIB	10.00	'Lang Buana' -
		Siaran Langsung	12.22 AZAN ZUHUR	3.44	RIPLEY'S BELIEVE IT OR		PENGAJARAN DARI	10.30	NEWS AT 10
	9.00	BERITA		4.05	NOT		AL-QURAN		TIRAI KELUARGA -
	9.15	RAMPAI PAGI -	PETANG		AZAN ASAR		NERVES OF STEEL -	11.00	Sambungan
